

Bil. 30

**Selasa
15 Julai 1997**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN	(Ruangan 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Ruangan 13)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Pembangunan Sukan 1997	(Ruangan 13)
USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Ruangan 43)
UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:	
Dasar Pembentukan Pihak Berkuasa Tempatan - <i>Y.B. Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)</i>	(Ruangan 44)
Pergantungan Kepada Penswastaan dan Pengkorporatan - <i>Y.B. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)</i>	(Ruangan 46)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)

- Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P.,
A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J.,
P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)

- Yang Berhormat Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Telok Intan)
- “ Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)

- Yang Berhormat Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N.,
B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P.,
S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)

- Yang Berhormat Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K.
(Kuala Kedah)

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN
PARLIMEN MALAYSIA**

Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T.,
A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Selamat
Puan Nor Hayatee binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat : Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT**

Selasa, 15 Julai 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30
petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan
Mesyuarat*]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**SEKOLAH SRI SURIA 3 TANAH
MERAH/SEKOLAH MENENGAH DATO
MAHMUD PADUKA RAJA 2/SEKOLAH
KEBANGSAAN TANAH MERAH 3 -
CADANGAN PEMBINAAN**

1. Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad [Tanah Merah] minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada kementerian bercadang untuk membina sekolah-sekolah baru seperti Sekolah Sri Suria 3 Tanah Merah, Sekolah Menengah Dato Mahmud Paduka Raja 2 dan Sekolah Kebangsaan Tanah Merah 3 memandangkan pertambahan pelajar-pelajar, tambahan pula pihak JKR telah mengenal pasti tapak-tapak bangunan yang sesuai dari tahun 1985 lagi.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, Sekolah Rendah Kebangsaan Sri Suria 3 dan Sekolah Menengah Dato Mahmud Paduka Raja 2 telah pun disenaraikan dan diluluskan pembinaannya oleh pihak Unit Perancang Ekonomi. Walaupun begitu surat kuasa belum dapat dikeluarkan kerana masalah pengambilan tapak tanah milik individual. Pelaksanaan projek akan dimulakan sebaik sahaja proses pengambilan tanah selesai dijangka pada penghujung tahun ini.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu bagaimanakah kedudukan tanah-tanah milik Kementerian Pendidikan di mana sekolah-sekolah yang lebih 10 tahun dahulu telah pun ditutup oleh kerana kekurangan pelajar dan sebagainya. Apakah prosedur untuk sekolah-sekolah berkenaan dapat dibangunkan semula dan sekolah dapat dibuka memandangkan pertambahan

penduduk disesuatu kawasan berkenaan agar pelajar-pelajar boleh belajar dan sebagainya. Adakah peruntukan akan diberikan bagi tujuan di atas walaupun telah dipohon melalui Rancangan-rancangan Malaysia yang ada setakat hari ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak jawabkah kerana tidak bersangkutan dengan soalan asal. Soalan asal spesifik iaitu Sekolah Sri Suria, Dato Mahmud Paduka Raja....

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, tajuk tersebut keluar. Walau bagaimanapun, oleh kerana soalan itu mustahak saya cadangkan soalan itu dijawab secara bertulis.

Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan, setakat hari ini saya telah pun dimaklumkan bahawa tanah-tanah kepunyaan mereka ini telah pun diketahui yang mana Kementerian Pendidikan akan ambil. Tetapi setakat hari ini pihak kementerian belum lagi mengeluarkan arahan dan tidak ada sebarang perundingan dengan pihak pejabat tanah.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, proses telah pun dimulakan. Namun demikian terdapat masalah-masalah dan Kementerian Pendidikan dalam peringkat terakhir untuk menyelesaikan semua masalah berkaitan dengan projek-projek yang dibangkitkan.

**MAKLUMAT PALSU DALAM IKLAN
MEMPROMOSI PRODUK - TINDAKAN**

2. Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) apakah tindakan dan hukuman yang boleh diambil terhadap syarikat yang memberi maklumat palsu atau tidak tepat (misrepresentation) dalam iklan mempromosikan sesuatu produk; dan
- (b) bilangan syarikat yang telah dijatuh hukuman.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Tindakan pendakwaan di mahkamah atau dikenakan kompaun di bawah pelbagai

undang-undang berkaitan boleh diambil terhadap syarikat yang memberi maklumat palsu atau tidak tepat (misrepresentation), dengan izin, dalam iklan mempromosikan sesuatu produk. Hukuman yang boleh dikenakan pula berbeza mengikut undang-undang yang dikuatkuasakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pada masa ini tidak ada suatu undang-undang khusus untuk mengawal atau mengawal selia iklan-iklan berhubung dengan produk atau perkhidmatan di negara ini. Sebaliknya kawal seliaan ke atas pengiklanan dibuat melalui beberapa undang-undang yang dikuatkuasakan oleh berbagai pihak berkuasa.

Di bawah Akta Perihal Dagangan 1972 yang dikuatkuasakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna misalnya maklumat yang terkandung dalam iklan mengenai sesuatu produk dianggap sebagai satu perihal dagangan. Jika didapati palsu, mengelirukan atau boleh mengelirukan pihak-pihak yang terlibat dalam penyiaran atau penerbitan iklan berkenaan adalah melakukan satu kesalahan di bawah akta itu dan boleh dikenakan tindakan pendakwaan di mahkamah atau dikompaun. Hukuman maksimum yang boleh dikenakan di bawah akta itu adalah seperti berikut:

- (i) bagi individu denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali; dan
 - (ii) bagi syarikat atau pertubuhan perbadanan dendanya tidak melebihi RM250,000. Bagi kesalahan kedua dan berikutnya pula, pihak-pihak terbabit boleh dikenakan hukuman sekali ganda dari yang telah disebut itu.
- (b) Untuk tempoh 1 Januari 1997 hingga 30 Jun 1997 kementerian ini telah mengambil 22 tindakan kes di bawah Akta Perihal Dagangan 1972 terhadap mereka yang melakukan kesalahan berkaitan iklan palsu yang melibatkan penyitaan barang-barang bernilai RM9,917.50 sen, 14 kes daripadanya telah dikompaun dengan nilai

kompaun sebanyak RM12,300, manakala bakinya iaitu 8 kes lagi masih dalam siasatan.

Sekian, terima kasih.

Tuan Kamarudin bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan jawapan daripada Yang Berhormat tadi, saya ingin mendapatkan penjelasan, setelah barang-barang itu didapati barang tiruan ataupun barang yang berdasarkan maklumat palsu yang dijual atau diedarkan dan setelah didakwa di mahkamah apa yang berlaku kepada barangan-barangan yang banyak yang dikeluarkan oleh syarikat, cara mana dilupuskan barang-barang tersebut?

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, apabila pendakwaan mahkamah diadakan, mereka yang melakukan kesalahan akan didenda iaitu bagi individu denda tidak melebihi RM100,000 atau tidak melebihi 3 tahun penjara atau kedua-duanya dan barang-barang yang dirampas akan dibakar atau dimusnahkan.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan tambahan. Oleh kerana tidak ada undang-undang yang khas untuk mengawal iklan palsu ini, jadi pihak manakah yang boleh menentukan sesuatu iklan itu palsu dan saya dapati mungkin banyak akta yang boleh digunakan. Misalnya kita dapati dalam perniagaan pemasaran barang-barang kesihatan hari ini banyak yang tidak tepat. Saya sendiri pun pernah menjadi mangsa menggunakan bahan untuk mengurangkan berat badan. Apabila menggunakan bahan ini nampak berat badan tidak susut [*Ketawa*] tetapi dia kata ada jaminan. Bila ditanya dia kata kena buat, dengan izin 'skip', tetapi apabila saya buat 'skipping' - penat. Apabila dirujuk kepada kawan dia kata yang betulnya 'skip your food', dengan izin. Jadi siapakah yang berhak untuk menentukan bahawa sesuatu iklan itu palsu ataupun tidak palsu dan undang-undang manakah yang boleh dipakai?

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, memanglah betul tiada suatu undang-undang khusus untuk mengawal atau mengawal selia iklan-iklan berhubung dengan produk atau perkhidmatan. Di samping Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang tadi saya telah sebutkan di bawah satu akta iaitu Akta Perihal Dagangan 1972 yang boleh menghukum atau mendenda orang yang membuat kesalahan, kementerian lain seperti Kementerian Penerangan juga mempunyai satu akta iaitu Akta Penyiaran 1988 dan satu

Jawatankuasa Pengiklanan pun telah ditubuhkan di kementerian itu untuk mengawal selia semua iklan melalui media elektronik dan juga Kementerian Kesihatan, di bawah bidang kuasanya ada Akta Ubat, Akta Racun dan Akta Makanan, Peraturan-peraturan Makanan 1985 dan Peraturan-peraturan Dadah dan Kosmetik 1984 dan sebuah lembaga telah ditubuhkan iaitu Lembaga Iklan Ubat telah pun ditubuhkan di kementerian itu.

Perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat bolehlah kementerian ini mengambil tindakan jika Yang Berhormat boleh memberi maklumat-maklumat yang berkenaan, jadi kementerian ini bolehlah mengambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Hock Seng.

[Soalan No. 3 - Y.B. Tuan Lim Hock Seng [Bagan] tidak hadir]

BURSA SAHAM KUALA LUMPUR - MEMULIHKAN SENTIMEN PASARAN

4. Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin] minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) tentang usaha-usaha untuk memulihkan sentimen pasaran yang negatif di Bursa Saham Kuala Lumpur;
- (b) tentang kesan pasaran saham yang agak perlahan terhadap ekonomi negara.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan pertanyaan Ahli Yang Berhormat mengenai perkara yang sama turut juga dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Larut pada 21 Julai, 1997, saya mohon menjawab pertanyaan-pertanyaan itu serentak.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, gerak laku pasaran saham pada umumnya dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti keadaan ekonomi negara, kestabilan politik, kewujudan kecairan dana dan khabar-khabar angin.

Pasaran Saham BSKL meleset di antaranya disebabkan oleh perkembangan di negara jiran serta kemunculan pasaran-pasaran lain seperti di Amerika Latin dan di Eropah Timur dengan peluang pelaburan yang lebih menarik berbanding

dengan pasaran di Asia Timur kecuali di Jepun. Keadaan ini serba sedikit telah menyaksikan pemindahan dana pelabur asing dari wilayah Asean ke negara-negara yang saya sebut tadi.

BSKL berperanan memudahkan dagangan sekuriti serta mengembangkan pasaran sekuriti dan juga berperanan untuk memajukan serta menaikkan taraf industri sekuriti di negara ini. Sentimen pasaran adalah di luar kawalan BSKL.

Usaha-usaha yang ditumpukan ke arah peningkatan kecekapan oleh BSKL, profesionalisme dan pengetahuan pelabur dalam pasaran saham akan menentukan kekukuhan BSKL itu sendiri. Usaha-usaha yang dijalankan itu bukan untuk memulihkan pasaran, tetapi sebenarnya untuk membangunkan pasaran saham yang dapat memberi peluang pelaburan kepada para pelabur.

Bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, keadaan fundamental BSKL serta suasana ekonomi dan politik Malaysia pada keseluruhannya kukuh dengan ekonomi negara dijangka terus meningkat kadar inflasi di tahap rendah dan syarikat-syarikat tempatan diramal memperolehi pertumbuhan pulangan yang kukuh. Walaupun BSKL memainkan peranan penting dalam pengemblengan modal, adalah diramalkan bahawa keadaan pasaran saham yang lembab dalam jangka pendek ini tidak akan menjejaskan kedudukan ekonomi negara pada keseluruhannya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri keadaan ekonomi, kestabilan politik, khabar-khabar angin dan yang keempat ialah adanya pasaran saham di kawasan-kawasan lain.

Soalan saya, perhatikan keadaan semasa apa yang telah berlaku di Bursa Saham Kuala Lumpur telah juga berlaku di semua saham di ASEAN. Oleh itu, adakah satu mekanisme menyeluruh untuk negara-negara ASEAN bagi mengatasi pengaliran dana daripada ASEAN kepada bursa-bursa atau kawasan-kawasan lain?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, jikalau Ahli Yang Berhormat meminta satu mekanisme ataupun prinsip yang menyeluruh untuk mengatasi masalah ini - tidak ada. Dan tidak ada dalam mana-mana buku ekonomi satu jawapan yang tepat, yang pentingnya ialah kedudukan ekonomi negara itu sendiri dan juga kemudahan-kemudahan pelaburan serta yang penting sekali ialah pulangan kepada pelaburan,

kerana tiap-tiap orang yang melabur mereka menghendaki pulangan yang maksimum. Jadi, keadaan-keadaan yang tertentu, yang berlaku dari masa ke semasa adalah disebabkan oleh beberapa faktor di luar kawalan satu-satu bursa di dalam negara itu. Misalan yang saya sebut tadi wujudnya pasaran-pasaran alternatif khususnya di Eropah Timur, yang mana terdiri daripada negara-negara yang dahulunya negara sosialis, sekarang telah menjadi negara kapitalis, mereka mempunyai unjuran-unjuran yang jangka pendeknya akan memberi pulangan jangka pendek yang lebih tinggi pada masa jangka pendek, tetapi satu hari mereka sendiri pun akan mengalami masalah dan dana itu akan balik kepada tempat kita. Jadi, apa yang berlaku ini adalah soal gejala yang boleh dikatakan gejala jangka pendek, melainkan kita mempunyai masalah yang cukup rumit iaitu kejatuhan fundamental yang tidak dapat diselamatkan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi, Yang Berhormat ada memberikan kenyataan bahawa fundamental di negara kita baik, sama ada fundamental dalam pasaran saham, politik ataupun struktur ekonomi yang tersendiri. Bermakna kalau keadaan ini baik pelabur-pelabur asing, keyakinan (confidence) mereka mungkin berdasarkan kepada perkara yang bukannya fundamental, tetapi kalau itu menjadi alasan kepada pelabur-pelabur luar negara untuk menunggu 'wait and see', tetapi saya nampak juga selain daripada pelabur-pelabur asing, kita ada pelabur-pelabur tempatan yang turut juga mengambil pendekatan (attitude) tunggu dan lihat (wait and see). Bermakna kalaulah pelabur-pelabur tempatan seperti syarikat-syarikat kita yang besar, agensi-agensi kerajaan sendiri yang juga menunggu untuk mendapatkan signal dan contoh daripada pelabur-pelabur di luar. Adakah sampai masanya, kementerian menasihati kepada mereka, jangan kita sendiri sebagai warganegara Malaysia berkeyakinan kepada empat faktor yang Dato' nyatakan tadi? Mengapa tidak mengambil satu kepimpinan (lead) atau mengambil satu usaha untuk datang atau mara ke hadapan dan cuba memberikan keyakinan kepada pelabur luar negara bahawa pasaran saham kita di Kuala Lumpur mempunyai fundamental dan kedudukan yang baik dan patut mereka juga masuk balik dalam pasaran dan menjadikan keadaan seperti yang biasa? Saya minta pandangan dan penjelasan dari Dato' Timbalan Menteri yang agak pakar dalam bidang ini.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya bukanlah pakar, saya hanya ahli politik macam Yang Berhormat juga. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Rompin membawa satu perkara yang sangat penting yang mana menjadi satu faktor di dalam mana-mana pasaran muda seperti pasaran kita, pasaran kita masih lagi muda, iaitu faktor kepercayaan (confidence) pelabur-pelabur dalam negara kita. Tetapi kalau kita tengok pada angka Yang Berhormat, pada masa ini sudah ada satu kepercayaan diri sendiri di kalangan pelabur-pelabur institusi negara kita. Kalau dahulu tidak ada kerana mereka 'latah', jikalau orang luar lari, dia pun lari sama. Tetapi sekarang kalau kita lihat angkanya pada tahun 1996 modal pasaran adalah RM806.8 bilion (RM806 ribu juta). Walaupun ada beberapa kejutan, tetapi setakat 23 Mei yang lepas, modal pasaran ialah RM762.5 bilion. Ini menunjukkan bahawa pelabur-pelabur institusi dari pasaran domestik bertahan. Jadi, yang 'latah' itu ialah pelabur-pelabur kita atau individu, yang 'latah' ialah pelabur yang mempunyai 10 lot, 20 lot, tetapi pelabur institusi bertahan.

Saya diberitahu oleh pihak Security Commission bahawa pelabur-pelabur luar negeri pun sebenarnya mereka tidak lari. Mereka masih lagi berada dalam negara dan sedang menunggu masa untuk memasuki pasaran. Ini berita daripada Security Commission.

Tuan Yang di-Pertua, soal kerajaan meminta pelabur-pelabur institusi dari dalam negeri memasuki pasaran, kita hanya boleh menyeru, tetapi kita tidak boleh memaksa kerana ini adalah ekonomi bebas dan tiap-tiap pelabur institusi, walaupun institusi itu dipunyai oleh kerajaan mereka adalah diberi kebebasan untuk memastikan pulangan mereka dimaksimumkan.

KAD PENGENALAN BIRU KEPADA KAD PENGENALAN BARU - PERMOHONAN MEMPERBAHARUI

5. Datuk Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapakah ada warganegara Malaysia tulen yang memohon memperbaharui kad pengenalan birunya kepada kad pengenalan baru berbentuk "bunga raya" diturunkan pangkat kewarganegaraannya dan digelar sebagai "Penduduk Sementara" walhal ianya memang warganegara Malaysia.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, status setiap warganegara Malaysia adalah terjamin di bawah Perlembagaan Persekutuan negara kita. Kerajaan tidak boleh melucutkan kewarganegaraan warga kita dengan sewenang-wenangnya tanpa mengikut peruntukan Perlembagaan.

Kerajaan hanya akan membetulkan sebarang kesilapan atau hanya akan menarik balik kad pengenalan biru yang dikeluarkan secara tidak teratur dalam proses penukaran kad pengenalan dilakukan. Sehingga kini kementerian tidak ada rekod yang menunjukkan bahawa ada warganegara yang statusnya sah dan teratur itu telah diubah dari status warganegara kepada penduduk sementara. Walau bagaimanapun, jika sekiranya masalah yang berlaku itu disebabkan kesilapan kakitangan di Jabatan Pendaftaran Negara, Ahli Yang Berhormat boleh menasihati pemegang kad pengenalan tersebut merujuk masalahnya kepada jabatan tersebut dan kerajaan sedia menyiasat.

Datuk Joseph Pairin Kitingan: Tuan Yang di-Pertua, kalaulah kewarganegaraan Malaysia amat dipentingkan, mengapakah sekarang ini apabila kita memperbaharui kad pengenalan kepada kad pengenalan baru yang berbentuk bunga raya tidak lagi diperlukan Sijil Kelahiran anak?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah pun mengemaskinikan prosedur. Sebenarnya ini telah pun dilakukan dalam masa 5 tahun kebelakangan dan kerajaan sudah ada cara untuk mengesahkan bahawa orang yang menukar kad pengenalan itu adalah benar-benar warganegara kerana setiap permohonan itu diwajibkan dirujukan kepada ibu pejabat Jabatan Pendaftaran Negara di mana rekod asal itu disimpan. Maka semasa menyemak rekodnya, gambar dan cap jari semua akan disemak di situ, walaupun tanpa dokumen sokongan yang disebutkan tadi, tetapi kita masih tahu, kerana kalau mereka boleh sertakan surat kelahiran atau sijil-sijil lain, sijil-sijil itu pun boleh dipalsukan. Kalau dikatakan pemalsuan memang orang expert di masa kini. Jadi, cara itulah kita rasa selamat dan terjamin.

Tuan Yunof Edward Marinking: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa ada caranya pihak kerajaan untuk mengesan tentang kesahihan pemohon-pemohon. Jadi, soalan saya

di sini ialah kalau ada cara untuk memastikan bahawa pemohon-pemohon itu adalah warganegara sebenarnya, bagaimana pula boleh berlaku di mana pemohon-pemohon baru yang memohon kad pengenalan baru itu boleh dikategorikan sebagai 'penduduk sementara' sedangkan kedua-dua ibu bapa pemohon itu adalah warganegara Malaysia dan anak mereka pula dikategorikan sebagai 'penduduk sementara'. Apakah cara untuk membetulkan masalah ini?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kewarganegaraan ini adalah satu perkara yang sangat teknikal, yang kita mesti mengikut undang-undang secara tepat, bukan untuk kita sendiri untuk menaksirkan seseorang warganegara atau tidak. Memang betul secara kuatkuasa undang-undang kalau seseorang yang dilahirkan selepas kemerdekaan atau selepas hari Malaysia di Malaysia ini, pada masa seseorang itu dilahirkan salah seorang ibu bapanya adalah warganegara dan kelahiran itu mesti didaftar secara sah, maka orang itu adalah boleh dikatakan ada 'birth right' iaitu hak sebagai warganegara secara lahir. Akan tetapi ada kes-kes di mana kita jumpa seseorang itu dilahirkan tidak didaftarkan pada masa dia dilahirkan, kemudian selepas 10 tahun atau 20 tahun baru mengatakan orang itu dilahirkan oleh seseorang warganegara, tetapi bukti itu kita kena cari. Inilah satu masalah yang kadangkala rakyat tidak faham, dia ingat mengapa orang itu tidak diberi status warganegara dan kerajaan tidak boleh sesuka hati atau pegawai sendiri menentukan, kita kena menggunakan dokumen untuk mengesahkan.

MYANMAR - ISU PENYERTAAN DALAM ASEAN

6. **Tuan Hashim bin Ismail [Ledang]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah benar wujudnya ketidaksefahaman di kalangan negara-negara anggota ASEAN tentang isu kemasukan Myanmar dalam pertubuhan ini, jika benar:

- (a) namakan negara-negara yang tidak bersetuju dengan kemasukan Myanmar dan sebab-sebabnya; dan
- (b) adakah isu ini akan menjadi punca perpecahan ikatan ASEAN dan adakah Myanmar akan terus menjadi 'duri dalam daging' ASEAN.

Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya

menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Ledang bersama-sama dengan soalan-soalan lain yang berkaitan dengan isu ini dan isu-isu kemasukan Myanmar, Kemboja dan Laos ke dalam ASEAN. Soalan-soalan tersebut ialah Ahli Yang Berhormat dari Mersing pada 15 Julai 1997, soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kerai juga pada tarikh yang sama, soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Tanjong pada 16 Julai 1997, soalan Ahli Yang Berhormat dari Tawau pada 21 Julai 1997, soalan Ahli Yang Berhormat dari Libaran pada 23 Julai 1997, soalan Ahli Yang Berhormat dari Lumut pada 24 Julai 1997, soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani pada 28 Julai 1997, soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Tumpat pada 30 Julai 1997 dan soalan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong pada 31 Julai 1997.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, persetujuan untuk menerima penyertaan Kemboja, Laos dan Myanmar ke dalam ASEAN telah dipersetujui semasa Sidang Kemuncak ASEAN Kelima di Bangkok pada tahun 1995. Tujuan ini adalah selaras dengan hasrat dan wawasan pengasas ASEAN untuk membentuk satu masyarakat community, dengan izin, yang bersatu di rantau ini yang merangkumi kesemua 10 buah negara di Asia Tenggara. Tujuan yang paling utama dalam hasrat ini ialah untuk menjadikan Asia Tenggara satu kawasan yang aman, stabil dan makmur.

Syarat-syarat yang menjadi asas supaya Kemboja, Laos dan Myanmar menyertai ASEAN ialah kesediaan negara-negara tersebut berpegang kepada objektif ASEAN yang terkandung dalam Deklarasi ASEAN 1997 setelah menerima perjanjian-perjanjian politik dan ekonomi ASEAN yang lain. Perjanjian pokok ialah ZOPFAN 1971, Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama di Asia Tenggara (1976), Deklarasi ASEAN Concord (1976) dan juga Perjanjian Penubuhan Sekretariat ASEAN 1976.

Selain daripada itu, mereka juga mesti menyumbang terhadap penubuhan kawasan Perdagangan Bebas di Asia Tenggara (AFTA) melalui Skim Common Effective Preferential Tariff (CEPT). Sistem politik dalam negeri tidak menjadi syarat yang diambil kira dalam menimbang penyertaan Kemboja, Laos ataupun Myanmar dalam ASEAN. Menteri-menteri Luar ASEAN di

mesyuarat khas di Kuala Lumpur pada 31 Mei 1997 yang lepas telah menimbang isu kemasukan Kemboja, Laos dan Myanmar telah bersetuju bahawa ketiga-tiga negara tersebut boleh menjadi anggota ASEAN dalam Persidangan Menteri-menteri Luar ASEAN yang ke-30, iaitu pada 23 Julai 1997.

Mengenai kemasukan Myanmar, Malaysia dan negara ASEAN yang lain percaya bahawa dasar perhubungan membina (constructive engagement) lebih bermakna dan berhasil dalam menjaga keamanan dan kestabilan di Asia Tenggara. Keputusan ASEAN adalah berpandu kepada kesan dan manfaat dasar itu kepada negara-negara ASEAN dan bukannya terhadap kepentingan negara-negara lain. Amerika Syarikat walaupun tidak bersetuju dengan kemasukan Myanmar ke dalam ASEAN mengakui bahawa ASEAN berhak membuat keputusan mengenai perkara ini.

Malaysia juga percaya kemasukan Kemboja, Laos dan Myanmar ke dalam ASEAN akan mendedahkan negara tersebut kepada cara-cara ASEAN. Sungguhpun persetujuan untuk menerima penyertaan negara-negara Kemboja, Laos dan Myanmar pada bulan Julai 1997 telah dicapai, Menteri-menteri Luar ASEAN dalam mesyuarat baru-baru ini di Kuala Lumpur pada 10 Julai telah mengkaji semula keputusan itu dan membuat keputusan untuk menunda kemasukan Kemboja ke dalam ASEAN. Ini adalah disebabkan oleh perkembangan terbaru yang tidak diduga di negara tersebut. Walau bagaimanapun, ASEAN berpegang kepada prinsip tidak mencampur tangan dalam hal-hal dalam negara ini.

Untuk menjawab soalan yang khusus:

- (a) dalam soalan Ahli Yang Berhormat dari Ledang, semua keputusan yang dibuat dalam ASEAN pada semua mesyuarat yang berkaitan dengan isu ini adalah keputusan sebulat suara (consensus); dan
- (b) kehadiran Myanmar dalam ASEAN kita tidak lihat sebagai menjadi 'duri dalam daging' bagi ASEAN.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan tambahan daripada Yang Berhormat Menteri, iaitu adakah ASEAN mengambil kira pandangan masyarakat dunia mengenai isu-isu yang berlaku di negara-negara tersebut semasa menimbang kemasukan ketiga-tiga negara itu, dan apakah ASEAN akan menggunakan pengaruhnya untuk

memperbaiki keadaan di ketiga-tiga negara itu apabila mereka menyertai ASEAN nanti?

Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, bahagian pertama soalan, kita memang memahami apakah pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh negara-negara lain mengenai isu ini, kita faham, tetapi keputusan kita mestilah diasaskan kepada kepentingan rantau ini, kepentingan ASEAN.

Kedua, memanglah ASEAN akan menggunakan apa juga pengaruh yang ada padanya, pendekatan-pendekatannya untuk membawa perubahan-perubahan kepada negara-negara yang berkenaan. Ini adalah sudah menjadi satu keputusan ASEAN.

Tuan Lim Kit Siang: Bukankah benar bahawa sejak keputusan Menteri-menteri Luar ASEAN bulan Mei mengenai kemasukan Myanmar dalam ASEAN lagi seminggu, bahawa ada tanda-tanda yang menunjukkan keadaan di Myanmar bukan lebih terbuka, tetapi lebih tertutup semacam di mana bukan sahaja universiti-universiti bukan semua dibuka, malah sekolah-sekolah masih ditutup, takut ada protes-protes sebelum akhir bulan ini, di mana ada tahanan-tahanan baru dilakukan dan ada kematian orang-orang tahanan, dan penyekatan terhadap Aung San Suu Kyi diteruskan, di mana cadangan Yang Berhormat Menteri sebagai Pengerusi ASEAN Standing Committee bahawa Military Junta mengadakan dialog dengan National League Democracy ditolak. Apakah pendirian Yang Berhormat Menteri mengenai kenyataan Menteri Luar Thailand bahawa selepas Burma masuk ASEAN, perlu satu dasar yang baru untuk menggantikan constructive engagement oleh kerana sekarang apabila Burma sudah masuk, perlu satu dasar yang lebih komprehensif yang mengkehendaki Burma untuk memenuhi norma-norma mengenai menghormati hak asasi dalam ASEAN, apakah pendirian Malaysia?

Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, tentang yang pertama itu bolehlah saya katakan bahawa memang banyak perkara yang berlaku dalam negara yang berkenaan. Ini adalah berhubung kait dengan apa yang dilakukan oleh pemerintah SLORC dan juga keadaan politik di sana, dan bukanlah menjadi satu kebiasaan bagi kita untuk mencampur tangan dalam apa yang berlaku di negara itu.

Walaupun begitu, walaupun memahami tentang prinsip ini yang kita sama-sama pegang dengan teguh, tetapi dalam hubungan kita mengikut dasar hubungan membina constructive engagement itu, kita telah sampaikan pandangan-pandangan yang jelas tentang prihatin kita terhadap apa yang sedang berlaku di negara tersebut kepada mereka dan kita akan teruskan dengan dasar ini untuk menarik perhatian mereka dan mengharapkan perubahan-perubahan yang dapat dilakukan.

Yang keduanya, apabila negara ini menjadi anggota ASEAN kelak tentulah dasar akan berubah, tidak semestinya khusus seperti dasar perhubungan membina constructive engagement itu, kerana ini adalah untuk sebuah negara Myanmar yang belum menganggotai ASEAN. Tentu sekali dasar terhadap Myanmar akan lebih komprehensif lagi kalau ia menganggotai ASEAN dan tentulah sekali ada hal-hal lain dan pendekatan dan cara ASEAN yang lain yang perlu dipatuhi oleh negara yang berkenaan. Hubungan kita dengan kepimpinan SLORC di dalam satu hubungan yang terus-menerus, dan kita akan berusaha juga untuk mendapatkan sesuatu perubahan di negara berkenaan sesuai dengan aspirasi dan kehendak ASEAN yang sejajar dengan peranan mereka nanti sebagai anggota ASEAN.

Kita memahami perubahan tidak boleh dilakukan atau tidak diperolehi dalam masa yang sekejap. Tentulah ia akan mengambil masa yang lama tetapi usaha itu mesti diteruskan. Ia adalah satu usaha yang lebih baik dari kita memencilkan negara itu, kerana apabila negara itu dipencilkan maka keadaan tidak boleh dijamin langsung tentang apa yang akan berlaku di negara berkenaan.

IMPORT/EKSPORT BARANGAN ISRAEL - JUMLAH NILAI PERDAGANGAN

7. Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:-

- (a) jumlah import dan eksport barangan Israel ke negara ini mengikut nama syarikat, produk dan nilai harga; dan
- (b) jumlah dan nilai transaksi untuk mendapatkan perkhidmatan dari rakyat Israel mengikut nama syarikat dan jenis perkhidmatan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah nilai perdagangan di antara Malaysia dan Israel di antara tahun 1995 sehingga Jun 1997 adalah sebanyak RM149.1 juta. Daripada jumlah tersebut import merangkumi sebanyak RM147.8 juta, manakala jumlah eksport bernilai RM1.3 juta.

Dari tahun 1995 hingga Julai 1997, produk-produk utama yang diimport dari Israel ialah, pertamanya dies in wafer form, dengan izin, yang nilainya berjumlah RM75 juta, IC die wafer, capacitor RM55.4 juta, silicon wafer RM6.5 juta, desktop publishing system RM3.7 juta, integrated circuit RM3.4 juta. Eksport-eksport utama ke Isarael ialah pertama, diaper thread RM0.82 juta, sarung tangan RM0.27 juta, rubber thread RM0.18 juta, minyak kelapa dan palm kernel olein RM0.04 juta.

- (b) Perdagangan dengan Israel adalah dibuat melalui kawalan pelesenan import dan eksport yang dipertimbangkan secara kes demi kes. Lesen-lesen eksport dikeluarkan untuk mengeksport barang-barang Malaysia ke Israel, manakala lesen import pula dikeluarkan untuk mengimport barang-barang tertentu dari Israel seperti peralatan mesin yang berteknologi tinggi dan bahan-bahan perindustrian yang sukar diperolehi dari negara lain.

Kelonggaran di atas hubungan perdagangan dengan Israel tidak termasuk transaksi untuk mendapatkan perkhidmatan dari rakyat Israel. Oleh yang demikian, kerajaan tidak mempunyai maklumat mengenai nilai transaksi tersebut.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak kementerian mengambil kira perkembangan mutakhir yang berlaku di Israel menunjukkan kedegilan, kekejaman, tidak menghormati perjanjian damai, dan yang paling terakhir ialah tidak menghormati umat Islam apabila mengisytiharkan Baitulmaqdis menjadi ibu negara Israel. Adakah perkara-perkara ini tidak mengambil kira dalam menilai hubungan dagangan dengan Israel sama ada secara langsung atau tidak langsung ke arah pembatalannya sekiranya perkara ini terus berlaku?

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi,

kerajaan pada tahun 1994 lagi telah memutuskan supaya larangan import dan eksport secara mutlak antara Malaysia dengan Israel digantikan dengan kawalan pelesenan bagi import dan eksport berdasarkan kepada pertimbangan kes demi kes. Sememangnya kita cukup prihatin, peka mengenai perkembangan yang berlaku di Israel sekarang. Tidak sama sekali bererti bahawa Malaysia telah mengubah polisi atau pendirian terhadap Israel. Kerajaan masih belum bersedia mengiktiraf negara Israel, kerajaan masih lagi tidak bersedia untuk mengadakan sebarang bentuk kerjasama dengan regim Israel.

Walau bagaimanapun, kecaman semata-mata melalui kenyataan dan retorik tidak akan membawa perubahan di dalam polisi tersebut, tidak dapat mempengaruhi tindakan Kerajaan Israel.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi tahun 1996 dengan tindakan pragmatik dan realistik Kerajaan Barisan Nasional, perdagangan Malaysia dengan Israel berbanding dengan perdagangan antarabangsa Malaysia ialah hanya 0.025%, jumlah dagangan yang begitu kecil sekali.

Tindakan kita tertakluk kepada proses damai mengikut apa yang telah dipersetujui dan langkah-langkah kita adalah berhati-hati melaksanakan secara berperingkat-peringkat tertakluk kepada pencapaian serta proses damai secara menyeluruh di Asia Barat.

Maka jawapan kepada soalan Ahli Yang Berhormat ialah memang kerajaan peka, prihatin tetapi pada masa yang sama begitu realistik dan pragmatik dalam tindakan kita.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan perkembangan ekonomi Malaysia tujuh tahun berturut-turut lebih daripada 8% tanpa ada hubungan dengan Israel, apa perlu kita membuat hubungan dan menyakit hati orang Islam sedangkan eksport kita ke Israel RM1.3 juta sahaja dan Israel eksport kepada kita RM149 juta. Jadi, Pemuda UMNO sendiri akan membuat satu himpunan minggu depan muafakat menentang Israel.

Jadi, langkah-langkah walaupun dagangan ini kecil, tetapi ia menyakitkan hati orang Islam dan sikap Yahudi adalah bersangkut-paut dengan akidah Islam itu sendiri dan kenapakah kerajaan tidak terus mengambil tindakan iaitu kita putuskan sahaja hubungan dengan Israel memandangkan keuntungan yang didapati terlalu sedikit. Carilah

barang-barang yang datang daripada Israel itu daripada negara-negara lain yang sedia ada hubungan diplomatik dengan kita daripada terus menyakit hati sebahagian ataupun kesemua orang Islam di Malaysia ini.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, dari segi sudut perdagangan, saya menjawab sebagai Setiausaha Parlimen kepada MITI, tidak boleh dinafikan bahawa Israel sebagai sebuah negara yang agak maju di rantau Asia Barat berpotensi, memainkan peranan dalam meningkatkan pembangunan ekonomi serantau.

Keduanya, Israel juga berpotensi dijadikan sebagai pusat pelaburan perdagangan dan sebagai pintu masuk ke rantau Asia Barat.

Ketiganya, adalah difikirkan sekiranya tercapai kedamaian di Israel, negara-negara Arab juga akan meningkatkan hubungan mereka dengan Israel termasuk hubungan perdagangan. Dengan ini, perdagangan Malaysia dengan negara-negara Arab ini secara tidak langsung dengan Israel juga akan meningkat.

Bermakna dasar pragmatik dan realistik kita untuk memastikan bahawa saluran dan ada juga kaitan sekiranya proses damai ini terlaksana dan menjadi realiti, maka kita di dalam keadaan di mana kita mampu untuk tidak tersisih atau terpinggir dalam perkembangan ini.

UNDANG-UNDANG PILIHANRAYA - CADANGAN MEMINDA

8. Dato' Abu Seman bin Haji Yusof [Alor Gajah] minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Suruhanjaya Pilihanraya mempunyai cadangan untuk meminda Undang-undang Pilihanraya bagi menghapuskan sistem membenarkan calon bebas bertanding di mana-mana kawasan pilihan raya Persekutuan atau Negeri memandangkan Ahli-ahli Parlimen bebas atau Ahli-ahli Dewan Undangan bebas tidak mungkin mampu untuk menubuhkan sebuah kerajaan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak bercadang untuk meminda Undang-undang Pilihanraya supaya tidak membenarkan calon bebas bertanding dalam mana-mana pilihanraya Parlimen atau Negeri. Negara kita mengamalkan sistem demokrasi oleh itu setiap orang adalah diberi kebebasan untuk bertanding dalam pilihanraya asalkan dia layak mengikut peruntukan undang-undang yang ditetapkan.

Dato' Abu Seman bin Haji Yusof: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini terdapat di kawasan DUN Melekek, seorang calon bebas yang bertanding di kawasan DUN Melekek, pernah bertanding di pilihanraya kecil di beberapa kawasan lain seperti di kawasan DUN Asahan di Melaka dan juga beliau cuba memasuki bertanding juga di kawasan Kuala Selangor, Kuala Lipis dan daripada percubaan calon ini, adalah seolah-olah beliau mempunyai 'uang di sebalik batu' atau mempunyai motif-motif yang tertentu yang mana hanya beliau sahaja yang tahu dan dengan adanya seperti di Melekek hanya calon bebas sahaja yang bertanding bahawa kita nampak seriousness untuk beliau bertanding tiada dan ini boleh merugikan masa dan kewangan rakyat bagi Suruhanjaya Pilihanraya mengadakan pilihanraya.

Apakah perancangan Suruhanjaya Pilihanraya supaya calon seperti ini tidak timbul lagi terutamanya kita tidak lama lagi akan mengadakan pilihan raya kecil di kawasan Semerak di Kelantan.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, mana-mana calon yang masuk bertanding dalam pilihan raya, kita tidak tahu motif di sebalik tujuannya selain daripada untuk menjadi Wakil Rakyat dan berkhidmat kepada rakyat kecuali kalau calon yang hendak masuk pilihan raya itu mengumumkan atau mengisytiharkan ada tujuan yang lain. Kalau begitu, bolehlah kita menentukan bahawa tujuannya jelas, sebab itulah, kita tidak boleh menentukan terus mengatakan dia tidak boleh bertanding kerana tujuan itu, dia boleh sue kita ke mahkamah sebab tidak ada bukti yang jelas mengatakan dia itu bertujuan demikian, sebab itu kita benarkan.

Yang kedua, memanglah masalah calon bebas ini memang banyak berlaku, sebab kadangkala oleh kerana terlalu hendak berkhidmat, kepada rakyat tetapi dia tidak dapat. Ini berlaku daripada mana-mana parti sekalipun kadang-kadang keluar daripada parti bertanding bebas, oleh kerana sebab-sebab yang tertentu.

Jadi, itu memang perkara kita anggap dia bertujuan untuk berkhidmat. Memang tidak wajarlah mana-mana negara yang mengamalkan secara demokrasi, kita tidak memberi kebenaran kepada mereka untuk bertanding dalam calon yang saya nyatakan tadi. Di Melekek ini, di Melekek, saya tidak tahu, Melekek, melekat ya, namanya

.....

Seorang Ahli: Melokek.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Melokek ya. Nama calon yang bertanding itu 'Apalah Samy', (Appalasy) saya sengaja Melayukan. Jadi, 'Apalah Samy'. Jadi, dia bertanding itu memang saya tidak tahu, tiba-tiba dia masuk dengan serta-merta, lepas itu dia hendak menarik diri pada pukul 11.30 pagi, sedangkan masa yang boleh menarik diri ialah pada pukul 11.00. Jadi, Suruhanjaya Pilihanraya tidak boleh menerima penarikan diri calon tersebut. Kalau kita tolak, dia akan dakwa kita pula, orang akan mendakwa apa fasal diterima sedangkan dia menarik diri itu pada pukul 11.30 pagi, tempoh untuk menarik diri sudah selesai. Jadi, kita teruskan bertanding.

Tetapi apabila sudah masuk, dia tidak ada poster apa-apa, gambar dia pun tak keluar, dia pun tidak pernah berjumpa dengan pengundi-pengundi, lepas itu undi yang dia dapat hanya 128 undi, hilang wang pertaruhan.

Saya tidak tahulah ada yang tersesat mengundi calon tersebut kalau tersalah undi saya tidak tahu. Ibarat kita lumba larilah, kalaulah sekiranya badan kita yang subur, misalannya badan kita yang gemuk hendak melawan seorang jagoh lumba lari 100 meter, kita lebih baik tak usah masuklah. Jadi, kita harapkan supaya siapa yang hendak masuk bertanding pilihan raya ini biarlah dia memikirkan kemampuan dia yang sebenar untuk bertanding. Janganlah ada tujuan-tujuan yang lain dan cuba mengacau dan menyusahkan rakyat. Kalau dia tidak masuk, lebih senang kita terus menang pilihan raya dan Wakil Rakyat yang berkenaan boleh terus berkhidmat kepada rakyat dan boleh membuat kemajuan kepada rakyat di tempat yang berkenaan.

Tuan Chiew Chiu Sing: Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan pasti langkah menaikkan deposit calon pilihan raya akan mengurangkan penyertaan pertandingan calon bebas. Terima kasih.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan kita tidak ada apa-apa langkah hendak menaikkan deposit calon pilihan raya. Saya tidak tahulah pihak yang bertanya mungkin, dia hendak membuat undang-undang sendiri, saya tidak tahu. Setakat ini kerajaan tidak ada apa-apa hasrat cadangan untuk menaikkan deposit untuk calon pilihan raya.

HAWA - PERANAN SEBAGAI LEAD AGENCY BAGI PEMBANGUNAN WANITA

9. Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak [Kota Bharu] minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:-

- (a) apakah beliau sedar bahawa HAWA yang ditugaskan sebagai agen penting atau 'lead agency' bagi mengintegrasikan wanita dalam pembangunan negara kurang keupayaan untuk menjayakan segala komitmen kerajaan di peringkat nasional dan antarabangsa mengenai wanita dan walaupun HAWA kini di peringkat kemampuan menjadi sebuah jabatan ia hanya merupakan sebuah jabatan yang kecil. Oleh itu, bilakah beliau bercadang untuk menambahkan bilangan pegawai untuk HAWA sesuai dengan peranan kepimpinan teknikal yang harus dipikul oleh HAWA; dan
- (b) tidakkah beliau bersetuju dalam abad 21 ini HAWA harus dipertingkatkan kepada sebuah kementerian tersendiri.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian sedar bahawa bilangan pegawai dan kakitangan yang di tempatkan di Jabatan Hal Ehwal Wanita (HAWA) sekarang masih lagi tidak mencukupi. Namun keperluan untuk menambahkan bilangan kakitangan sentiasa diberi perhatian oleh kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tanggungjawab memaju dan membangunkan wanita tidaklah terhad kepada HAWA sahaja tetapi adalah menjadi tanggungjawab seluruh jentera kerajaan. Jabatan HAWA diwujudkan hanya untuk menjadi 'focker queen', urusan-urusan lain boleh diagihkan kepada agensi-agensi kerajaan yang lain untuk melaksanakan keputusan kerajaan melalui Jemaah Menteri.

- (b) Ahli Yang Berhormat sedia maklum, keputusan untuk mewujudkan kementerian adalah terletak kepada kesesuaian dan keperluan seperti yang diputuskan oleh pucuk pimpinan negara.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Seorang Ahli: Bela wanitakah? *[Ketawa]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, kita Wakil Rakyat, kita bela wanita dan juga lelaki, depa tak berapa arif, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang veteran ini, sama ada berapa banyakkah masalah sosial yang dihadapi oleh kaum wanita ini dapat diatasi oleh HAWA supaya wanita ini dapat berdikari semula dan hidup semula sebagai wanita yang diterima oleh masyarakat.

Jadi, setakat ini apakah tindakan seterusnya daripada pihak HAWA dan juga kementerian untuk mengatasi masalah sosial yang meningkat pada hari ini.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini memang kita sedar iaitu berkenaan dengan HAWA, tetapi yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi ialah mengenai perkara gejala sosial.

Jadi, perkara gejala sosial ini memang bukannya terlibat dengan wanita sahaja tetapi perkara masalah sosial ini adalah terlibat bersama di antara wanita dengan lelaki. *[Tepuk]*

Jadi, bagi pihak kementerian memang telah memberi banyak jawapan dan penjelasan di Dewan yang mulia ini berkenaan dengan perkara gejala sosial. Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Kabinet berkenaan perkara tersebut.

Jadi, perkara ini memang sedang dan akan dilaksanakan oleh kementerian tetapi bukan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sahaja tetapi segala-gala kementerian yang lain yang terlibat.

Jadi, berkaitan itu dengan HAWA selama ini sebagai Bahagian, dia baru menjadi jabatan pada 1 Julai ini. Jadi, mengikut jawapan di awal tadi, memang badan-badan ini pegawainya belum mencukupi tetapi sekarang kerajaan telah meluluskan menambahkan pegawai HAWA lebih dari yang sedia ada.

Jadi, oleh kerana itu, memang kerajaan sedar iaitu HAWA memang terlibat dengan mengadakan kaunseling dan sebagainya supaya wanita yang ada bermasalah dapat diberi bimbingan dan kaunseling supaya mereka dapat mengubah sikap seseorang itu.

Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak: Tuan Yang di-Pertua, sebagai soalan tambahan,

ingin saya bertanya, sebenarnya berapakah jumlah pegawai yang diperlukan oleh HAWA. Saya difahami bahawa sekarang ini hanya ada empat orang sahaja pegawai kanan di HAWA sedangkan HAWA sebuah 'lead agency' yang akan menentukan walaupun saya mengambil maklum bahawa seluruh jentera kerajaan terlibat di dalam memajukan wanita tetapi HAWA terpaksa memainkan peranan yang terpenting dan ia dikehendaki memastikan wanita terlibat di semua peringkat membuat keputusan dalam jumlah 30% menjelang tahun 2005. Jadi, berapakah jumlah pegawai yang diperlukan oleh HAWA?

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberi sedikit latar belakang berkenaan dengan HAWA iaitu HAWA ini pada mulanya dalam tahun 1983 ialah sebagai sebuah urusetia. Kemudian pada tahun 1985 dinaikkan tarafnya sebagai sebuah unit. Pada tahun 1990 ia diperkukuhkan lagi dan dipertingkatkan sebagai bahagian di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Pada tahun 1997 dijadikan sebagai sebuah jabatan iaitu pada 1 Julai 1997 - bulan ini. Jadi, pegawai yang telah ada; pada tahun 1995 iaitu satu pegawai PTD gred M2, tiga pegawai PTD gred M3 dan satu pustakawan gred S3 sebagai bahagian. Jadi, mulai dari 1.1.1996, HAWA mendapat pertambahan jawatan sebanyak enam jawatan iaitu satu pegawai PTD gred M3, dua penolong pegawai perpustakaan gred S5, dua pembantu perpustakaan gred S7 dan satu pembantu tadbir gred N9. Jumlah kakitangan HAWA pada tahun 1996 ialah 22 orang. Mulai 1.7.97 - sebagai jabatan - HAWA mendapat tambahan empat jawatan iaitu satu pegawai PTD gred M1, satu pegawai PTD gred M2, satu pegawai PTD gred M3 dan satu pembantu tadbir (kesetiausahaan) gred N9. Jumlah kakitangan Jabatan HAWA sekiranya pegawai-pegawai ini telah tentu dapat ditempatkan di Jabatan HAWA ialah 26 orang.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

RUANG PERNIAGAAN KOS RENDAH - CADANGAN SYARAT KE ATAS PEMAJU KOMPLEKS PERNIAGAAN KOMERSIAL

10. Tuan Chia Kwang Chye **[Bukit Bendera]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada kerajaan mempunyai rancangan untuk mengenakan syarat

ke atas pemaju kompleks perniagaan dan unit-unit komersial supaya menyediakan juga ruangan perniagaan kos rendah bagi peniaga-peniaga kecil di dalam projek pembangunan mereka.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang mempunyai rancangan untuk mengenakan syarat ke atas pemaju kompleks perniagaan dan unit-unit komersial supaya menyediakan juga ruangan perniagaan untuk peniaga-peniaga kecil di dalam projek pembangunan mereka. Sehubungan ini, pihak kementerian sedang dalam proses mengkaji semula garis panduan berhubung dengan penyediaan kemudahan-kemudahan perniagaan termasuk kemudahan perniagaan untuk peniaga-peniaga kecil di kompleks perniagaan dan unit-unit komersial. Sekian.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, sekiranya pihak kerajaan ingin menetapkan syarat sebegini, sejauh manakah usaha kerajaan untuk memastikan bahawa kerajaan negeri juga mematuhi syarat bahawa semua projek perumahan mesti ada rumah kos rendah. Apakah tindakan yang akan diambil ke atas kerajaan negeri yang secara terbuka menyalahi arahan yang dikeluarkan oleh Pemangku Perdana Menteri bahawa setiap projek perumahan mesti ada kuota 30% di mana ada beberapa syarikat yang disenaraikan di dalam BSKL seperti Mulpha International Berhad tidak mengikuti syarat ini apabila menjalankan projek perumahan di negeri Melaka. Sekian.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, soalan asal tadi ialah mengenai ruang perniagaan peniaga-peniaga kecil di kompleks perniagaan dan bukan mengenai pembangunan rumah kos rendah. Oleh sebab itu saya rasa kita tidak payah menjawablah. *[Ketawa]*

Tuan Lim Guan Eng: Takut ini.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Saya ingin mendapatkan butiran-butiran berkenaan dengan skim yang mensyaratkan pemaju membina unit komersial kos rendah dan bilakah skim akan dijalankan dan apakah keluasan atau harga ceiling yang berkenaan itu dan apakah peratusan yang dikenakan atas skim ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Jabatan Perancangan Bandar dan Desa serta kementerian sedang dalam

proses mengkaji semula garis panduan ini dan setakat ini kajian sudah sampai ke tahap 80% dan saya rasa tidak lama lagi, kemungkinan akhir tahun ini kita boleh mengumumkan syarat-syarat yang baru.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk pertanyaan bagi jawab mulut selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 85 dijilid dalam buku berasingan]

**RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA KE
DALAM MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG AHLI
PARLIMEN (SARAAN) (PINDAAN) 1997**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]; dibacakan kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG
PEMBANGUNAN SUKAN 1997**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". [14 Julai, 1997]

3.37 ptg.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin [Yan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun ini untuk menyokong Akta Pembangunan Sukan bagi tahun 1997 kerana bagi pandangan saya Tuan Yang di-Pertua, dan juga pandangan orang ramai, sukan adalah salah satu daripada agenda yang dapat mempertingkatkan nama baik negara tetapi kita dapat lihat akhir-akhir ini persatuan-persatuan sukan telah dijadikan seolah-olah badan politik di mana politicking di dalam kepimpinan badan sukan tersebut makin menjadi-jadi dan kadang-kadang orang yang tidak berupaya lagi memimpin persatuan tersebut masih hendak bertapak dan mempertahankan kerana mungkin ingin melihat nama mereka masih terbentang di dalam akhbar dan sebagainya ataupun takut masyarakat lupa jasa-jasa mereka.

Oleh yang demikian, kadang-kadang kita dapat lihat persatuan itu 'hidup segan mati tidak mahu' Tuan Yang di-Pertua. Kemudian, kalau kita banding pula zaman-zaman dahulu - tahun 70-an, negara Malaysia ini menang cukup banyak pingat. Bendera Malaysia senantiasa berkibar pada ketika itu tetapi akhir-akhir ini, kadang-kadang kita tolong naikkan bendera orang bila kita buat majlis sukan

dalam negeri kita. Pakatlah, mai menterikah, Perdana Menterikah, rajakah, Agongkah pergi rasmi, kemudian pingat boleh kat orang. Kita hanya dapat melihat dan kita organise sukan-sukan di dalam negara kita ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, akta ini kena pada tempat tetapi akta ini tidak akan berguna kalau tidak di'implement'kan, tidak dikuatkuasakan dan tidak diambil tegas oleh pihak menteri kepada badan-badan ini. Kalau kita 'malu alah', Tuan Yang di-Pertua, negara akan rugi. Kadang-kadang kita 'malu alah' fasal yang pegang jawatan itu orang yang besar-besar. [Membetulkan tempat pembesar suara yang hampir terjatuh] Amboi, tempat speaker pun jatuh, Tuan Yang di-Pertua. [Ketawa] Kita kena pinda sedikit, tadi saraan Ahli Parlimen, ini perkakas pun sudah longgar habis, Tuan Yang di-Pertua. [Ketawa]

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada erti kita pinda akta besar-besar ini kalau kita 'malu alah'. Saya hendak tegur macam Sukan Komanwel yang kita hendak mai ini. Kalau pergi ke negara-negara yang akan melibatkan diri dalam sukan ini, satu pun tidak ada 'billboard' kita. Berapa buah negara yang akan mengambil bahagian? Kita bukan hendak kaki main itu sahaja yang mai, Tuan Yang di-Pertua. Kita hendak seluruh orang itu mai jadi pelancong. Saya duduk sebagai Ahli Lembaga Pengarah Pelancongan Malaysia, Yang Berhormat Dato' Haji Hanafi chairman - tidak ada, Tuan Yang di-Pertua. Kot-kot hendak naikkan 'billboard' Malaysia di - tidak usah kata apa, di Singapura pun tidak ada, Jakarta pun tidak ada, negeri-negeri Komanwel yang akan mengambil bahagian ini pun tidak ada. Jadi macam mana....

Seorang Ahli: Jakarta silap.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Jakarta silaplah. [Ketawa] Dan soalnya kita mahulah orang jiran mai....

Seorang Ahli: Pokoknya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Pokoknya jiran kena datang. 'Rantingnya' kemudian. [Ketawa] Jadi Tuan Yang di-Pertua, kalau kerja ini kita tidak buat, kita buat Sukan Komanwel tidak lama lagi, belanja berjuta-juta, kita tidak dapat balik keuntungannya. Jadi buat apa? Buat penat. Kemudian kita berilah hadiah kepada orang-orang dari negara lain. Dia bawa balik, kita megah kerana Malaysia menjadi tuan rumah sahaja tetapi kita tidak dapat manfaat daripada pertumbuhan ekonomi dan sebagainya.

Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang rombongan Malaysia pergi ke luar negeri, yang ambil bahagian sepuluh orang, pegawai empat puluh orang. Ini pergi bertemasyakah atau bersukan? Itu soalnya. *[Ketawa]* Bendera penuh di lapangan terbang, hendak pergi kibar tetapi tidak boleh, bawa balik macam itu sahaja bendera itu. Yang boleh pun kawan kita dua orang naik pergi ke puncak Gunung Jerai, eh Gunung Jerai pula. *[Ketawa]* Gunung apa? *[Disampuk]* Mount Everest. Gunung Jerai pun Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini Menteri Besar Kedah buat tangga Tuan Yang di-Pertua, naik kot titi hayun! Dia pun ada dia punya dataran-datarannya. Bendera kita berkibar megah, tidak apalah, alhamdulillah seluruh dunia kita iktiraf bahawa ada dua orang rakyat Malaysia sampai ke puncak Mount Everest tetapi yang menjadi masalah kadang-kadang persatuan dan persatuan - ahli-ahli persatuan bergaduh hang-aku. Menteri tidak boleh buat apa.

Menteri ini ibarat tidak ada gigi, bagi kacang dia hendak kulum sahaja, tidak payah tokak. *[Ketawa]* Setakat hari inilah. Menteri Belia dan Sukan ini dengan persatuan-persatuan ibarat orang tidak ada gigi, sudah itu dia tidak boleh buat apa. Jadi, mudah-mudahan dengan akta ini kita bagi siong kat dia. Kalau presiden-presiden persatuan-persatuan buat perangai, bawa keluar siong itu.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita bukan boleh main-main Tuan Yang di-Pertua. Kerana apa. Ini maruah, sukan ini maruah Tuan Yang di-Pertua. Kita tengok sekarang ini persatuan-persatuan bola. Kadang-kadang ada persatuan bola ambil pemain tidak bayar duit, sudah itu bila puak ini dok terima rasuah kita tangkap, gaji bagi tidak cukup. Jadi, kita kena asuh daripada awal, peringkat sekolah kena buat. Saya sudah kata di dalam Dewan Rakyat dahulu, kaki berenang di Malaysia ini cukup banyak, sikitkah anak nelayan yang duduk di tepi laut yang dok berenang setiap hari, Tuan Yang di-Pertua? Buaya pun kalah berenang dengan depa tetapi sudah depa ini anak kampung, anak nelayan siapa pun tak ambil bawa naik mai. Cuba ambil depa, bubuh depa dalam 'swimming pool' yang elok-elok, tengok depa berenang. Ini sudah dok biar macam itu, makanan tidak cukup vitamin tidak ada, rambut pun naik perang duduk tepi laut, sudah tu kita hendak kata 'Malaysia maju', 'Malaysia maju' macam mana.

Cuba Tuan Yang di-Pertua tengok hak dok main bola ini. Mana ada puak bandar semua puak

kampung. Team Kedah di Alor Star sana mai dari kampung mana nu, bangsa redah dalam pokok getah sahaja, kasut pun tidak pakai, mai di Alor Star ini barulah coach suruh pakai kasut, dia score Tuan Yang di-Pertua, padalah. *[Ketawa]* Cuma tahun ini tidak berapa menjadi Kedah! *[Ketawa]*

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya harap naik turunnya prestasi sukan negara kita ini bergantung kepada persatuan. Jadi, saya hendak nasihatlah presiden-presiden ataupun jawatankuasa-jawatankuasa badan-badan ini, gamak tidak boleh pergi tidak usah dok gagah, Tuan Yang di-Pertua. Tidak usah gagahlah, bersaralah ya! Beri pelapis muda naik, Tuan Yang di-Pertua.

Kemudian, hak yang dok dalam istana, dok elok-elok, tidak usah dok mai kacau fasal-fasal bola ini, tidak usah, tidak usah, biar pi *[Ketawa]* Nak biar pilah kita ini. *[Ketawa]* Kita serah bintang sahaja sudahlah, hak lain ini biar orang lain buat, Tuan Yang di-Pertua. Sultan Kedah baik, Tuan Yang di-Pertua. Sultan Kedah, dia tidak kacau. Tidaklah, bukan kotlah depa tarik 'Dato' saya, tidak! Tetapi Sultan Kedah itu baik, saya hendak khabar lagi. Dia tidak kacau orang.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Dia peminat.

Seorang Ahli: Penaung.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Dia penaung tidak apa. Penaung tidak apa, Tuan Yang di-Pertua. Penaung tidak apa, peminat tidak apa. Jangan jadi presiden, kacau kita. Pertama, depa mai nak kena cari kerusi kuning, tidak kacaukah kerusi kuning dok cari dalam stadium, kelam kabutlah kita! Jadi, kita ambil orang yang boleh buat kerja. Ini presiden apa ini, sampai suara pun tidak ada dok gagah tunggu lagi?

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya harap dengan adanya akta ini pihak kementerian jangan beri alasan lain kali kami ini tidak ada gigi. Menteri pun kena bangkit, menteri pun sekali sekala kena pakai track suit. Tak usahlah datang ke Parlimen pakai tract suit, maknanya turun ke gelanggang. BAM ini bukanlah saya hendak bela Razif, tidaklah, bapa dia dok latih dia, duduk di kampung sahaja, kampung jawa manakah.....

Seorang Ahli: Banting.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ha, Banting. Itu pun dia latih anak dia jadi johan dunia, dengan vitamin kurang, dengan duit kurang,

dengan main gelanggang terbuka, itu pun dia boleh latih. Ini dengan peruntukan berbilion-bilion, kalau kita himpunkan bermilion peruntukan untuk sukan, prestasi makin menurun. Sukan Komanwel ini saya hendak tanya menteri, agak-agaklah Malaysia boleh dapat berapa pingat? Kalau tak ada, saya hendak bantu sepingat dua. *[Ketawa]* Kemudian, gamak tak boleh juga, kita gagah buat satu jenis sukan yang kita boleh menang. *[Ketawa]* Buat pertandingan yang hak kita sahlah boleh menang, sekurang-kurangnya adalah kawan kita pergi hangguk dapat emas.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya tertarik benar dengan cadangan Yang Berhormat Yan, menteri kita pun ada, mungkin Yan boleh cadangkan sukan jenis apa? Panjat pokokkah?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, main sole bolehlah. *[Ketawa]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Kalau tidak pun, Tuan Yang di-Pertua, sumpit daripada Sarawak. Yang dok sumpit ini orang Sarawak sahaja, jadi memang sahlah kita dapat johan. Biarlah dia sumpit tentang mana, pergi ke dialah.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, yang ini serius. Saya biasa pergi sukan ini, bukan dengan rombongan ini, tidak, saya pergi sendiri. Bila bunyi lagu Negaraku, kemudian bendera Malaysia naik sedikit, sedikit, amboi, berasa cukup bangga sehingga beritahu kepada Orang Putih di sebelah itu, dengan izin, I am a Malaysian. *[Ketawa]*, beritahu kepada dia, I am proud, you see my flag flying very high. Proud, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kalau naik sebelah kiri sahaja, berasa malu kita hendak beritahu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya harap sungguhlah kepada kementerian ini dengan adanya akta ini. Kemudian, jawatankuasa ini kena ambil hak yang kemas sedikit. Hak yang jenis lena sedang mesyuarat itu kita beri berhenti, tak tahu dia sokong. Kita tak tahu tapi dia kata sokong. Jenis itu kita tak usah bubuh. Biarlah depa duduk elok-elok. Macam Tuan Yang di-Pertua tak apa. Saya tengok Tuan Yang di-Pertua steady. *[Ketawa]* Perkakas pun dok elok lagi, jadi tak apa. Yang kita tak mahu ini, tengah pengerusi dok mesyuarat, dia boleh lena, sekejap lagi

pengerusi kata bersetuju, dia kata setuju, lepas itu keputusan dia teruk.

Jadi, dugaan pertama saya minta dengan pindaan akta ini saya hendak tengok Sukan Komanwel kita macam mana. Jadi, Menteri dengan ada Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen kepong elok-elok, orang perempuan ada, laki-laki ada dan semua ada dalam kementerian ini. Jadi tak ada sebab, kalau dahulu mungkinlah kerana kalau ada pergaduhan macam itu, perselisihan faham sedikit antara keluarga Razif dengan persatuan badminton ini, menteri tak boleh masuk campur sebab dia tak ada laluan. Ada sekarang ini menteri panggil kedua-dua duduk depan meja, beri warning. Kalau tak mahu, gantung reket depa, gantung presiden badminton sekali, dua-dua gantung, kita buat lain, kalau tidak, celaru. Sebab sekarang ini kadang-kadang orang politik ini pun mencelaru juga, sebab itu saya tak mahu masuk persatuan ini, baik saya jaga Persatuan Wau Kedah tak apa. *[Ketawa]* Orang kata, lepas, harapan angin sahaja, tak apa. Ini hendak harapan tenaga, mana boleh pergi. Kita harapan angin, dia tak naik angin tak ada, hendak buat macam mana? Itu persatuan yang lebih mudah, persatuan wau. Lagi satu, persatuan burung, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua pun cekap berkenaan burung kan? *[Ketawa]* Kita beri elok-elok burung itu bunyi sedap, suara sedap, kita seronok.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Rompin bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini berbalik kepada apa yang saya bangkitkan tadi tentang sukan yang kita mahir dan kita cekap. Apa salahnya kalau Yang Berhormat cadangkan sukan wau, sebab Yang Berhormat sendiri pengerusinya, kepada menteri menjadikan salah satu sukan Komanwel ini. Dengan Yang Berhormat sebagai Pengerusi, saya yakin kita boleh tengok bendera kita naik ke atas ini. Saya minta penjelasan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Wau, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Rompin tidak biasa main wau. Hendak main wau macam mana, ruang tak ada di sana, dengan semua pokok kelapa sawit. Di sebelah Kedah, musim mengerat, angin timur, lepaskan wau, dia naiklah. Wau sekarang ini besar kapal terbang pun ada, jangan main-main, ingat wau kecil-kecil, hak besar kapal terbang pun sudah ada. Cuma saya hendak cadang kepada menteri, sebab itu saya sokong akta ini,

selepas ini saya beritahu kepada menteri, kita buat Pesta Wau Malaysia. Kelantan tak tahulah, kot depa tak boleh main wau tetapi di Kedah boleh.....

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Tanjong Karang bangun.

Tuan Noh bin Omar: Terima kasih. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Yan. Saya bersetuju sangat sukan wau, sebab di Tanjong Karang pun baru-baru ini kita ada pertandingan wau. Tetapi saya hendak bertanya Yang Berhormat dari Yan, adakah Yang Berhormat sedar mengikut Jadual Pertama di dalam akta ini, sukan wau tidak disenaraikan sebagai salah satu sukan mengikut akta ini. Jadi, bagaimanakah tindakan Yang Berhormat supaya sukan wau ini dimasukkan juga di Jadual Pertama ini tadi?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya dok angkat sangat menteri ini pasal inilah. Sekejap lagi saya selitlah, kalau tak masuk juga, kita jumpa menteri, sembang dari hati ke hati, hak ini benda yang kita boleh menang yang kita boleh dapat pingat emas *[Ketawa]* selain daripada sukan sole. Jadi, sukan rakyat pun kena masuk, kita kena penaik, promotekan sukan kita.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu, saya minta menteri ini jersey Malaysia kena stick to one colour, dengan izin. Kita tengok macam bola Argentina, dia keluar sahaja, kita tahu ini Argentina. Hak Malaysia bawa pergilah merah putih bendera kita. Bila dia turun sahaja, junior footballkah, badmintonkah, apakah, pakai warna itu melambangkan Malaysia, jadi pergi ke mana pun orang tahu ini dia Malaysia. Kalau tidak, macam Tan Sri Muhyiddin pergi ke London, depa kenal Siamkah, Melayukah, Jawakah? *[Ketawa]* Tetapi kalau pakai hak itu, dia tahu, ini dia Menteri Malaysia. Macam Menteri Pertahanan kalau dia pergi, tak tentu depa kata, Arabkah, apakah, kita pun tak tahu. *[Ketawa]*

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya haraplah colour jersey kita kena standardise semua sukan, maknanya kita turun with one colour, jadi menunjukkan lambang Malaysia.

Lagi satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berbalik kepada sukan ini, dia kena latih daripada awal. Kalau kita tengok negara-negara Afrika itu dengan masalah ekonomi depa, dengan masalah kehidupan depa, masalah padang tak ada

dan sebagainya. Tetapi kita tengok macam di Kedah dahulu datang seorang pemain bola sepak, Adigun, serba serbi dia boleh buat. Bola cekap, hak itu pun cekap. *[Ketawa]* Sebab apa, Tuan Yang di-Pertua? Dilatih daripada awal, depa redas dalam hutan.

Di Afrika tengoklah, lembu pun mati, tambah pula orang, itu pun depa boleh menang johan dunia. Footballer itu semuanya daripada negara-negara Afrika, sebab daripada awal sudah dilatih. Kita ini, kalau setakat umur saya ini hendak suruh pergi main bola, tak boleh pergilah, setakat tepuk boleh, hendak main sudah tidak boleh. Jadi, kena latih daripada sekolah. Bila kita latih dari sekolah, peruntukan untuk sekolah ini kena banyak sukan. Ini PIBG dok kekah duit wakil rakyat, mana boleh tahan, Tuan Yang di-Pertua? *[Ketawa]* Bola jumpa wakil rakyat, jersey jumpa wakil rakyat, trophi jumpa wakil rakyat. Kalau tak beri maklumlah PIBG, lima tahun sekali pilihan raya. *[Ketawa]* Sudah itu, kita macam mana? Letih, kadang-kadang tembus poket. Hendak buat macam mana? Tak beri serba salah, datang minta menteri, menteri pun kata sudah beri peruntukan kepada pejabat negeri-negeri, tak cukup.

Jadi, saya minta kementerian atau kerajaan beri peruntukan yang lebih sedikit untuk sukan ini. Kemudian syarikat-syarikat yang sponsor ini, syarikat-syarikat yang banyak untung dan kaya, macam Petronas hari ini saya baca untung RM12 bilion, beri RM1 bilion untuk sukan apa salahnya. Ada sekolah tetapi padang bola tak ada. Kalau Tuan Yang di-Pertua tengok di sebelah kampung saya main bola ini di atas jalan, kadang-kadang tunggu musim mengerat, bila bendang itu airnya kering, main bola, itu pun tak lama, represent state. Puak ini main bola tak pakai kasut, lebih baik daripada pakai kasut, betul pun. Jadi, kemudahan kena beri.

Seorang Ahli: Wanita?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Macam wanita, Tuan Yang di-Pertua, badminton kita tak pernah menang, masuk round kedua out, pertama pun sudah tidak boleh. Ini betul, saya bukan melawak. Takkan nak main congkak, depa sudahlah kerja itu, depa mainlah hak lain sama. Kita tengok negeri-negeri lain, negeri China dan sebagainya, kerana depa tumpu kepada sukan. Jadi, peruntukan kena banyak. Syarikat-syarikat yang untung ini berilah kepada badan sukan negara supaya imej kita naik. Bila bendera naik, dia bukan kira DAP, PAS atau apakah, dia kira Malaysia.

Dia tidak kira Kelantankah, manakah, tetapi Malaysia. Kita pun berasa seronok.

Cuba kita tengok, Tuan Yang di-Pertua, bila Indonesia lawan dengan Malaysia dalam badmintonkah, Bangladesh hari itu lawan dengan siapakah di sini, puak itu dia sokong Bangladesh, kita pun naik hangat hati, datang cari makan di sini, pergi sokong negeri dia. Indonesia pun macam itu juga, pasal apa? Depa kuat semangat. Jadi, di sekolah-sekolah kena beri peruntukan lebih, pastikan padang sekolah. Janganlah harap Kementerian Pendidikan sahaja, Kementerian Belia dan Sukan pun tolong tengok. Di kawasan saya dok ada enam sekolah yang tak ada padang. Rasmi PIBG tiap-tiap tahun panggil saya, saya kata, tak apalah, aku pergi bercakaplah di Parlimen, hangpa sabar sat. Tiga tahun nak sambar Yang Berhormat, masuk tahun kelima kita tak ketar, PIBG, semua itu hendak kena pangkah. Selepas itu depa kata wakil rakyat tak buat kerja. Hendak buat kerja macam mana, benda tak ada. Datang beritahu kepada menteri, menteri kata pergi jumpa kepada setiausaha Parlimen, setiausaha Parlimen kita hendak cerkah tak patut sangat, dengan lemah lembut dia. Ini masalahnya.

Jadi, saya haraplah sukan kena serius, pihak kementerian kena serius, kemudian persatuan-persatuan no more politiking dalam persatuan, tak kiralah dia pangkat apa pun. Kalau dia berpolitik, menteri panggil, beri warning kepada dia, saya mahu prestasi. Sekarang ini minta Menteri Belia dan Sukan ini, okay, tahun ini kita target berapa medal kita hendak, kita kena buat macam itu. Kemudian panggil persatuan ini, saya hendak banyak ini, tak boleh, you go out, biar dia sendiri turun ke padang. Ini dia duduk di atas, dok arah sahaja, tak jadi, kena turun bersama dengan ahli-ahli sukan.

Kemudian pasti, Tuan Yang di-Pertua, saya ada bukti apa yang saya kata ini, orang luar bandar ini cukup banyak ahli sukan, semua ini cerdik, main cara tak cukup, macam-macam pun, tetapi depa boleh jadi johan, kita kena kutip yang ini, pertandingan antara sekolah, pertandingan antara daerah. Saya puji BAM ini depa buat gelanggang rakyat di tiap-tiap kawasan Parlimen, tetapi beri sedikit tak cukup, kena tambah duit sedikit lagi, ini kementerian kenalah sokong. Wakil rakyat sudahlah beri RM20,000. RM20,000 kita sudah hilang empat titi dalam kampung. Sekarang ini wakil rakyat beri RM20,000, kemudian YBM beri RM20,000, mana nak cukup. Saya harap kementerian tolong pau sedikit lagi, dalam

RM50,000. Ini sudah kita sokong lurus, takkan tak boleh beri kot? *[Ketawa]*

Semalam saya hafal satu buku ini, tetapi saya dok tengok-tengok cara saya bercakap ini lebih mudah daripada akta ini. *[Ketawa]* Pokoknya, nak beri kuasa kepada menteri sahaja, selepas itu menteri buatlah dan insya-Allah, kita akan sokong ini, pembangkang pun sokong ini, Yang Berhormat baru dari DAP kena sokong ini, termasuk Yang Berhormat kita yang baru, jangan diikut sangat DAP ini, depa celaru. *[Ketawa]* You kira orang baguslah. Ahli PAS ini pun sukan kena sokong, kalau tak sokong, tak boleh. Ada yang tutup aurat. Yang tak tutup aurat pun tak apalah, hak tak tutup aurat ikut cara tak tutup aurat. Kalau Yang Berhormat hendak main bola pakai kain, pakailah, tak apalah. *[Ketawa]* Saya pun biasa main bola pakai kain, tak ada apa. Pokoknya kena sokong sebab ini imej Malaysia.

Jadi hari ini, insya-Allah, kita akan sokong ini semua, kemudian kita hendak pihak kementerian gunakan budi bicara, jawatankuasa yang hendak dipilih ini ambillah orang tokoh sukan, ambil peguam seorang dua yang cerdik sedikit, ambil orang politik macam yang cerdik-cerdik, saya ini kalau boleh beri tak apa, tak beri pun tak apa. *[Ketawa]* Ambil orang-orang yang boleh membantu kepada menteri. Saya pun faham tugas Menteri Belia dan Sukan ini bukannya mudah, hak belia nak jaga, hak sukan nak jaga, serba-serbi nak jaga, tetapi pokoknya Commonwealth Games yang hendak dibuat di Malaysia ini yang makin sehari makin hendak sampai, hari ini sudah hari yang ke berapa, tinggal 400 berapa hari lagi, ini kuih-kuih gayatlah, peserta nak makan siap sedialah, transport siap sedialah, yang ini semua mungkin ada tetapi siapa yang dapat hak ini? Golongan menengah kena dapat peluang perniagaan ini semua. Hak sukan, sukanlah, berniaga pun kena kira juga.

Macam PAS buat ceramah, dia panggil Yang Berhormat dari PAS bersyarah, habis depa buka jual segala apa semua keliling, bukannya apa, sebenarnya nak beri pertumbuhan ekonomi kepada orang itu, tentang syarahan itu tidak ke mana sangat. Itu cara depa berekonomi. Cara depa biar pergi ke depalah. Tetapi kita kena guna kesempatan, sukan dan berekonomi. Jadi, saya harap sangat kepada menteri. Ini baguslah, nampaknya Komanwel pun sudah elok, coordinate elok-elok dengan kementerian-kementerian lain pastikan bahawa.....

Seorang Ahli: Teriak lagi!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tak apalah, dia kecil hati. Yang Berhormat sekalian kena faham, kadang-kadang orang tua-tua kecil hati. Dia kecil hati bukan ada apa. Nantilah Yang Berhormat semua berumur sedikit, fahamlah. Kadang-kadang cucu tak datang ke rumah pun sebak, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Ha, sebak cucu tak datang ke rumah, kenapalah tiga hari cucuku tak datang - pun sebak. Kalau tak percaya, tanyalah Tuan Yang di-Pertua. Saya baru menerima menantu, Tuan Yang di-Pertua. Menantu dah tapi dok terang tang tang lagi.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, Majlis Sukan Daerah. Majlis Sukan Daerah kadang-kadang anjur sukan. Bila hendak pergi bertanding, duit hendak pergi, hendak naik bas pun tidak ada duit. Datanglah cari wakil rakyat minta Yang Berhormat, Yang Berhormat juga. Hak yang berkhidmat, berkhidmat, hak Yang Berhormat, Yang Berhormat, jadi pening kita nanti. Jadi, berilah cukup-cukup. Kemudian, pegawai-pegawai sukan daerah itu kena ada. Ini pegawai sukan daerah Yan seorang, dialah hendak organise sukan, dia hendak taip surat, dia hendak pos surat, dia hendak buat macam-macam. Manalah tangkas dia seorang. Kita di rumah seorang kadang-kadang tengok kasihan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun dan keluar]* *[Ketawa]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya ingat dia hendak tanya, rupa dia hendak keluar.

Jadi, Majlis Sukan Daerah ini daripada kampung kita train up, dan insya-Allah, mereka akan menjadi ahli sukan yang berjaya di masa hadapan. Pasal kita sudah tengok zaman dahulu, zaman tahun 1970-an, semua Yang Berhormat di Dewan ingat bukan ada special sangat macam sekarang ini. Bukan ada special treatment bukan ada kemudahan, tetapi pada masa itu Malaysia dapat merangkumi banyak pingat. Tetapi hari ini dengan kemudahan yang kerajaan beri, dengan segala peruntukan yang kerajaan beri, tetapi resultnya cukup-cukup menyedihkan. Bola kita tidak setara mana, bawa kemari segala coach luar negara pun beri bayaran yang besar-besar tidak setara mana pun. Apakah coach tempatan ini 'lekeh' macam mana sangat? Ghani Mihat dan semuanya dahulu bola di celah kaki dia score masuk. Tetapi kita sudah tidak mahu iktiraf. Masalah kita, bila orang luar kita consider bagus. Hak yang main di sini kita kata tidak bagus. Bila

pemain tempatan beri sedikit yang bawa kemari dari luar negara beri banyak. Mana keadilan persatuan bola ini pun.

Puak ini lari macam itu juga dalam padang. Kalau dia main seorang diri taubat tidak boleh score, bawa marilah johan dunia pun, dia kena pakat bola ini. Sebab itu dikatakan satu team, satu pasukan. Tetapi pasal apa, yang ini pun kementerian kena tengok, pasal apa yang kawan itu beri terlampau lebih, yang ini sedikit. Kena beri sama adillah. Pasal apa kita terlampau dok agungkan pemain luar. Jadi, bila pemain kita hendak boleh menonjol. Forward line beri kepada siapa pun kerjanya score.

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) mepengerusikan Mesyuarat]

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, forward line Tuan Yang di-Pertua, beri kepada siapa pun dia score. Saya pun boleh score, pasal semua orang pass bola kepada dia, dia scorelah. Jadi, saya berharap kementerian cek balik pastikan setiap persatuan akaun mereka mengikut peraturan, pengurusan mereka mengikut peraturan, jangan ada pilih kasih. Kadang-kadang ada team itu team ini dalam persatuan, kalau rapat dengan sianu-sianu. Kemudian, coach yang hendak ambil ini kena check. Kalau hendak mengurut pemain perempuan kena beri pengurut perempuan, yang laki-laki beri laki-laki. Ini yang laki-laki mengurut perempuan mana boleh. Dia naik semangat lebih, kacau kita. Itu yang jadi kes. Yang ini pun tanggungjawab kementerian, kena check, pastikan mereka mengikut peraturan dan sebagainya.

Jadi, banyak dalam pindaan ini, kita tidak usah panjang, pasal yang ini saya kira cukup baik. Cuma kementerian kena wujudkan unit khas dengan pegawai yang mencukupi. Jadi, JPA jangan dok tahan pula, bila minta pegawai - tidak boleh, minta pegawai - tidak boleh, kita bersyarat tidak sangka hari ini. Tahu-tahu JPA kata tidak boleh itu-ini, kacaulah kementerian tidak ada pegawai. Akta ini lulus, pegawai tidak ada, kita tidak boleh implemen akta ini buat apa. Jadi, JPA pun kena kerjasama. Bila kita lulus di Dewan Rakyat, Kementerian Belia dan Sukan hendak berapa orang pegawai, beri supaya bendera Malaysia berkibar di seluruh dunia. Seluruh dunia bendera kita berkibar. Insya-Allah

Saya berharap satu lagi kepada kementerian supaya pastikan hubungan di antara kementerian

dengan persatuan-persatuan ini di peringkat negeri-negeri pun kena baik. Menteri kena round melawat badan-badan ini, dan sekali-sekala kalau ada pertandingan di peringkat daerah, menteri turun pergi tidak mengapa, setiausaha parlimen turun pergi, timbalan menteri turun pergi, beri semangat kepada belia-belia kita di kampung-kampung bersukan untuk negara. Jadi, kementerian kena ada satu tema yang baik untuk kita 'promote'kan sukan. Jadi, mulai hari ini selepas akta ini diluluskan, kita tanamkan semangat baru, iaitu sukan adalah kemegahan negara kita ini. Sukan menjadi lambang kejayaan negara kita ini, sukan membawa pertumbuhan ekonomi kepada negara kita. Semua boleh buat kalau hendak buat. Akta ini sudah complete.

Sukan Komanwel tolong fikir berapa banyak kita hendak boleh dapat duit daripada tourist hendak masuk kemari. Apa benda-benda yang kita boleh manfaatkan, benda orang boleh bawa balik ke negara mereka dan mengingatkan Malaysia sebagai sebuah negara yang menganjurkan Sukan Komanwel. Ini kadang-kadang lambat lepa orang hendak suruh kita organise, dan-dan angkat tangan. Entah balik kemari kereta tidak cukup, yang itu tidak cukup, makan tidak cukup dan sebagainya, akhirnya nama Malaysia tidak elok.

Jadi, yang ini kementerian baguslah SUKOM dan Kementerian Belia dan Sukan sudah bekerjasama. Saya berharap kita seluruh wakil rakyat kena beri sokongan. Satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir kadang-kadang orang kita bila benda ini kita dok perlingkup, dok peceh lagi, tidak boleh. Kita kena beri semangat, pasal benda ini hendak berlaku di negara kita. Kita kena beri semangat kepada negara dan rakyat kita, pegawai-pegawai supaya mereka faham dan menjayakan Sukan Komanwel ini. Jadi, ini mustahak. Kalau tidak, kalau Sukan Komanwel ini gagal, maknanya imej negara kita akan rosak. Ini yang pentingnya, saya berharap pihak kementerian akan dapat memainkan peranan yang sewajarnya untuk mempertingkatkan sukan. Dengan itu, saya berharap dengan kelulusan akta ini, maka sukan negara kita ini menuju ke era yang baru, era yang lebih berjaya, era yang akan membawa nama Malaysia harum di seluruh dunia. Dengan ini, saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Bukit Mertajam.

4.13 ptg.

Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan

tahniah dan syabas kepada Kementerian Belia dan Sukan atas usahanya untuk mencari jalan untuk menyelaraskan aktiviti-aktiviti sukan pada semua peringkat dengan memperkenalkan suatu Akta Pembangunan Sukan 1997. Sebelum ini semua badan sukan sukarela telah didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966, mana pentadbiran sukan negara telah dijalankan melalui Akta Majlis Sukan Negara Malaysia 1971. Dalam tahun 1988 semasa meluluskan Dasar Sukan Negara, Jemaah Menteri telah mengiktirafkan sukan sebagai bidang yang sama penting dengan sektor-sektor lain seperti ekonomi, pendidikan dan pertahanan. Maka dirasai sukan perlu diurus secara profesional dan terancang ke arah pembangunan masyarakat yang madani.

Kita tidak ingin melihat badan-badan sukan membazirkan masa dan sumber manusia serta kewangan dalam aktiviti politik dalaman yang tidak membawa sebarang faedah kepada bidang sukan tertentu seperti apa yang berlaku dalam Badminton Association Malaysia (BAM), Football Association Malaysia (FAM) dan lain-lain. Kita tidak ingin melihat sifat otonomi badan-badan sukan sukarela itu dieksploitasikan oleh mereka yang tidak ingin mengikut wawasan negara untuk membangun satu masyarakat kesukanan yang cergas, berdisiplin dan bertanggungjawab. Kita tidak ingin melihat keadaan merosot pelbagai jenis sukan dalam arena pertandingan antarabangsa, kerana ahli-ahli sukan negara kita kurang semangat, kurang latihan, kurang disiplin atas sebab kekurangan kawal selia daripada Kementerian Belia dan Sukan.

Semua warganegara Malaysia turut rasa sedih dan kecewa kerana era gemilang Piala Thomas untuk pemain-pemain Badminton Negara sudah hilang. Pasukan bola sepak negara kita tidak dapat menunjukkan prestasi yang cemerlang, prestasi negara kita dalam SUKMA, Sukan Asia, Sukan Asia Tenggara, Sukan Komanwel dan Olimpik tiada apa-apa prestasi yang istimewa yang boleh dianggap sebagai kebanggaan Malaysia. Oleh itu, sampailah masanya untuk negara kita mengemaskinikan undang-undang dalam bidang sukan supaya badan-badan sukan sukarela dapat ditadbirkan dengan lebih selaras untuk menghasilkan ahli-ahli sukan yang lebih berkualiti untuk membawa kejayaan dan kebanggaan untuk negara kita, dan pada masa yang sama membangunkan sukan untuk semua lapisan masyarakat sebagai sukan untuk massa demi masyarakat yang cergas dan sihat.

Berkaitan dengan pendaftaran dan penyeliaan badan sukan, Fasal 16 menetapkan bahawa selepas tempoh 3 bulan dari tarikh mula berkuatkuasanya akta ini, semua badan sukan yang dahulunya didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 mesti didaftarkan di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997. Mungkin tiga bulan itu terlalu singkat. Saya ingin memohon jasa baik kerajaan supaya memberikan tempoh satu tahun untuk badan-badan sukan menjalankan pendaftaran barunya. Badan-badan sukan itu mesti menjalankan mesyuarat-mesyuarat jawatankuasa, mesyuarat-mesyuarat agung tahunan dan menyediakan laporan tahunan dan lain-lain dokumen sebelum badan-badan sukan itu dapat memutuskan untuk menukar pendaftarannya. Mungkin sudah ada jadual aktiviti-aktiviti tertentu yang terancang di bawah struktur pertubuhan sekarang yang tidak dapat ditukar dengan serta-merta. Saya berharap tempoh peralihan selama satu tahun ini boleh dibenarkan supaya pendaftaran semula di bawah akta baru ini dapat dijalankan dengan licin dan teratur.

Selepas berkuatkuasanya akta ini, apa yang akan terjadi kepada pertubuhan-pertubuhan yang bukan semata-matanya badan sukan. Contohnya, persatuan-persatuan bekas murid sekolah, sektor-sektor rukun tetangga dan lain-lain. Kebanyakan pertubuhan-pertubuhan sukarela tersebut dari masa ke semasa mengadakan pertandingan-pertandingan sukan untuk mengeratkan perhubungan di antara ahli-ahli dan antara pertubuhan-pertubuhan. Saya berharap Kementerian Belia dan Sukan dapat memberi penjelasan berkaitan dengan peraturan yang mungkin dipakai untuk badan-badan yang bukan semata-matanya jenis badan sukan, tetapi selalunya mengadakan program sukan untuk pertandingan amatir atau persahabatan. Saya berharap peruntukan tertentu yang jelas seharusnya diberi di bawah kuasa akta baru ini supaya semangat menyertai aktiviti-aktiviti sukan antara pertubuhan-pertubuhan ini tidak tersekat atau terhalang. Malahan pula, bakat-bakat ahli sukan boleh didapati daripada golongan peserta-peserta sukan daripada pertubuhan-pertubuhan jenis bukan sukan ini.

Berkaitan dengan Fasal 7 akta ini, di mana:

"7. Menteri boleh, ke arah membangunkan sukan, mengambil segala tindakan yang perlu untuk menggalakkan pembangunan sains sukan di institusi pendidikan tinggi di Malaysia dan bagi maksud ini boleh memberikan segala bantuan yang difikirkannya perlu."

Saya berharap peruntukan kuasa ini dapat digunakan dengan efektif untuk memperbaiki lagi taraf sukan negara kita. Saya cadangkan supaya kursus-kursus sukan diadakan di institusi pengajian tinggi untuk mengeluarkan graduate dalam bidang Pengurusan Sukan, Program Latihan Ahli-ahli Sukan, Program Peralatan dan Kemudahan Sukan, Psikologi dan Perubatan Sukan dan lain-lain.

Kita perlu pelatih-pelatih sukan yang profesional, bukan yang terlibat dalam hubungan yang terlalu rapat dengan ahli-ahli sukan. Kita perlukan pengurus pasukan sukan yang profesional, bukan hanya pentingkan pengurus-pengurus yang mempunyai pengaruh politik atau komersial. Kita perlukan kakitangan Kementerian Belia dan Sukan yang benar-benar memahami keperluan rakyat dalam bidang sukan seperti di mana perlu dibina kompleks sukan dan sebagainya. Bukan hanya yang lepas dari universiti-universiti dengan sebarang ijazah B.A (Hons) Sastera ataupun B.A (Hons) Sejarah sahaja.

Kita perlukan ahli-ahli sukan yang berdisiplin diri dan bersemangat pasukan, bukan yang bergaya sombong seperti Misbun Sidek yang enggan menyertai latihan. Bukan yang mengambil ubat-ubat steroid untuk menang sahaja. Bukan yang makan suap bola sepak untuk keuntungan diri sahaja. Kita tidak ingin melihat pasukan bola sepak negeri dianggotai dengan pemain-pemain asing terkenal yang dibeli dengan bayaran lumayan sehinggakan sukan bola sepak ini disifatkan sukan kelas elit dan kaya raya sahaja.

Kita tidak ingin melihat sukan bola sepak dijadikan satu bidang perjudian atau pertaruhan wang sehinggakan rasuah boleh sepak berlaku. Basiswa sukan boleh diadakan untuk menggalakkan pelajar-pelajar lepasan SPM atau STPM yang menunjukkan prestasi cemerlang dalam jenis sukan tertentu supaya mereka ini dapat ditawarkan tempat-tempat pengajian universiti-universiti, mereka boleh mengikuti kursus-kursus pengkhususan sukan ataupun memilih beberapa unit kursus sukan di samping mengikuti kursus pengkhususan yang lain seperti sains komputer, pengurusan perdagangan dan lain-lain.

Pihak universiti boleh menggubalkan kurikulum yang lebih seimbang bagi golongan ahli-ahli sukan ini. Mereka ini boleh diberikan latihan berkumpul dalam kem-kem sukan semasa mereka belajar di universiti dan mereka perlu diberi peluang bertanding di pertandingan tempatan dan juga antarabangsa supaya mereka diberi pendedahan dan pengalaman dalam pertandingan antarabangsa.

Ahli-ahli sukan perlu mengorbankan banyak masa untuk latihan dan pertandingan untuk membawa kebanggaan kepada negara kita. Maka Kementerian Belia dan Sukan seharusnya mendapatkan pertimbangan kemasukan ke universiti yang istimewa daripada Unit Pusat Universiti dan Kementerian Pendidikan supaya mereka dapat diterima memasuki kursus-kursus pengajian universiti dengan kelayakan kemasukan yang lebih rendah dalam perkataan lain, prestasi sukan seseorang pelajar itu perlu diambil kira untuk membuat keputusan kemasukan universiti supaya tidak membazirkan bakat-bakat sukan yang didapati di golongan pelajar-pelajar.

Selain daripada itu, saya berharap Kementerian Belia dan Sukan dapat membina lebih banyak kemudahan sukan bukan hanya berpusat di Wilayah Persekutuan tetapi di semua negeri seluruh Malaysia. Kementerian juga perlu selaraskan usaha kerajaan-kerajaan negeri dalam projek-projek pembinaan kompleks sukan dan kemudahan sukan yang lain. Contohnya, Kerajaan Negeri Pulau Pinang selalu memberikan tumpuan perhatian kepada pembangunan kompleks sukan di kawasan pulau Pulau Pinang dan tidak memberikan perhatian yang mencukupi kepada kemampuan kemudahan sukan oleh rakyat jelata yang lebih ramai di sebelah Seberang Perai Pulau Pinang.

Saya menyeru kepada Menteri Belia dan Sukan supaya membuat penyelarasan usaha kerajaan Pulau Pinang ini supaya orang-orang di Seberang Perai pun boleh menikmati kemudahan kompleks sukan di Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Selatan.

Kita tidak ingin melihat semua kemudahan sukan yang canggih ditumpukan di kawasan pulau Pulau Pinang sehinggakan apabila apa-apa pertandingan sukan diadakan sahaja, kawasan pulau Pulau Pinang menjadi tempat kesesakan lalulintas. Kita mahukan pembangunan sukan untuk semua orang. Pembangunan kemudahan sukan yang lebih seimbang di semua kawasan supaya pembangunan ekonomi yang seimbang dapat dicapai untuk semua kawasan.

Jadi, dengan kata-kata di atas, saya memohon menyokong Rang Undang-undang Pembangunan Sukan 1997. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kuala Selangor. *[Tepuk]*

4.20 ptg.

Dato' Jamaluddin bin Adnan [Kuala Selangor]: Assalamualaikum warahmatullahi

wabarakatuh. Pertamanya, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi kesempatan kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam membahaskan Akta Pembangunan Sukan 1997. Ini merupakan ucapan ulung saya selaku Ahli Parlimen di Dewan yang mulia ini.

Pertama sekali, saya ingin menyampaikan salam kepada Tuan Yang di-Pertua, salam daripada orang kampung, khususnya pengundi-pengundi di Kuala Selangor dan seterusnya saya tujukan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri di atas kepercayaan untuk saya meneruskan kepimpinan Barisan Nasional di kawasan Parlimen Kuala Selangor khasnya dan negara Malaysia pada keseluruhannya.

Sesungguhnya keputusan yang dicapai dalam pilihan raya kecil bagi kedua kawasan membuktikan di Kuala Selangor, pengundi-pengundi berdiri teguh di belakang kepimpinan Barisan Nasional.

Dengan izin, saya juga ingin mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan di Dewan yang mulia ini di atas ucapan tahniah di atas kejayaan yang saya perolehi dalam pilihan raya kawasan Parlimen Kuala Selangor, ini adalah berkat doa restu dan sokongan rakyat yang tidak berbelah bagi.

Tuan Yang di-Pertua, keputusan DAP tidak meletakkan calon pilihan raya kecil Parlimen Kuala Selangor dan Dewan Undangan Negeri Permatang adalah satu keputusan yang tepat. DAP sedar mereka akan kalah jika bertanding dalam pilihan raya kecil tersebut dan syabas saya ucapkan.

Tetapi, nampaknya PAS tidak akur kepada keputusan pemimpin atasan, telah menerima pengajaran yang tepat dari rakyat di Kuala Selangor. Ini juga menunjukkan terdapat percanggahan pendapat dalam kepimpinan PAS itu sendiri. PAS sengaja cuba hendak mengeruhkan keadaan di Kuala Selangor dan ternyata di atas keyakinan rakyat kepada Kerajaan Barisan Nasional bahawa usaha-usaha pihak parti PAS untuk mengeruhkan keadaan ternyata gagal. Keputusan pilihan raya yang lalu telah menunjukkan pengundi-pengundi di Kuala Selangor adalah matang dan sama sekali mereka menolak parti Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya juga seperti rakan-rakan yang lain juga ingin menyatakan sokongan kepada Akta Pembangunan Sukan 1997 yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini. Enakmen ini sepatutnya diluluskan sepuluh tahun dahulu, demi kemajuan dan pembangunan sukan negara. Menjelang abad ke-21 dalam usaha untuk mencapai Wawasan 2020, sukan perlu diurus secara profesional dan terancang supaya lebih terarah kepada matlamat pembangunan masyarakat madani.

Dalam perspektif global, sukan memainkan peranan mengharumkan nama negara serta menjalinkan kerjasama dan kesefahaman sejagat. Tetapi hakikatnya, kemelut sukan negara sukar ditangani, pelbagai masalah perlu ditempuh oleh Kementerian Belia dan Sukan dalam menangani pergolakan ini. Antara punca utama yang menjadi pendorong ke arah kegagalan sukan negara ialah sepertimana yang telah dinyatakan oleh rakan-rakan terutama sekali Ahli Yang Berhormat dari Yan iaitu terdapat pergeseran di antara pemimpin-pemimpin persatuan itu sendiri, oleh kerana kekurangan komitmen daripada para atlet yang kadangkala lebih cenderung kepada insentif semata-mata dan ini juga menimbulkan kelemahan dalam pengurusan pertubuhan sukan sehingga menjejaskan prestasi sukan dan tidak juga ketinggalan dan saya amat bersetuju oleh kerana terlalu 'politicking'. Maka kadangkala pentadbiran di dalam sesebuah badan pertubuhan sukan itu menjadi sebagai suatu gelanggang untuk bukan sahaja menyalahi di antara satu sama lain bahkan juga melemahkan semangat serta kepercayaan rakan-rakan sukan.

Terdapat juga bidang kuasa yang terlalu luas dalam sesuatu pertubuhan dan ini juga kadangkala dilindungi pelbagai kepentingan peribadi di dalam pertubuhan berkenaan. Dan banyak lagi contoh-contoh yang dirasakan tidak perlu bagi saya untuk menyatakan di Dewan yang mulia ini.

Jika keadaan ini berterusan, ini bukan sahaja memberi implikasi buruk kepada dunia sukan semata-mata tetapi ia akan menjadi sumber kepincangan dalam menyemarakkan semangat para belia untuk terlibat dalam aktiviti yang positif.

Pada masa ini, badan-badan sukan beroperasi mengikut selera persatuan masing-masing, tidak ada usaha penggabungan yang sistematik dalam negeri oleh badan-badan tertentu. Pertubuhan-pertubuhan sukan yang terdapat kini bergabung di peringkat antarabangsa sehingga tidak dikawal

oleh Kementerian Belia dan Sukan. Ini menyebabkan aktiviti sukan atau promosi sukan tidak dapat dijalankan dengan sempurna.

Jika Enakmen Pembangunan Sukan 1997 ini diluluskan, kuasa mutlak terletak kepada Kementerian Belia dan Sukan atau menterinya. Ia akan mempermudah pembuat keputusan dan pengurusan pentadbiran badan-badan sukan dapat diselaraskan.

Di samping itu akta yang disyorkan ini juga dapat mengatasi krisis dan dispute dalam pentadbiran. Sebagai contohnya, pergolakan yang melanda SUKOM 98 dan Sukan SEA baru-baru ini jika tidak ditangani dengan segera seperti yang termaktub dalam Akta Pembangunan Sukan adalah dikhuatiri prestasi atlet dan badan-badan sukan dalam Sukan Komanwel 1998 dan Sukan SEA khususnya dan sukan negara amnya pasti akan merosot.

Bersesuaian dengan pergolakan dunia sukan khususnya di dalam negara hari ini, saya tertarik dengan Seksyen 23 yang mana menetapkan bahawa sesuatu badan sukan mesti menyelaraskan pertelingkahan mengikut kaedah dalaman yang telah ditetapkan. Dan Seksyen 24 yang menetapkan bahawa sebarang pertelingkahan yang tidak dapat diselesaikan melalui kaedah dalaman sesuatu badan sukan boleh dirujuk kepada menteri untuk penyelesaian. Menteri juga boleh pada bila-bila masa meminta badan sukan merujuk apa-apa pertelingkahan kepadanya atas nasihat Pesuruhjaya Sukan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, dalam apa jua krisis yang dihadapi oleh badan sukan, pembangunan sukan negara harus diutamakan berbanding kepentingan pertubuhan itu sendiri. Sebarang masalah yang timbul boleh diselesaikan secara mesyuarah, tetapi hakikatnya meja perundingan tidak digunakan, pintu perbincangan tertutup rapat angkara sifat ego yang lebih mencengkam pemimpin-pemimpin pertubuhan berbanding ke arah untuk memajukan sukan negara.

Dengan adanya Akta Pembangunan Sukan 1997, ia bukan sahaja melicinkan pentadbiran sukan negara, tetapi ia akan membawa semua pertubuhan sukan berfungsi di bawah satu bumbung iaitu Kementerian Belia dan Sukan. Di samping itu juga, akta ini juga memberi kuasa kepada menteri untuk campur tangan secara terus dalam sebarang pertelingkahan yang dihadapi oleh pertubuhan.

Akhir sekali saya bagi pihak rakyat Kuala Selangor mengalu-alukan dan menyokong keputusan kerajaan iaitu memberi kuasa kepada Kementerian Belia dan Sukan dan Menteri Belia dan Sukan dalam pengawasan serta penyeliaan terhadap semua aktiviti sukan yang dianjurkan di negara ini. Saya juga berharap perlantikan Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin selaku Panel Pengerusi SUKUM 98 akan menjayakan SUKUM 98 dengan cemerlang. Tahniah diucapkan.

Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Menteri Belia dan Sukan di atas bantuan bagi meluluskan peruntukan untuk membina gelanggang-gelanggang badminton di lima belas buah kampung iaitu di kawasan Parlimen Kuala Selangor. Ini adalah satu keprihatinan yang amat penting yang telah diberikan perhatian oleh Yang Berhormat Menteri. Ini bukan sahaja akan memberikan galakan, bahkan juga kemudahan-kemudahan seumpama ini adalah merupakan suatu keperluan bagi memupuk serta meningkatkan semangat kesukanan dan di samping itu juga keperluan-keperluan seimbang bagi mewujudkan, seperti kompleks sukan yang lengkap dibina supaya ianya dapat disifatkan sebagai perkampungan sukan akan dapat diwujudkan di daerah-daerah.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya di Dewan yang mulia ini, dengan izin, saya ingin merakamkan ucapan takziah kepada penduduk Kampung Cenderamata Dua, Likas, Kota Kinabalu, yang telah menjadi mangsa kebakaran. Semoga mereka tabah dalam menghadapi malapetaka ini sebagai dugaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Akta Pembangunan Sukan 1997 yang disyorkan oleh Kementerian Belia dan Sukan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Teluk Intan.

4.32 ptg.

Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa Rang Undang-undang Pembangunan Sukan 1997 adalah tepat pada masa ini untuk dibentangkan. Saya percaya rang undang-undang ini patut dibawa ke mesyuarat Parlimen lebih sepuluh tahun dahulu tetapi saya hairan kenapa ia dibawa hanya sekarang, Tuan Yang di-Pertua.

Saya berharap pembangunan sukan yang dikatakan dalam rang undang-undang tersebut

akan diberi panduan dan insentif yang baik dari masa ke semasa. Bila Yang Berhormat Menteri membentangkan rang undang-undang tersebut semalam, Yang Berhormat berkata bahawa terdapat dua jenis sukan yang popular dan membawa nama baik kepada negara iaitu bola sepak dan badminton, akan tetapi saya amat hairan kenapa Yang Berhormat gagal memberi tumpuan kepada sukan menaiki bukit apabila baru-baru ini dua orang warganegara Malaysia iaitu Encik Mohanandas dan Encik Magendran berjaya menaiki ke puncak Mount Everest dan sejurusnya membawa nama baik kepada Malaysia dalam arena sukan mendaki bukit.

Saya amat hairan dan kecewa bahawa Yang Berhormat tidak menyebut langsung atau memberi perhatian dalam perkara ini. Adakah kerana Yang Berhormat atau penganjur-penganjur ekspedisi ini tidak sangka bahawa hanya dua orang ini sahaja yang akan berjaya mendaki puncak Mount Everest ataupun jangkaan bahawa pendaki yang akan berjaya mendaki puncak Mount Everest adalah pendaki-pendaki lain dan bukan Mohanandas dan Magendran.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat kecewa dan sedih bahawa Kerajaan Malaysia gagal memberi ganjaran yang berpatutan kepada kedua-dua jaguh ini atas kejayaan atau usaha yang diberikan oleh mereka kepada sejarah ini. Tuan Yang di-Pertua, berbanding dengan menaiki Mount Everest, dalam arena badminton, insentif yang diberikan kepada sukan badminton apabila pasukan Malaysia menang piala.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti sekejap. Rompin bangun, hendak beri jalankah?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Dia sudah duduk, dia bagilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Dia kena bagi, nanti esok-esok.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Dia orang baru, jadi kena minta laluan dahulu.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bukan apa, hendak bagi pujian.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Hendak bagi jalan, Yang Berhormat?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kita hendak puji Yang Berhormat kerana dapat.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dulu Yang Berhormat, dia belum duduk lagi ini. Hendak bagi jalankah atau tidak?

Tuan M. Kulasegaran: Saya ingin teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Okay.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sebab itu Tuan Speaker ajar dia!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tidak, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ajar benda yang tidak baik ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tidak Yang Berhormat, itu.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sebab saya nampak yang naik Mount Everest itu semuanya tidak betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, kalau dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini caranya sebagai ahli DAP ini cara disiplin yang tidak betul. Sekurang-kurangnya tahniahlah kepada mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat..... [*Pembesar suara dimatikan*] Teruskan.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan sebelum ini, para pemain yang ambil pemain-pemain sukan dalam badminton, bila mereka memenangi Piala Thomas pada tahun 1993, mereka telah diberi ganjaran sekurang-kurangnya RM100,000 dan juga selain dari itu, tanah juga telah diberi di Selangor tetapi saya kurang faham kenapa dalam perkara ini di mana dua orang menaiki Bukit Everest mereka hanya diberi RM50,000 sahaja sebagai ganjaran dan hairan untuk saya ialah kerana.....

Tuan Michael Lisa Kaya: Tidak payah hairanlah.

Tuan M. Kulasegaran: Untuk Mount Everest ini adalah kali pertama seorang rakyat Malaysia yang mendaki ke tempat itu tetapi bukan sedemikian kepada Piala Thomas di mana

Malaysia telah memenangi Piala Thomas beberapa kali.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga dimaklumkan bahawa setiap 'mendaki' ke Mount. Everest telah dijamin iaitu....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, perkataan itu pendakikah atau apa?

Tuan M. Kulasegaran: Pendaki.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Teruskan, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ucapan siapa yang buat itu?

Tuan M. Kulasegaran: Saya sendiri buat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Mungkin sebutan salah. Teruskan.

Tuan M. Kulasegaran: Pendaki ke Mount Everest telah dijamin (insured) sebanyak RM1/2 juta setiap orang. Sekiranya seorang pendaki tersilap langkah dan terbunuh dalam ekspedisi tersebut, keluarganya akan dibayar RM1/2 juta manakala pendaki yang berjaya mendaki puncak Mount Everest hanya mendapat 10% daripada jumlah yang dijamin (insured amount). Adakah ini logik?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Menyampuk*]

Tuan M. Kulasegaran: Saya harap dengan berkuatkuasanya rang undang-undang tersebut, kemajuan sukan bukan sahaja akan membawa nama baik negara dalam Sukan Komanwel dalam tahun 1998, bahkan ia akan juga meningkat jumlah pungutan pingat berbanding dengan Sukan Komanwel yang lalu.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [*Bangun*]

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat ada dua orang peminat ini. Hendak beri jalan?

Tuan M. Kulasegaran: Saya teruskan.

Tuan Michael Lisa Kaya: Beri jalanlah.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini Kepong yang ajar benda-benda begini ini...

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang mula-mula....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tabiat yang tidak betul, Keponglah yang ajar ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, jangan rasa kurang senang. Sekejap cakap Tuan Yang di-Pertua yang ajar, sekejap cakap Kepong yang ajar. Tiada sesiapa yang ajar dia, Yang Berhormat. Ya, teruskan Yang Berhormat Teluk Intan.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong seruan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Yan dan Ahli Yang Berhormat dari [*menyemak sesuatu*].....

Tuan Michael Lisa Kaya: Dari BN.

Tuan M. Kulasegaran: [*Bertanya kepada Ahli Yang Berhormat dari Seputeh*]

Tuan Michael Lisa Kaya: Dari Barisan Nasionallah, you cakap.

Tuan M. Kulasegaran: Barisan Nasional. [*Ketawa*]

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Menyampuk*]

Tuan M. Kulasegaran: Teluk.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat....

Tuan M. Kulasegaran: Teluk Sena. Pokok Sena, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta maaf, saya kali pertama.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti Yang Berhormat. Biar pun Yang Berhormat hendak minta laluan pun, ikut peraturan.

Tuan M. Kulasegaran: Pokok Sena. Minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat. Ini Batang Lupar bangun ini.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ini kawan dari sinilah, sama ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Hendak bagi jalan?

Tuan M. Kulasegaran: Tidak, saya hendak habiskan. [*Ketawa*] Tidak lama lagi saya hendak habiskan.

Tuan Michael Lisa Kaya: Orang Sarawak baguslah.

Tuan M. Kulasegaran: Lain kali, lain kali.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Orang Batang Lupar baiklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sabar. [*Ketawa*]

Tuan M. Kulasegaran: Pokok Sena, di mana beliau telah mengatakan bahawa ahli-ahli keluarga raja tidak patut mengetuai badan-badan kesukanan. Selain daripada itu, saya juga meminta bahawa satu arahan diberikan....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini point of order.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat. Peraturan Mesyuarat ini, sekejap ya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya rasa point of order 36 (1).

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila duduk sebentar. Rompin, Peraturan Mesyuarat yang keberapa?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sebab apa, dia menuduh....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dulu, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: 36(6).

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: 36(6) - sangkaan jahat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Dia mengeluarkan sangkaan yang jahat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Terhadap siapa?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Raja.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kepada raja. Dia kata raja itu, raja ini. Yang sebenarnya Rajasingamkah, raja.....[*Ketawa*] Beritahu betul sebab saya rasa

tadi tidak ada Yan ataupun Pokok Sena kata sultankah apa, tidak ada. Kalau Rajagopal, mungkinlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya minta tarik baliklah, jangan guna perkataan itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Saya rasa 36 (6) itu Yang Berhormat kalau baca dengan teliti kurang tepat, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tetapi dia menuduh yang tidak benar.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, bacalah dulu. Itu ditujukan kepada ahli yang lain. Teruskan.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang Terutama....Oh God, it is not that easy!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Speaker, point of order lagi. Dia menuduh kepada Pokok Sena, ini implikasi yang besar.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tidak Yang Berhormat, Yang Berhormat tadi kata sangkaan jahat. Kepada siapa?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Masalah ini, Tuan Speaker, ini serius...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tidak, terhadap siapa?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kita tidak boleh menuduh.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dulu, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:ambil ungkapan daripada Yan dan juga daripada [*menunjukkan ke arah tempat duduk Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena*]-perkara yang tidak benar.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, jawab dulu Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [*Bangun menunjukkan tempat duduk Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena yang baru*]

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ah, Pokok Sena sudah tukar tempat dah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tidak payah Yang Berhormat berhujah, terhadap siapa? Kalau sangkaan jahat terhadap siapa? Jawab.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya rasa Tuan Speaker, menjadi masalah kepada mereka kalau quoted wrongly, dengan izin, menuduh kepada raja yang sebenarnya mereka tidak menuduh. Ini perkara yang serius.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya sudah buat keputusan tadi. Jadi, Yang Berhormat kena juga meneliti apa yang dibangkitkan. Ya, teruskan.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya juga meminta bahawa satu arahan diberikan agar ahli-ahli politik terutamanya menteri-menteri besar dan ketua-ketua menteri tidak mengetuai badan-badan kesukanan. Sebagai contoh, Menteri Besar negeri Perak yang telah mengetuai Persatuan Bola Sepak Negeri Perak sejak sepuluh tahun lalu, Tuan Yang di-Pertua, gagal meningkatkan prestasi pasukan bola sepak negeri Perak. Pencapaian pasukan bola sepak negeri Perak telah menduduki tangga yang terakhir di dalam sejarah negeri Perak kerana ahli politik seperti menteri besar tidak mempunyai masa untuk memajukan dan mementingkan prestasi pemain-pemain bola sepak negeri Perak, lebih-lebih lagi, Tuan Yang Terutama.....

Seorang Ahli: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Per...perta...[*Ketawa*] Pertua. [*Ketawa*] Minta maaf. Not easy! [*Ketawa*] Lebih senang kalau saya membuat kes di mahkamah, Tuan Yang di-Pertua. [*Ketawa*] Ini dapat dilihat sejak....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, biar di mahkamah pun, saya rasa bukan gelaran Tuan Yang Terutama, Yang Berhormat. [*Ketawa*]

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Selalunya Jelutong suka pakai gelaran apa?

Tuan Michael Lisa Kaya: Yang Arif.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Arif. *[Ketawa]*

Tuan M. Kulasegaran: Ini adalah dilihat sejak tiga tahun yang lalu di mana Menteri Besar negeri Perak tidak pernah menghadiri latihan atau perlawanan di mana beliau masih mengetuainya. Tuan Yang di-Pertua....

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Parit bangun.

Tuan Michael Lisa Kaya: Beri jalan.

Seorang Ahli: Kalau gua malulah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Dari negeri Perak juga.

Tuan Michael Lisa Kaya: Beri jalan, beri jalan.

Beberapa Ahli: *[Bersorak]*

Seorang Ahli: Jangan takut.

Seorang Ahli: Bagi chancelah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sabar, sabar.....

Seorang Ahli: Tidak layan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat yang lain, janganlah tidak sabar Yang Berhormat. Orang yang hendak minta laluan itu.....

Seorang Ahli: Bagi chancelah kepada perempuan.

Seorang Ahli: Apa fasal, takutkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tidak beri jalan?

Tuan M. Kulasegaran: Tidak.

Seorang Ahli: Takut sama perempuankah? *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Rompin, cukup.

Tuan M. Kulasegaran: Saya ada arahan dari Teluk Intan untuk menghabiskan percakapan itu.

Seorang Ahli: Takut sama perempuanlah. *[Ketawa]*

Tuan M. Kulasegaran: Seorang ahli politik yang lain iaitu Setiausaha kepada Menteri Besar Perak yang bernama Raja Ahmad sedang memegang jawatan sebagai pengurus pasukan bola sepak sejak tahun 1992. Beliau telah digantung oleh Persatuan Bola Sepak Malaysia selama setahun pada tahun 1994 kerana mempunyai tingkah laku yang tidak berdisiplin.

Kegagalan pemimpin oleh ahli-ahli politik dapat dilihat dalam anjuran Junior World Cup di Perak. Permainan yang patut diadakan di negeri Perak telah dialihkan ke Kangar, Perlis kerana kekurangan masa untuk membaiki padang dan stadium dan kemudahan-kemudahan asas yang diperlukan untuk anjuran tersebut oleh Persatuan Bola Sepak Dunia (FIFA). Berjuta-juta wang telah dibazirkan untuk persediaan anjuran tersebut, bukan sahaja itu malah ahli-ahli peniaga telah mengalami kerugian yang amat besar. Ini semua telah terjadi kerana ahli-ahli politik yang tidak ada masa untuk menjalankan tugas-tugas sebagai pemimpin dalam arena sukan.

Di negeri Perak terutamanya Menteri Besar Perak, walaupun menyumbangkan banyak wang, itu adalah satu positif yang patut diterima tetapi oleh kerana kekurangan masa, beliau terikat dalam kes-kes hal politik, maka patutkah dia mengetuai badan-badan sukan?

Tuan Yang di-Pertua.....

Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, ada yang bangun lagi.

Seorang Ahli: Beri jalan.

Tuan M. Kulasegaran: Saya hendak habiskan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat dari Bagan Serai.

Seorang Ahli: Apa, takutkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tak beri jalan, Yang Berhormat?

Tuan M. Kulasegaran: Tidak.

Seorang Ahli: Sportinglah sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, dia tak beri jalan, Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Berilah jalan, utamakan kawan.

Seorang Ahli lain: Orang baru kena beri jalanlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Lain kali, Yang Berhormat. Teruskan.

Seorang Ahli: Kita orang peguam, tak payah takut.

Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail: Ini hentam pakai serang, serang tak tentu hala ini apa hal?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sabar.

Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail: Ha, pandailah sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Dia hendak teruskan.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, seorang jaguh dalam bola sepak Malaysia adalah M. Karthu. Beliau telah bermain bola sepak sejak tahun 50-an ke 60-an, selepas itu telah menjadi jurulatih di negeri Perak. Tetapi oleh kerana ahli politik terlibat dalam sukan, satu arena telah terjadi di mana beliau terpaksa dan dipaksa meletak jawatan dan sekarang bekerja sebagai jurulatih di Negeri Sembilan. Ini adalah semua kerana hal-hal peribadi di mana seorang ahli politik mementingkan hal-hal politik untuk mendapat nama kepada dia sendiri dan bukan mementingkan apa-apa yang perlu untuk sukan dan sebagainya.

Lagi satu contoh sebelum saya habis, Tuan Yang di-Pertua, adalah pada tahun 1994 seorang jurulatih yang bernama Milliusos Kavaseck iaitu seorang jurulatih dari Czekoslovakia. Pada tahun 1994 bila Raja Ahmad telah masuk ke tempat di mana ruangan changing room, dengan izin, coach tersebut telah mengarahkan dia supaya jangan menghisap rokok di tempat itu, dia telah terus keluar dan mengeluarkan satu arahan bahawa jurulatih (coach) ini tidak layak untuk mengetuai Pasukan Bola Sepak Perak. Dia telah membawa hal-hal politik di mana dia tidak layak, di mana dia patut tidak berada di tempat changing room, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah sumbangan saya untuk hari ini tetapi saya terpaksa sebelum habis.....

Seorang Ahli: Cukuplah.

Tuan M. Kulasegaran: Sebelum saya habis, Yang Berhormat dari Kuala Selangor sebelum ini telah mengatakan satu, dua perkara mengenai

kemenangan beliau atas tiket Barisan Nasional. Saya ingin menegaskan di sini orang-orang di Teluk Intan telah membuat satu keputusan yang baik menghantar.....

Seorang Ahli: Hei, ini di luar tajuk. Apa ada kena-mengena ini?

Tuan M. Kulasegaran:.....menghantar seorang wakil pembangkang dari Teluk Intan.....

Seorang Ahli: Ini out of point, tak ada kena-mengena dengan rang undang-undang ini.

Seorang Ahli lain: Ini cakap di Teluk Intanlah, bukan dalam Dewan Rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, tertib.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua.....

Seorang Ahli DAP: Tuan Yang di-Pertua beri peluang kepada dia.

Seorang Ahli: Duduk, terima kasih, vanekem. [Ketawa]

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, untuk lebih 24 tahun suara pembangkang tidak didengar dari Teluk Intan dan saya telah dihantar untuk menyuarakan perkara-perkara yang berkaitan kepada pihak-pihak yang berkenaan dari Teluk Intan. Saya berjanji dan saya akan membuat yang perlu dibuat. Terima kasih. [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Santubong.

4.53 ptg.

Puan Rohani binti Haji Abd. Karim [Santubong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya turut menyokong Akta Pembangunan Sukan Negara 1997, tetapi sebelum itu saya ingin hendak mengingatkan Ahli dari Teluk Intan, bukan senang untuk menjadi wakil rakyat. Ini this is your first stage, dengan izin, jangan main hentam sahaja dalam Dewan.

Saya memang menyokong segala pandangan semua kawan mengenai pembangunan sukan, tetapi apa yang dikatakan oleh saudara dari Teluk Intan itu menjijikkan.....[Tuan M. Kulasegaran keluar Dewan diiringi oleh beberapa ahli DAP]

Seorang Ahli: Yang Berhormat dari Teluk Intan jangan keluar!

Puan Rohani binti Haji Abd. Karim: Tak hormat, dia keluar. Saya sedang bercakap ini dia

keluar. Dan memberi menteri kuasa atas perkara yang bersangkutan-paut dengan pembangunan sukan di negara kita. Berjuta-juta wang telah dibelanjakan tetapi menteri tidak ada kuasa. Patutlah orang boleh menyoal pula kenapa wujudnya Kementerian Belia dan Sukan dan kita pun selama ini tersalah anggap. Jadi, syukur alhamdulillah, dengan adanya akta ini saya rasa selepas ini dapatlah kita menyaksikan pelbagai rentak pembangunan sukan di negara kita.

Saya sangat berminat mengenai perkembangan sukan khususnya ke atas atlet wanita. Tidak banyak terserlah mengenai atlet wanita di negara kita. Dahulu ada nama seperti Zaiton, Mumtaz dan beberapa atlet terserlah, tetapi sekarang ini tidak ada pula. Saya ingin mengucapkan syabas kepada Kementerian Belia dan Sukan kerana telah menganjurkan sebuah Konvensyen Kebangsaan Wanita dan Sukan di mana daripada konvensyen ini kita hendak mengetahui mengenai penyertaan sukan bagi wanita-wanita. Kita perlu lebih banyak aktiviti untuk wanita dalam sukan iaitu kalau dapat kita mengamalkan gaya hidup cergas, jadi mungkin beberapa maklum balas yang telah dicungkilkan daripada konvensyen yang diadakan baru-baru ini bolehlah diberitahu juga kepada Dewan yang mulia ini dan bolehlah juga kita selaku wakil-wakil rakyat yang bertanggungjawab mencari jalan membantu menggalakkan wanita bersukan. Saya hendak kementerian menggunakan resolusi-resolusi yang telah dihasilkan untuk dijadikan garis panduan.

Berbalik kepada perkara atlet wanita. Saya teringat beberapa tahun yang lalu seorang bintang atau atlet di mana bintangnya sedang menyinar iaitu seorang pelari pecut negara wanita. Untuk mengingatkan Dewan yang mulia ini iaitu namanya Rabiah Salam. Masa depan yang begitu cerah serta dia sedang menempahkan nama, kita dikejutkan dengan berita kematian beliau, iaitu membunuh diri kerana malu. Bagaimana ini terjadi sudah diketahui umum. Mahukah kita melihat ini berlaku lagi? Saya mahu pihak menteri memastikan bahawa perkara ini janganlah berulang lagi, iaitu gangguan seksual, sampai entah apa dilakukan oleh jurulatih tersebut, bunyi-bunyinya sikit-sikit macam penyakit coxsackie - ha, sexual harassment, dengan izin. Dia buat sesuatu, bunyi-bunyi macam penyakit itulah.

Betapa marahnya kita bila kita mendengar berita ini dan memanglah keadilan telah dilakukan, tetapi daripada masa ini mana-mana gangguan seksual terhadap atlet wanita dan juga mungkin atlet lelaki di masa yang akan datang tiada maaf

bagi kes-kes sebegini. Sebab mungkinlah kita tidak menerima laporan, jadi sexual harassment, dengan izin, mungkin berlaku juga kepada atlet lelaki tetapi tidak dilaporkan, tetapi apa yang berlaku kepada atlet wanita ini memanglah tidak dapat dimaafkan. Kita mengharapkan pagar, pagar pula makan padi.....

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:
[Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Batang Lupar bangun.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Masalahnya Yang Berhormat dari Teluk Intan sudah keluar, sebenarnya saya hendak ajar Teluk Intan, tengok kawan, mesti beri peluang.

Yang Berhormat, saya ingin hendak bertanya sedikit, saya memang tertarik dengan perbincangan Yang Berhormat berhubung dengan atlet-atlet wanita bahkan pernah satu ketika dahulu saya menyebutkan iaitu apabila pihak hoki wanita nampak menyerlah, tidak satu pun laporan didapati di surat khabar. Jadi, saya telah mencadangkan kepada pihak kementerian supaya kalau tidak ada minat daripada pihak akhbar, sepatutnya pihak kementerian meminta akhbar memberi laporan-laporan yang lebih menyerlah kepada pihak-pihak atlet wanita ini. Jadi, nampaknya tumpuan kepada atlet yang glamour sahaja, umpamanya football dan badminton. Oleh kerana pandangan dan tumpuan itu kepada satu pihak sahaja, jadi nampaknya benda ini telah mengatasi minda atlet-atlet wanita yang mereka merasa telah diketepikan. Jadi, bagaimana pandangan dan cadangan daripada Yang Berhormat supaya atlet-atlet wanita yang berkemampuan menjadi maju dalam usaha mereka menjadi seorang atlet. Itu yang pertama, macam mana cadangan daripada Yang Berhormat?

Yang kedua, pada masa sekarang ada ura-ura mengatakan yang wanita ini tidak boleh menunjukkan aurat semasa terlibat, terutamanya atlet-atlet yang beragama Islam. Jadi kalau terlibat dalam atlet, nampaknya wanita ini telah mendedahkan diri, terutamanya atlet-atlet yang beragama Islam yang disebutkan ini. Jadi, pandangan Yang Berhormat berkenaan soalan wanita-wanita Islam yang terlibat dalam atlet sukan ini, pakaiannya sama ada menggunakan leotard yang ketat ataupun kain-kain yang ketat atau mengguna pakaian orang daripada kawasan Yang Berhormat dahulu, asal Yang Berhormat itu dari Sri Aman, kawasan saya, orang pakai seluar 'sumbu'. Seluar sumbu ini yang geboh macam

ini, jadi tidak mendedahkan aurat. Macam mana, Yang Berhormat?

Puan Rohani binti Haji Abd. Karim: Terima kasih kepada saudara kita dari Batang Lupar. Beginilah, memang saya hendak tunjukkan sedikit kepada wakil dari Teluk Intan, saya berani daripada dia. Memanglah saya rasa selama ini tidak banyak publisiti yang diberikan oleh akhbar-akhbar khususnya kepada atlet-atlet wanita dan inilah saya rasa satu daripada fakta yang menyebabkan kenapa kita tidak dapat banyak maklumat atau seperti saya katakan penyertaan wanita tidak terserlah, sebab memang kita akui peranan media massa ini sangat penting.

Jadi, di sinilah saya selaku apa yang ditanya oleh Yang Berhormat tadi, banyak daripada perkara ini telah dibincangkan di dalam Konvensyen Kebangsaan Wanita dan Sukan dan resolusi-resolusi hasil konvensyen ini telah menegur beberapa perkara yang telah ditanyakan oleh Yang Berhormat, termasuk mengenai coverage media massa dan juga pakaian, sebab kita memanglah prihatin mengenai pakaian-pakaian yang digunakan tetapi banyaklah yang telah dirumuskan dan saya tidaklah hendak mengambil glamour pula daripada ini. Mungkin kita memberikan ini kepada Yang Berhormat Menteri untuk menerangkan resolusi-resolusi ini sebab ini telah dilakukan saya rasa adalah untuk membantu pihak menteri, pihak kementerian semasa penggubalan Akta Pembangunan Sukan ini. Jadi, itulah pada mula tadi memanglah saya sudah memberitahu bahawa kalau dapat resolusi ini dikongsikan bersama oleh kita semua wakil rakyat dalam Dewan yang mulia ini supaya kita juga dapat membantu dari segi menyebarkan apa garis panduan yang telah dihasilkan daripada konvensyen yang baru lalu.

Berbalik kepada cerita harap pagar, pagar makan padi. Saya ingin menyarankan kepada Yang Berhormat Menteri supaya memastikan bahawa mana-mana jurulatih mesti memikirkan hal kepentingan negara, bukan kepentingan sendiri, iaitu hawa nafsu beliau yang mengganas. Saya memang cukup marah bila saya mendengar cerita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju dengan ucapan daripada beberapa rakan-rakan saya khususnya dari Pokok Sena dan Yan, bahawa pegawai-pegawai dalam pertubuhan sukan sangat sombong. Ini saya dapat maklum balaslah dan mereka selalu mempertahankan kedudukan

mereka untuk kepentingan diri sendiri di dalam badan-badan sukan. Ada kalanya berlaku dan ini banyak kalilah - bersikap prejudis terhadap beberapa atlet-atlet tertentu, bukan sahaja itu, saya telah difahamkan bahawa mereka ini telah memilih segelintir atlet-atlet mewaliki persatuan atau badan-badan atau negara kerana sikap nepotisme (nepotism), dengan izin, iaitu memilih saudaramara bukannya dari segi kualiti atlet itu, tetapi dari segi siapa yang saya suka bawa bersama. Ada juga daripada pegawai-pegawai dalam badan-badan sukan tidak mahu mendengar pandangan, nasihat, cadangan, teguran pegawai-pegawai yang pakar dalam bidang sukan tertentu dan inilah saya rasa satu daripada sebabnya kenapa pembangunan sukan di negara kita ini malap, dengan izin, all the wrong decision.

Saya dengar banyak juga seperti beberapa orang telah menyuarakan berlakunya politicking dalam badan-badan sukan. Saya juga setuju bahawa setiap mesyuarat persatuan harus dihadiri oleh pegawai daripada kementerian sebagai pegawai *ex-officio* dan peranan pegawai-pegawai ini beliau bolehlah memaklumkan kepada pihak menteri jika terdapat perkara-perkara penting yang dibincangkan, yang harus diambil perhatian berat oleh Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendengar berita

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Santubong, apakah Yang Berhormat dari Santubong setuju bahawa terdapat di kalangan ahli-ahli atlet yang dipilih ini tidak tahu peranan mereka apabila mereka mewakili negara. Ada yang beranggapan bahawa apabila mereka dipilih, mereka cuma mengambil peluang untuk melawat negara-negara lain, dia kata 'asalkan boleh ikut kita menyertai sukan'.

Saya bersetuju juga dengan Yang Berhormat tadi bahawa timbulnya nepotism, sebab itulah tugas utama ahli sukan ini, oleh kerana ia dipilih di kalangan ahli keluarga yang memilih, maka tugas utama mereka mewakili negara tidak tercapai. Apakah Yang Berhormat bersetuju masalah ini kita selesaikan dengan cara menanamkan semangat patriotik ataupun 'cintakan negara' dan ingin mengharumkan nama negara di kalangan ahli-ahli

sukan yang telah dipilih ini supaya semangat patriotism mereka itu begitu mendalam dan mereka lebih mementingkan keunggulan negara atau mengharumkan nama negara daripada ganjaran-ganjaran ataupun peluang-peluang melawat di luar negara. Terima kasih.

Puan Rohani binti Haji Abd. Karim: Memanglah saya sangat-sangat setuju. Sebenarnya selama ini kita pun semua telah menyebutkan perkara yang sama, mereka lebih kepada melancong daripada menyerlahkan bakat mereka dalam bidang kesukanan. Memanglah kita tidak dapat nafikan, kadang-kadang kita pun memanglah hendak membawa saudara-mara, tetapi make sure mereka ini memang ada kebolehan dalam kesukanan yang telah dipilih. Sebab seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat memanglah semangat patriotisme itu harus dipupuk dari awal-awal lagi, bahkan kalau mereka itu dipilih sepatutnya mereka tahulah prioriti utama mereka iaitu untuk memastikan kemenangan kepada negara supaya kita dapat dengar selalu lagu 'Negaraku', kena tegak selalu. Jadi, ini memang satu daripada kriteria yang utama, yang mungkin pihak menteri harus kaji semula dan mengambil tindakan-tindakan yang tertentu selepas akta ini diluluskan kelak.

Saya juga mendengar berita bahawa dalam senarai atlet-atlet negara kita dalam pelbagai jenis sukan tidak wujud peringkat kedua atau pelapis. Jadi, jikalau atlet-atlet yang sudah ada ini bersara kadang-kadang beberapa jenis sukan terus mati, tidak ada lagi sebab tidak ada pelapis, tidak ada pengganti. Perkara ini juga harus dikaji oleh pihak menteri, jikalau kita hendak maju lebih jauh lagi dalam sukan di negara kita.

Saya juga diberitahu, semenjak akta ini dibawa ke Dewan Rakyat bermacam-macam feedback yang kita terima, satu daripadanya saya diberitahu bahawa terdapat penyelewengan kewangan berlaku dalam badan-badan sukan, seperti sudah mendapat tajaan atau sponsorship untuk mengelolakan beberapa pertandingan sukan, tetapi selepas mengumpul sponsorship kewangan itu tidak di'channel'kan kepada pertandingan sukan tersebut. Inilah mungkin kenapa ramai yang merebut sangat dan mempertahankan kedudukan di dalam badan-badan sukan - mungkinlah sekarang ini kita berpandu kepada kemungkinan. Ini juga telah menimbulkan banyak huru-hara dalam badan-badan atau persatuan tersebut, sebab orang tidak senang hati melihat apa yang berlaku dan membiarkan gejala ini berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan agar sebuah Tabung Sukan Negara diwujudkan iaitu untuk mendapatkan derma atau tabungan dari pihak swasta dan dituruti dengan matching grant daripada pihak kerajaan iaitu 'ringgit-for-ringgit'. Tiap-tiap ringgit ditabungkan atau didermakan oleh pihak swasta ditampungkan oleh pihak kerajaan dengan ringgit, jadi penderma pula bolehlah diberi sedikit insentif iaitu dengan memberi pengecualian cukai. Jadi, ini adalah satu perkara yang penting di mana tabung ini saya cadangkan diurus atau dikendalikan oleh Majlis Sukan Negara yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri. Tabung ini adalah untuk memberi insentif, biasiswa, aktiviti pembangunan sukan, kebajikan atlet serta untuk mengadakan aktiviti-aktiviti sukan ke peringkat akar umbi untuk mencungkil bakat-bakat baru iaitu sebagai pelapis kepada atlet-atlet yang ada sekarang ini di dalam semua bidang sukan.

Tuan Yang di-Pertua, kita mesti serius untuk menjadi sukan sebagai sebuah industri berdaya maju dan soal latihan atlet, pencungkilan bakat-bakat baru, pelapis dan pembangunan sains sukan perlu diberikan perhatian utama. Oleh yang demikian, pendidikan dalam bidang sains sukan perlu dipertingkatkan, pendidikan tinggi di dalam bidang sains sukan di peringkat sarjana juga harus ditawarkan di IPT tempatan. Saya ini menyambung sedikit rakan saya dari Bukit Mertajam mengenai hal ini.

Untuk menjadikan sukan sebagai suatu industri yang berdaya maju tentulah lebih ramai atlet, jurulatih dan pegawai-pegawai perkhidmatan sokongan sukan yang berpendidikan, berkemahiran dan profesional perlu disediakan. Sudah sampai masanya kita menubuhkan institusi pendidikan tinggi yang khususnya menawarkan kursus sains sukan secara profesional, bukan macam Yang Berhormat dari Telok Intan dia hentam sahaja, dia mengatakan kita sudah 10 tahun lewat, tetapi it is better late than never, dengan izin.

Mengenai mengadakan institusi pengajian tinggi tentang sukan ini terkandunglah sedikit sebanyak dalam Fasal 7 dan bolehlah diperluaskan untuk membolehkan penubuhan institusi pendidikan tinggi mungkin dikelolakan oleh pihak swasta yang menawarkan kursus sains sukan.

Tuan Yang di-Pertua, sukan memainkan peranan utama dalam membentuk gaya hidup yang sihat, yang cergas di kalangan rakyat dan sebagai alat perpaduan negara. Program-program

kesukanan perlu berupaya untuk mengerat hubungan antara rakyat dan pengukuh perpaduan negara. Unsur-unsur moral, patriotisme, idealisme, pengukuhan, jati diri dan cintakan tanah air perlu diterap dalam semua program-program latihan sukan dan aktiviti kesukanan.

Adalah diharapkan agar Akta Pembangunan Sukan 1997 dapat mempermudah usaha mencapai hasrat ini melalui pengurusan dan pengawalseliaan program-program sukan yang mantap dan membolehkan menteri menjalankan tugasnya dengan lebih berkesan lagi di masa akan datang mulai daripada kelulusan akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata demikian saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Gelang Patah.

5.12 ptg.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang keemasan kepada saya untuk membahas Rang Undang-undang Pembangunan Sukan 1997.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak Kementerian Belia dan Sukan kerana dapat mewujudkan Rang Undang-undang Pembangunan Sukan 1997 ini, yang mana saya yakin dan percaya ia akan dapat membangunkan sukan dan menjadikan negara kita ini dapat meneruskan pembangunan sukan dengan sempurna.

Saya sangat berharap akta ini bila diluluskan nanti akan mempunyai peraturan-peraturan yang berikut supaya dapat melicinkan segala aktiviti-aktiviti sukan untuk kepentingan rakyat jelata di negara kita ini. Saya sangat berharap akta ini akan mewujudkan kemesraan sukan iaitu akta ini akan 'sport friendly', dengan izin, dan segala kawalan yang bakal diwujudkan akibat pengwujudan rang undang-undang ini akan dapat memberikan kebaikan kepada para atlet di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap dengan mengadakan akta ini ia akan dapat menggalakkan aktiviti sukan dan bukan memberikan satu ketakutan kepada pemimpin-pemimpin pertubuhan-pertubuhan sukan kerana kuasa telah diberikan kepada menteri dan pegawai-pegawai jabatan sukan yang tertakluk dalam akta ini.

Di sini saya ingin menyarankan supaya pihak pegawai dari Jabatan Belia dan Sukan dapat

mempergiatkan semua aktiviti sukan daripada akar umbi iaitu daripada peringkat kampung atau taman perumahan ke peringkat daerah, negeri dan pusat supaya kita dapat melibatkan semua pihak dalam aktiviti sukan untuk mempertingkatkan prestasi sukan negara kita ini supaya dapat mengharumkan imej negara kita ini dalam arena sukan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya harap kebajikan atlet sukan dalam negara ini patut diambil perhatian supaya kita dapat memberikan keyakinan kepada para atlet negara kita ini bila mencebur diri dengan aktifnya dalam sukan dan kepentingan mereka akan dapat dijaga, dan ini akan dapat menggalakkan ibu bapa memberikan galakan kepada anak-anak mereka untuk mengambil bahagian yang aktif dalam sukan. Saya harap bila usaha-usaha untuk membangunkan sukan ini dijalankan, terutama untuk mempertingkatkan sains sukan dan kemungkinan satu hari Malaysia akan dapat mewujudkan sebuah universiti sukan di negara kita ini yang mana akan memberikan keyakinan kepada pemuda-pemudi kita untuk mencebur diri dalam sukan ini daripada peringkat bawahan ke peringkat atasan sampai dapat kelulusan dan mempunyai degree sarjana dalam arena sukan. Saya harap ini adalah satu hasrat Kementerian Belia dan Sukan untuk mewujudkan sebuah universiti sukan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada apa yang saya sarankan tadi, di sini saya ingin membahas tentang Bahagian II, Seksyen 3 yang mana garis panduan berhubung pembangunan sukan akan diadakan. Tentang garis panduan ini, saya harap setelah akta ini diluluskan, pihak kementerian akan mengadakan peraturan atau regulation, dengan izin, yang terperinci untuk memperbaiki kehendak-kehendak akta ini dalam urusan pembangunan sukan.

Berkenaan dengan Seksyen 6 yang mana tentang badan penyelarasan, saya harap badan penyelarasan yang diwujudkan dalam akta ini akan dapat mengurangkan perselisihan antara pemimpin-pemimpin pertubuhan sukan. Di sini saya ingin bahas tentang pendaftaran pertubuhan sukan yang mana setelah akta ini diluluskan, pertubuhan sukan tidak perlu didaftarkan di bawah Pendaftar Pertubuhan, cuma didaftarkan dengan Pesuruhjaya Sukan yang diperuntukkan dalam Seksyen 10 akta ini. Saya harap pihak Pesuruhjaya Sukan akan dapat melicinkan segala prosedur mendaftarkan pertubuhan sukan itu, dan setelah pertubuhan-pertubuhan sukan ini didaftarkan di

bawah Kementerian Belia dan Sukan agar mereka dapat diberikan peruntukan bulanan. Ini berpandukan kepada rekod-rekod aktiviti mereka. Misalnya, jika mereka dapat mengikuti kehendak-kehendak Kementerian Belia dan Sukan bahawa mereka ada menganjurkan aktiviti-aktiviti sukan dengan sempurna, mereka akan dapat peruntukan bulanan daripada Kementerian Belia dan Sukan, dan jika ini dapat diadakan, saya yakin akan dapat menggalakkan aktiviti sukan dengan sempurna.

Selain daripada itu, kita pun perlu mendapatkan kerjasama dari swasta dan kementerian yang lain supaya dapat membina lebih banyak kemudahan-sukan atau fasiliti sukan supaya para atlet kita ada cukup ruang untuk mencebur diri dalam aktiviti sukan. Saya dapati bahawa di peringkat kampung atau di taman-taman perumahan memang penduduk-penduduk menghadapi masalah kekurangan gelanggang aktiviti sukan, yang mana saya harap selain daripada Kementerian Belia dan Sukan ambil berat tentang kes ini untuk menambahkan cukup kemudahan sukan untuk para atlet, pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Kementerian Pendidikan dan lain-lain dapat bersama-sama menolong Kementerian Belia dan Sukan dalam hal ini untuk mewujudkan lebih tempat atau kemudahan sukan, seperti di sebuah taman perumahan.

Jika pihak Kementerian Belia dan Sukan dapat memberikan peraturan atau kehendak-kehendak kepada pemaju melalui pihak-pihak berkuasa tempatan supaya beri garis panduan kepada pemaju atau syarat kepada mereka untuk sesuatu projek itu yang melebihi 2,000 unit rumah perlu mengadakan apa jenis kemudahan sukan di tapak projek perumahan itu supaya bila siapnya projek perumahan itu, penduduk-penduduk ada kemudahan sukan yang sempurna. Tidak bila sampai masa itu, kita sebagai wakil rakyat selalu diminta untuk memberikan peruntukan membina gelanggang badminton atau membina gelanggang bola keranjang atau membina padang bola sepak. Ini adalah satu beban yang sangat berat kepada kita, dan kita biasanya tidak dapat menghulurkan peruntukan yang cukup kepada mereka.

Saya harap pihak Kementerian Belia dan Sukan dapat menggabungkan usaha daripada kementerian yang lain supaya dapat kerjasama daripada pemaju untuk menyempurnakan kehendak kemudahan sukan. Di sekolah, saya harap kementerian dapat kerjasama daripada Kementerian Pendidikan supaya tapak-tapak kosong dalam kawasan sekolah yang mana

memang ada tempat untuk membina kemudahan sukan tidak dibina kerana Kementerian Pendidikan menghadapi kekurangan peruntukan untuk sekolah membina gelanggang badminton atau basket ball court atau padang bola sepak. Oleh yang demikian, jika dapat kerjasama antara Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pendidikan agar Kementerian Belia dan Sukan dapat menyalurkan peruntukan ke sekolah dan dapat mempelbagaikan fasiliti sukan di sekolah.

Di sini, saya sarankan untuk mewujudkan perpaduan nasional yang sebenarnya di arena sukan, jika kita dapat mewujudkan pelbagai kemudahan sukan, seperti padang bola sepak, gelanggang bola keranjang dan gelanggang badminton, satu hari nanti kita tidak perlu membezakan bahawa bola keranjang itu diceburi oleh kaum Cina sahaja dan bola sepak oleh kaum Melayu dan India dan badminton untuk kaum Melayu, Cina dan India. Satu hari nanti semua jenis sukan akan diceburi oleh rakyat jelata berbilang kaum di negara kita ini. Memang aktiviti-aktiviti sukan ini kita akan dapat memperkuatkan perpaduan nasional antara rakyat jelata melalui sukan.

Dengan kata-kata yang demikian, saya sekali mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Belia dan Sukan kerana dapat mengadakan Akta Pembangunan Sukan ini. Sekian, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Batang Lupar.

5.22 ptg.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih. Saya sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain ingin mengucapkan syabas kepada kementerian dan kerajaan telah mewujudkan akta untuk memajukan sukan negara, Rang undang-undang Pembangunan Sukan 1997.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita pandang dalam akta ini cukup memberi peruntukan kepada negara sebagai nadi penggerak untuk mengurus sukan. Tetapi adakah itu tujuan negara untuk pengurus sukan ataupun pengelola sukan. Tetapi tujuannya saya percaya, matlamat kita ialah bukan sahaja menjadi pengurus dan pengelola sukan yang besar-besaran, tetapi kita sepatutnya membangunkan sukan dan membangunkan atlet dan mempunyai

kecemerlangan atlet-atlet itu sendiri. Kalau kita hanya akan menjadi pengurus, pentadbir sukan dan tidak mendapat kemajuan daripada atlet dan orang sukan itu sendiri, maknanya kita telah gagal menangani masalah yang kita hadapi pada masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sukan kepada kita walaupun telah nyata dalam buku ini disebutkan, mula-mula kita nampak kemelesetan soal sukan di negara ialah selepas sukan diadakan di Chiang Mai, Thailand, baru kita ternganga, terhantuk pada hari itu yang kita adalah gagal dalam kesukanan. Negara kita maju dari segi ekonomi, stabil dari segi politik. Tetapi dalam segi kesukanan kita adalah mundur dibandingkan negara-negara yang miskin, negara yang meleset, negara-negara yang tertindas di dunia ini. Jadi, soalnya, kenapa? Banyak rakan-rakan di sini telah menjawab iaitu banyak sangat soal politik telah berlaku dalam badan-badan sukan. Banyak sangat karenah ahli sukan itu sendiri. Siapa yang telah maju melihat dia menjadi glamour dan menjadi orang yang disanjung, mereka tidak endah lagi kepada disiplin. Dan orang yang duduk cuba dalam badan-badan sukan, bila sudah lama duduk mempertahankan kedudukan gunakan apa sahaja cara untuk duduk selama-lamanya di sana. Jadi, soal sukan diketepikan, soal peribadi telah pertahankan.

Itulah matlamat sukan Malaysia hampir beberapa abad. Jadi, di sanalah letaknya kemunduran sukan Malaysia kerana atlet bukan lagi menjadi tumpuan dan pandangan untuk dimajukan tetapi atlet itu namanya sendiri dan ahli-ahli pengurus sukan itu jawatankuasanya adalah peribadi mereka sendiri.

Jadi, dengan keadaan sedemikian, akta ini matlamat kita adalah amat suci dan murni supaya jangan berjuta-juta kita buang begitu sahaja, jangan begitu sahaja kita melaung ke sana sini, sekali kita menang kita sudah lupa, kita beri seorang itu menjadi jutawan tetapi sudah menjadi jutawan dia tidak endah lagi kerana matlamat dirinya sendiri telah dicapai.

Saya berharap pihak kementerian, pihak menteri terutamanya dalam soalan di bawah undang-undang ini, saya percaya menteri sudah faham yang ia memikul tanggungjawab yang begitu berat sekali, tanggungjawab yang mana persatuan-persatuan sukan, badan-badan sukan banyak diduduki dan dipegang oleh orang yang besar-besar, orang-orang yang tinggi-tinggi, orang-orang yang berkuasa. Jadi, menteri memegang tampuk

kuasanya, selepas undang-undang ini diluluskan nanti.

Jadi, menteri bukan sahaja berkehendakkan morale support selepas Dewan ini meluluskan undang-undang ini, tetapi juga segala-gala sokongan kita kena beri kepada menteri untuk menyelaras dan membuat undang-undang tidak menjadi undang-undang yang dilulus di Dewan dan tidak dapat dilaksanakan di peringkat bawahannya nanti.

Jadi, saya berharap bila berbangkit satu kontroversi di antara menteri dengan pihak badan-badan sukan di negeri ataupun di mana-mana, kita mestilah di belakang menteri supaya sukan di negara ini dapat maju.

Tuan Yunof Edward Maringking: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, ada yang bangun Yang Berhormat. Tuan bangun.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tanyalah dengan Teluk Intan lain kali! *[Ketawa]*

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada sahabat saya dari Batang Lupar, dia kata tadi kalau ada timbul kontroversi berbangkit dengan pelaksanaan akta ini kelak, kita Ahli-ahli Dewan akan diminta untuk menyokong pihak menteri.

Saya ingin menarik perhatian kepada Ahli Yang Berhormat, Seksyen 43 di mana seksyen ini memberi kuasa muktamad kepada menteri untuk membuat pindaan kepada undang-undang ini tanpa dikemukakan ke Dewan ini. Bolehkah kita menyokong pindaan yang sekiranya kelak menimbulkan kontroversi yang kita tidak tahu menahu, bolehkah kita sokong sedemikian juga? Terima kasih.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, saya sedihlah dengan Yang Berhormat. Teori memang baik, realiti kurang sedikit. Kontroversi yang saya cakap bukan soalan undang-undang, realitinya menteri itu manusia biasa. Kalau dia jumpa umpamanya saya minta maaf kalau ada Menteri Besar daripada sesebuah negeri jadi ketua sukan, dia tidak bersetuju dengan pendapat menteri ataupun menteri tidak bersetuju dengan pendapat dia. Jadi, kontroversi berbangkit, jadi, soal politiknya, kita pandang juga. Dan inilah kontroversi yang kita sebut, jadi, Ahli Yang Berhormat kena nilaikan percakapan saya itu yang di antara lain, in between the line and on the line.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tetapi, saya tidaklah marah kepada Ahli Yang Berhormat, kawan rakan lama ini. Saya menerima hakikat kerana Ahli Yang Berhormat bukan sahaja dari segi peribadi tetapi juga daripada segi parti tidak pernah mentadbir pun. Jadi, soalan mentadbir ini, realitinya mesti kita terima.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan beri peluang kepada kawan-kawan yang bertanya.

Sukan ini banyak tujuan matlamat kita, walaupun di sini disebutkan tujuan kita untuk memajukan sukan untuk sukan negara, untuk mewangikan nama dan mengharumkan nama negara di seluruh dunia, untuk meningkatkan kecerdasan dan kecergasan manusia di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi pandangan saya lebih jauh daripada itu lagi. Tetapi dalam undang-undang ini telah merangkumi apa yang saya pandang, ini apa yang kita kata yang tersurat dan juga yang tersirat, Ahli Yang Berhormat dari Tuaran.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita pandang negara kita pada masa sekarang menghadapi satu masalah sosial. Masalah sosial yang mana kita pandang dua tahun lepas ataupun kalau tidak salah saya, tiga tahun lepas, iaitu penglibatan anak-anak muda kita, belia-belia kita dalam mengisikan masa kekosongan mereka.

Jadi, dalam keadaan sedemikian pihak kerajaan menyeru semua NGO-NGO yang terlibat dan menubuhkan satu konsep apa yang dikatakan Rakan Muda untuk mengatasi masalah sosial negara. Jadi, masalah sosial negara ini dengan mengisikan masa lapang anak-anak muda yang tidak terisi masa lapang yang ada, mengapa mereka menjadi bohsia, lepak dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita pandang bahkan sukan itu sendiri boleh mengisikan masa lapang dengan tidak ada badan-badan ini, Rakan Muda tak perlu, pergerakan-pergerakan yang lain tidak perlu, kalau kebudayaan sukan itu telah ditanam dan disemai di peringkat awal lagi, di peringkat sekolah. Macam mana? Kalau kita pandang pada masa sekarang masalah sosial yang mereka pandang daripada bohsia, lepak dan sebagainya, itu sahaja. Tetapi, masalah minda manusia belum kita pandang, kenapa negara Malaysia menjadi salah satu negara yang banyak sekali terlibat dalam kemalangan di jalan raya? Kenapa pernah berlaku seperti itu?

Saya pernah membaca artikel-artikel dari dahulu lagi pada awal tahun 70-an, masalah jalan raya, di negara Jepun pada tahun 60-an, Tuan Yang di-Pertua, adalah negara yang banyak sekali berlaku terlibat dengan kemalangan. Begitu juga dengan negara Perancis dan negara Itali, negeri yang mempunyai ketinggian berlaku kemalangan. Pada masa itu ialah baru sahaja habis Perang Dunia II. Jadi, sebabnya keadaan masyarakat di Jepun umpamanya, kita nampak, masyarakat yang disiplin, yang menghayati budaya samurai mereka. Jadi, unspent energy ini, dengan izin, tersimpan di dalam naluri dan sanubari anak-anak muda itu.

Jadi, tidak ada cara lain untuk me'release'kan, yang tak direlease semasa di sekolah direleasekan semasa di jalan raya dan di mana-mana. Mereka tidak mahu mengikut badan seperti Pengakap, Pandu Puteri, Red Crescent, Boy's Brigade, Puteri Islam dan sebagainya.

Tetapi, kenapa tidak energy yang ada pada anak-anak ini tidak di'release' menerusi sukan di sekolah-sekolah kerana culture dalam sekolah kita ialah berpandu sangat kepada membaca, menulis dan mengira, semuanya soalan akademik belaka. Tetapi, bukan semua murid-murid di sekolah itu boleh maju dari segi akademiknya. Banyak yang tidak boleh maju dari segi akademik, tetapi kenapa pula kita tidak, mengubah haluan mereka, di pihak pendidikan kita telah memandang ada yang tidak boleh memajukan pihak akademiknya ke peringkat universiti ataupun sampai ke peringkat ijazah yang lebih tinggi menjadi doktor, sampai ke Cornell University, Yale University dan sebagainya. Tetapi kita boleh pandang mungkin ada juga anak-anak sekolah itu boleh diberi kemahiran dan ilmu teknikal dan sukan di peringkat bawah.

Tetapi ada satu lagi, 'release of energy' di peringkat sekolah itu masih belum kita atasi, inilah menjadi anak-anak muda yang berlumba motosikal, anak muda yang berlumba 'lari' di jalan raya sampai mati berapa banyak, oleh kerana tumpuan 'energy' itu tidak di'release'.

Jadi, dalam keadaan sedemikian, kalau 'sport culture', aktiviti luaran culture telah kita tanam di pihak sekolah, mungkin kita boleh mengatasi, me'release'kan perasaan geram, perasaan 'frustration', perasaan yang berkehendakkan 'release' ini kita dapat lepaskan menerusi aktiviti-aktiviti sukan di peringkat sekolah dan kalau budaya itu telah ditanam daripada peringkat sekolah, insya-Allah, anak-anak ini bila lepas sekolah jadi pegawai-pegawai di jabatan-jabatan kerajaan,

menjadi 'mat despatch', jadi 'mat office boy', dia tidak lagi berlumba di atas motosikal di jalan raya, dia akan berlumba di tempat-tempat yang berlumba kerana dia tahu, dia boleh menjadi pelari yang kuat, dia boleh menjadi 'pole-vaulter' yang kuat, dia boleh menjadi apa sahaja ahli sukan yang kuat kerana didikan di sekolah itu telah membangkitkan perasaan dia menjadi orang sukan, bukan menjadi yang berlari tidak tentu arah di tepi jalan.

Jadi, saya berharap pihak kementerian, matlamat kita bukan sahaja memajukan sukan untuk negara, mengharumkan negara tetapi juga membendungkan 'energy' anak-anak muda ini yang tidak terbencong ini ke hala yang baik menuju menjadi seorang ahli sukan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, kill two birds with one stone, dengan izin. Jadi, di sekolah-sekolah, kita pandang banyak anak muda kita terlibat semasa sekolah, tetapi di mana tempat mereka ini menghabiskan masa mereka? Umpamanya, saya mendapat laporan yang banyak, masa sekarang anak-anak kita terlibat dengan 'centralised training' untuk Sukan Komanwel. Anak-anak sekolah ini masa depan mereka tidak tahu, ibu bapa mereka kalau dipandang daripada segi kemajuan akademik anak-anak mereka, mereka tidak menggalak anak-anak mereka terlibat dalam sukan, oleh kerana masa depan tidak terjamin. Siapa yang akan menjaminkan masa depan anak saya, kalau anak saya terlibat dengan sukan? Mana universiti yang boleh menerima berlandaskan kelulusan sukan sahaja?

Tuan Michael Lisa Kaya: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Bukit Mas bangun.

Tuan Michael Lisa Kaya: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih rakan saudara kita dari Batang Lumar. Saya ingin minta pandangan beliau, saya berminat betul tentang 'kuliah' ataupun pandangan yang telah diutarakan tentang konsep release of energy, dengan izin.

Tuan Michael Lisa Kaya: Tetapi dia cakap release of energy tadi. [Ketawa] Pelepasan tenaga seperti yang saudara daripada Labuan katakan tadi, banyak yang menyentuhkan hal tentang penglibatan murid-murid sekolah daripada peringkat awal.

Saya ingin minta pandangan, adakah beliau bersetuju, memang kita ada banyak pandangan, sekarang ini memang banyak yang berlaku baik di

sekolah ataupun di luar sekolah, ini sistem kita sekarang. Tetapi, kita juga perlu ingat bahawa kita ingin supaya matlamat ataupun visi kerajaan untuk melahirkan negara kita sebagai negara maju menjelang tahun 2020 tidak diabaikan.

Adakah beliau bersetuju seperti pandangan yang begitu baik, bernas, yang wajar diutarakan Ahli Yang Berhormat dari Santubong dan kawan kita di sebelah sana tadi bahawa pihak kementerian ataupun Yang Berhormat Menteri mulai dari peringkat awal dapat mungkin semua para atlet yang ada minat, yang ada potensi untuk dibangunkan, diperkembangkan dapat diberi peluang untuk belajar di sebuah sekolah dan seterusnya satu institusi pengajian tinggi. Saya bercadang supaya dapat didirikan di Labuan.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Terima kasih.

Tuan Michael Lisa Kaya: Terima kasih. Di Labuan supaya masa depan para atlet terjamin. Bagaimana pandangan Ahli Yang Berhormat? Jangan bercakap yang lain-lain, beri cadangan yang betul kepada kerajaan. [Ketawa]

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah rakan saya daripada Bukit Mas. Bukit Mas ini adalah sebuah bukit emas, kaya. Saya pernah duduk di tempat itu dahulu. Jadi, saya memang bersetuju bahkan saya pernah bercakap dengan Yang Berhormat Menteri sendiri soalan sekolah sukan ini, saya pernah bercakap dengan menteri di tahun lepas. Bercakap soalan sekolah sukan, sekolah di mana anak-anak kita boleh diajar, dikumpulkan di suatu tempat dan dididik bukan daripada segi sukan sahaja, daripada segi formal lain, disiplin lain tetapi menekankan juga dengan lebih lagi soalan sukan.

Jadi, kalau saya hendak sebut semua apa yang saya telah sebutkan dengan Yang Berhormat Menteri itu panjang sangat, oleh kerana saya kata, anak-anak kita di centralised training itu, satu tempat yang kita ada sekolah di sana, siapa yang masuk pergi centralised training itu kena duduk di sekolah itu, asramanya dan kemudahan lain semua diadakan, disiplin darjahnya semua ada, daripada satu sampai ke tingkatan enam. Dan di universiti itu mesti pergi ke universiti yang telah ditentukan. Universiti itu tidak boleh kata tidak menerima, dia mesti kena menerima budak-budak yang kena centralised training itu dan diberi galakan supaya mereka tidak meninggalkan sekolah ataupun pengajian mereka semasa menjalankan centralised training.

Jadi, di sini saya sarankan - belum sampai ke peringkat itu, saya sebut universiti tadi. Di sini saya memang setuju sepatutnya di tiap-tiap negeri kita mengadakan sekolah-sekolah sukan. Sekolah sukan ini bukanlah mendidik anak-anak kita membaling 'discus', lembing dan berlari dan apa semua, kita mengajar pengajian formal tetapi sekolah itu menumpukan perhatian lebih kepada sukan oleh kerana budak-budak yang dipindah ke sekolah itu ialah orang yang berkecenderungan dari segi sukan. Bukan orang yang tidak ada kecenderungan, bukan yang dipilih daripada kampung dan desa itu dan dimasukkan ke sana itu begitu sahaja - dia tidak, dia pilih sendiri masuk sekolah sukan dan seterusnya kalau dia habis di sekolah sukan itu, dia pergi ke universiti sukan dan mereka ini mungkin jadi ahli sukan, mungkin jadi jurulatih dan macam-macam lagi kerana kecerdasan tadi kita mesti ingat, kecerdasan ini ialah anggota dan otak sekali.

Saya memang setuju tetapi soalan tempatnya, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak kira, itu kebijaksanaan kementerian, kalau hendak diadakan di Batang Lupar, alhamdulillah, lebih baik kerana tempat itu selamat dijaga oleh 'bujang senang'. Kalau kapal karam pun tidak boleh masuk ke sana, jadi memang saya setuju kita adakan sekolah-sekolah sukan, di tiap-tiap negeri kita adakan sekolah-sekolah sukan untuk anak-anak kita. Lepas itu, ada juga universiti, tidak kira sama ada di Kuala Lumpur, Kuching, di Labuan ataupun di Kelantan - universiti ini, diadakan universiti yang mana anak-anak sekolah tadi disalurkan ke sini. Siapa anak-anak kita sekolah itu tadi yang selepas terlibat dalam sukan dan menunjukkan kepandaian dari segi peguam, umpamanya, kerana disiplin sama, dia boleh pergi ke tempat lain, boleh pergi ke universiti-universiti, dia boleh pergi Universiti Malaya - menjadi peguam dan menjadi jurutera masuk ke universiti-universiti lain, kalau ada perubahan corak kecenderungannya dalam satu-satu peringkat.

Jadi, soalnya ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya memang melihat dan prihatin pada masa sekarang anak-anak sekolah terlibat dalam sukan, jadi bila dia hendak menyambungkan persekolahan masa centralise training, mana-mana centralise training sama ada diadakan di Kuching, Miri, Kuala Lumpur dan di mana-mana, anak-anak ini tidak tahu di sekolah mana dia hendak didudukkan dan kalau ada duduk pun dia masuk sekolah sana dia jadi 'outsider' di sekolah itu, dia tidak tahu apa hendak buat. Period of

adjustment, dengan izin, masa dia masuk ke sekolah itu memakan masa yang mungkin sebulan, dua bulan, masa itu dia sudah tertinggal. Ibu bapa dia balik sudah susah hati, macam mana anak saya boleh lulus atau tidak SPM masa akan datang ini tetapi kalau sekolah itu betul-betul sekolah sukan, guru di dalam sekolah itu memang telah diajar dan dilatih sebagai guru mengajar orang sukan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, supaya anak-anak muda kita ini jangan ketinggalan.

Satu lagi orang bekerja. Mungkin Yang Berhormat Menteri sudah tahu perkara ini. Ada pegawai-pegawai kita daripada syarikat-syarikat kerajaan di privatise pada masa sekarang ini terlibat dalam SUKOM, saya tidak hendak sebut nama syarikat. Kalau saya sebut nama syarikat itu menjadi masalah nanti, masalah saya jugalah itu. Itu saya tidak hendak sebut. Pegawainya terlibat dengan SUKOM pada masa sekarang, pegawai itu terima surat daripada syarikat itu mengatakan kamu kena diberhentikan daripada kerja. Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, negara berkehendak dengan pegawai ini supaya dia terlibat dengan SUKOM, supaya kita dapat satu lagi atlet yang maju di tahun 1998 nanti. Apabila mendapat surat atau amaran itu, ia akan terfikir hendak lari untuk SUKOMkah atau hendak lari balik ke pejabat. Kalau ke SUKOM selepas SUKOM what will happen to me, dengan izin.

Jadi, apa jaminan pihak kementerian dengan pegawai yang terlibat dengan mana-mana sukan yang diketepi, disisih dan disuruh keluar oleh pejabat sama ada pejabat jabatan kerajaan ataupun syarikat-syarikat, mana jaminannya? Kalau tidak ada jaminan, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya pegawai ini tidak akan menumpu seratus peratus perhatiannya. Saya pernah jadi orang di atas orang-orang yang terlibat dengan sukan dulu. Bila kita hendak hantar, deploy orang dekat sini dengar dia lari dekat sini. Dia kata kita bertembak dalam hutan, dia senang-senang lari di track. Macam mana ini? Saya pernah mempunyai fikiran yang sedemikian, okay, betul juga, pandangan saya itu betul pada saya sendiri untuk kemajuan dalam pejabat saya atas saya tetapi pihak kementerian mesti melihat pandangan dan view point, dengan izin, daripada keluarga yang terlibat, pihak atlet yang terlibat, jaminan kepada murid-murid, jaminan kepada pegawai-pegawai sama ada jabatan kerajaan ataupun syarikat yang mempunyai pekerjaan yang tetap yang mungkin akan disisihkan ataupun hilang peluang apabila terlibat dengan sukan-sukan yang sedemikian. J a d i ,

kita kena bagi jaminan kalau kita hendak mereka ini jadi atlet-atlet yang maju.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, soalan atlet wanita. Tadi rakan saya dari Santubong ada menyentuh, jadi tidak payahlah saya sentuh lagi walaupun ada item saya tulis sedikit atlet wanita ini. Jadi, apa yang saya hendak sebutkan begini. Kadang-kadang, ini pada masa sekarang yang mana persatuan-persatuan sukan wanita ini di pihak negeri-negeri umpamanya, kadang-kadang disisih oleh pihak badan induk yang ada di pusat - di Kuala Lumpur umpamanya. Jadi, oleh kerana wanita ini datang ke sini, mungkin dia bukan begitu persuasive enough, dengan izin, untuk mendapat kemudahan ataupun privilege pandangan mereka diterima ataupun tidak oleh kerana mungkin manusia yang duduk dalam badan-badan sukan di pusat itu chauvanist sangat. Jadi, pandangan-pandangan daripada badan-badan sukan wanita daripada negeri-negeri kadang-kadang diketepikan oleh pihak badan-badan induk pusat di Kuala Lumpur.

Umpamanya, saya bagi satu misalan sahaja ini, hoki wanita dari Kuching. Saya minta maaf sebab ada perhubungan dengan hoki wanita di Sarawak ini. Mereka ini memang dikatakan hoki team yang terbaik di negara pada masa sekarang - peringkat negara. Menang di sana sini tetapi kadang-kadang baru sampai dari Kuching ke Kuala Lumpur terus disuruh berlawan - hari ini sampai hari ini berlawan, jadi pegawai dia kata janganlah buat macam itu, berilah kami tidur semalaman barulah esok lawan. Lepas itu dia hantar pula ke Pulau Pinang ataupun ke Perak, lepas itu belum buat apa-apa pun sudah buka pakaian terus lawan lagi satu.

Jadi, adakah kita hendak mencari kecemerlangan sukan ataupun sengaja hendak tekan team ini supaya dia jatuh sahaja, itu tujuannya. Jadi, saya pernah ditanya orang macam mana konsep ataupun filosofinya, saya kata kalau kita hendak menang, kalau umpama dia kata dalam konteks orang business, kalau sayalah binakan satu bangunan yang empat tingkat - dalam konteks orang Melayu saya sebut ini. Orang Melayu sebelah ini buat bangunan empat tingkat, janganlah orang Melayu lain terus kecil hati dan terus jealous ataupun hendak kata bawa bom satu, kita hentamkan bangunan empat tingkat ini biar dia lebur. Patutnya pandangan dan filosofi yang maju, kita beli tanah sebelah, kita buat bangunan sepuluh tingkat - lawan dia. Jangan hentam macam ini. Jangan bunuh dia. Bunuh macam itu tidak ada

competitivenesslah, jangan bom dia. Jadi, jangan tekan yang maju tetapi kita cari cara untuk memajukan yang lain supaya yang maju tadi dapat dibandingkan.

Jadi, saya berharap pandangan dan rintihan pihak-pihak badan sukan wanita dari mana-mana negeri dan mana-mana daerah sama ada dari Perlis, Kuantan, Johor dan mana-mana datang ke pusat ini diberi pandangan dan diterima pandangan mereka sebagai mewakili badan sukan mereka terutama sekali kalau badan itu telah mengelolakan sukan mereka dengan begitu baik dan maju.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, soal pilih kasih. Kawan-kawan ada sebut tadi, pilih kasih ini banyak berlaku, saya pernah sebut di sini, umpamanya, pilih kasih yang saya sebut ini bukan sahaja dari segi politik, affiliation of politic, affiliation of friendship, kawan, nepotism, favouritism dan sebagainya, dengan izin. Tetapi ada cara lain lagi, pilih kasih pada sukan. Kalau sukan badminton, semua orang kabut, yang tidak kabut pun tunjuk kabut. Mungkin hendak tunjuk-tunjuk dengan orang atasan badminton itu sebab kabut dengan badminton tetapi berdirilah kawan tanya, kawan dok berdiri ini tidak tanya. Jadi, kalau sukan umpamanya, dulu seorang atlet dalam polis, orang polis ini lontar cokmar, sampai dia masuk dalam surat khabar dia tidak mampu hendak beli kasut pun untuk hendak lontar cokmar ini sebab orang yang lontar cokmar ini bukan badan yang terpatah, kasut dia habis. Satu kasut itu satu bulan mahu guna dua, tiga kasut. Saya tidak fahamlah macam mana lontar cokmar kasut yang habis. Sampai saya tulis surat dengan dia, kalau tidak ada cara lain you boleh jumpa dengan saya, saya akan tolong you macam mana hendak beli kasut. Saya cuba cari, lepas itu alhamdulillah dia bertukar ke Kuala Lumpur, bila lepas ke Kuala Lumpur lepas border boundary Sarawak itu, saya tidak hendaklah 'hidung tidak mancung, pipi tersorong-sorong' hendak bantu dia di Kuala Lumpur. Jadi terbiar begitu sahajalah.

Tuan Yang di-Pertua, jangan dianaktirikan mana-mana satu sukan, mana-mana satu aktiviti yang kita terima sebagai salah satu daripada aktiviti sukan negara. Jangan diberikan sport football ini sahaja, jangan badminton ini sahaja kita hendak maju. Kalau kita hendak menjadi negara sukan yang maju dan berwibawa, kita kena tekan semua badan sukan kita kena menjadikan anak favourite kita, mesti kena semua anak-anak sukan ini tidak kira sama ada siapa sahaja, jangan manja, kena disiplin ini penting, yang satu tekan yang satu, tidak boleh.

Jadi, dalam keadaan sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, perlantikan pesuruhjaya sukan - saya bawa ke situ. Orang yang dilantik menjadi pesuruhjaya sukan wilayah, timbalan, penolong pesuruhjaya dan pegawai-pegawai sukan ini tadi mintalah jangan dilantik daripada ahli politik ataupun kawan, rakan, adik beradik yang kita baik, yang kita senang hati dengan dia. Sepatutnya pegawai ini mestilah berlandaskan wibawanya, berlandaskan disiplinnya, kegigihannya, kecenderungannya dan kepimpinannya. Kalau itu tidak digunakan, walaupun banyak mana menteri sendiri yang setengah kabut nanti sebab orang bawahan tidak boleh.

Jadi, saya berharaplah pihak menteri kalau hendak pilih orang ini nanti soalan association dan politik itu diketepikan kerana kita banyak sangat cerita, bahkan semalam ada rakan sebut bila hendak mewakili satu badan itu, Selangor sahaja yang mewakili. Kalau hendak mewakili ini, ini satu negeri sahaja yang wakil. Kita tidak hendak ini berlaku lagi. Kita hendak yang betul-betul mewakili itu ialah orang yang betul-betul berbakat dalam sukan itu. Tadi, ada kawan saya dari Santubong menyentuhkan soalan second echelon of sport ini. Mungkin menteri sudah tahu ada seorang budak 14 tahun sekarang mengatasi rekod Watson Nyambek di Miri, saya kurang....

Tuan Michael Lisa Kaya: Watson Nyambek.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Haraplah tulis ikut nama yang betul, jangan ikut saya yang salah nanti. Yang dia nama Lajaukah siapa nama, Lajau namanya betul laju itu. Nama dia Lajau. Budak ini baru 14 tahun sudah boleh berlari macam Watson Nyambek, jadi kalau kita hendak sukan ini maju, kita kena lihat ini, apabila kita dengar nama orang ini, dia berlari macam kuda hidup macam apa, kita kena pluck him out and give him the necessary education, semua sekali, insentif sekali. Kalau universiti hendak, kalau dia berkemampuan masuk universiti, masuk universiti. Itulah tadi, kalau ada universiti sport, kalau siLajau ini boleh masuk ke sana, kita boleh majukan dia ke sana. Dengan sendiri pada masa mungkin setahun atau dua tahun yang akan datang budak ini boleh menjadi lebih baik daripada Watson Nyambek yang ada pada masa sekarang.

Jadi, saya berharap pihak kementerian dalam keadaan yang sedemikian oleh kerana tiap-tiap satu perkara, tiap-tiap satu benda, pendidikan awal adalah yang habis penting sekali, begitu juga kesukanan. Saya berharap pihak kementerian

boleh bekerjasama dengan pihak Kementerian Pendidikan supaya daripada masa sekarang kalau Commonwealth Games ini kita menjadi pengurus yang unggul, yang terbaik sekali yang pernah dilihat walaupun belum ada jaminan kita mengeluarkan pemenang-pemenang sukan ataupun wira-wira sukan yang baik, tetapi kita jangan berkecil hati dan putus asa. Kita ingat Commonwealth Games masih banyak lagi di hadapan kita, bukan untuk kita sekarang tetapi untuk masa hadapan, untuk negara. Jadi, Kementerian Pendidikan mesti bekerjasama dengan pihak Kementerian Belia dan Sukan untuk memajukan sukan negara.

Daripada masa sekarang saya berharap pihak Kementerian Pendidikan apabila merancang sekolah-sekolah, jangan lupa kemudahan-kemudahan sukan. Yang Berhormat, minta maaf, kalau pergi ke kawasan saya, kalau hendak main football, kaki sampai dekat sini, main football dalam pantai, orang kami di sana kata sampai 'kepalak lutut', sampai ke 'knee cap'. Jadi, macam mana hendak jadi ahli football bahkan orang di laut makan banyak ikan, banyak benda-benda yang memberikan energy. Dahulu 'Kudadita', Orang Ulu daripada kawasan Bukit Mas, kawan baik saya. Sebab dia laju bukan sebab lain, bukan nama dia 'Kuda' sebab dia laju. Sebabnya, turun naik daripada Lawas pergi ke Ba'Kelalan, pergi ke Bario jalan kaki dua minggu, saya ikut dia satu kali, dua minggu kita pikul barang makan, tak ada jalan lain, kalau tidak, kena naik belon sahaja. Jadi, dalam keadaan sedemikian, orang di luar bandar itu banyak, bukan sahaja di Sarawak tetapi juga di Sabah dan di Semenanjung Malaysia.....

Tuan Michael Lisa Kaya: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Bukit Mas bangun.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ya, sila.

Tuan Michael Lisa Kaya: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, ada sedikit percanggahan. Saya minta penjelasan dan pandangan Yang Berhormat. Tadi dia mengatakan di kawasannya mereka main bola, dengan izin, soccer game not on the beach but with water sampai ke knee cap. Adakah itu satu situasi yang tidak dapat membangunkan sukan. Tadi dia mengatakan saudara Kudadita, kalau saya ada peluang, saya akan cakapkan nanti, dia dapat mewakili Malaysia dahulu di dalam Sukan SEAP, Olimpik pun pernah, dari kawasan saya, kawasan Bukit

Mas. Oleh kerana beliau dapat balik ke kawasan Ba'Kelalan, Bario dengan berjalan kaki. Betul, Tuan Yang di-Pertua, dua minggu tinggal di dalam hutan dari pagi sampai petang. Saya pandangan situasi di Batang Lupar serupa dengan situasi di kawasan melahirkan Kudadita. Itu saya ingin penjelasan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya setujulah Yang Berhormat dari Bukit Mas itu. Di kawasan dalam hutan daripada Lawas sampai ke Ba'Kelalan dan sampai ke Bario itu, dua minggu berjalan kaki, saya pernah pergi oleh kerana saya dalam Field Force dahulu, bawa barang makanan, dua minggu, kita pikul senjata, bawa peluru, makanan untuk dua minggu kita pikul, jadi kita pergilah bersama. Dua minggu, berjalan daripada pukul 7.00 pagi dan berhenti pukul 6.00 petang, tiap-tiap hari macam itu dua minggu, pulang dan balik. Mereka berjalan di atas tanah yang keras, iaitu tanah kuning, jadi dia boleh berlari sedikit. Tetapi di kawasan saya oleh kerana lumpur, dia tidak boleh lari. Oleh kerana lumpur, tidak boleh lari, sebab itulah tidak dapat mengeluarkan Kudadita seperti yang dikeluarkan di Bukit Mas. Tetapi kalau tanah lumpur di kawasan saya itu boleh dikeraskan jadi padang yang baik, kita boleh keluarkan macam Kudadita itu dahulu. Macam mana nak lari lekat macam ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya berharaplah keadaan-keadaan di luar bandar apabila sekolah dicadangkan, mesti ada kemudahan-kemudahan sukan diberi bersama. Jangan katakan, okay, ambil tanah, cukup, supaya kita ada padang football, kita ada padang badminton, padang tenis dan sebagainya. Tetapi bila habis sekolah dibina, kontraktor sudah lepas tangan, dapat semua duit, kementerian sudah lupa yang padang football ini hidup dengan - di Semenanjung ini tidak ada - benda yang orang Sarawak katakan 'nguang', macam lobster tetapi ia di darat, dia tumbuh keluar beratus-ratus dalam satu padang football. Kalau kita berlaga di sana, kita langgar semua dia punya, orang Sarawak kata 'terunggu', macam gunung, di atas dia ada macam mountain boleh keluar macam volcano, tetapi yang keluar itu 'nguang'. [Ketawa] Susah saya hendak sebut oleh kerana tak faham, Tuan Yang di-Pertua.

Tetapi benda ini benar, realiti, oleh kerana tidak ada sumber kewangan diberi oleh pihak Kementerian Pendidikan untuk masalah ini, jadi semua tempat lapang ini terbiar begitu sahaja dan tempat-tempat kemudahan sukan yang kita sudah

rizab tanah-tanahnya tidak dibina. Jadi, macam mana kita hendak mencungkilkan bakat-bakat yang ada, bakat-bakat yang terpendam di luar bandar yang boleh menjadi macam si Lajau ini, budak daripada Ulu. Bila diberi peluang di Miri, dia berlari boleh laju daripada Watson Nyambek, saya pun terkejut dengar nama itu, bila dengar nama dia Lajau, sampai saya hendak pergi ke Miri hendak berjumpa dengan budak ini, tetapi saya singgah ke Bintulu sahaja. Sampai di Bintulu, semua orang cerita hal Lajau ini kerana sudah mengatasi rekod Watson Nyambek. Jadi, kalau budak ini kita didik betul-betul menjadi ahli sukan, dia boleh berlari di Commonwealth Games ini, mungkin boleh kalahkan Watson Nyambek. Dia satu orang sahaja, mungkin di Hulu Rompin pun ada juga orang buat macam itu tetapi oleh kerana publisiti tidak ada, kemudahan sukan tidak ada dan talent scout kita tidak ada pergi ke sana, sini, kita tidak dapat. Jadi dapatlah orang bandar ini sahaja, orang yang lemah, saya sebut orang lemah 'lutut', [Ketawa] orang yang tidak ada lagi, dia ingat karaoke, dia ingat night club, dia ingat semua benda yang glamour di bandar ini tetapi orang inilah yang akan menjadi orang sport kita, orang luar bandar tak ada kerana talent scout tidak ada.

Jadi, saya haraplah pihak kementerian nanti create satu talent scout, satu networking yang baik, transient mana-mana, transient political ideology, religion dan sebagainya, hendak cari talent dari mana-mana sahaja dan pool talent ini menjadi second echelon kepada atlet-atlet yang ada di negara kita ini. Insya-Allah, kalau tidak dalam Sukan Komanwel ini, akan kita majukan sukan ini menerusi undang-undang ini pada Sukan Komanwel yang akan datang.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mengundur diri. Terima kasih. [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: SibU.

6.10 ptg.

Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk mengucapkan tahniah kepada Menteri Belia dan Sukan kerana telah menyampaikan rang undang-undang yang bermakna serta berpandangan jauh yang mana akan meningkatkan lagi pembangunan sukan di negara kita.

Seperti yang saya telah difahamkan, pembangunan sukan di negeri kita di masa lampau kebanyakannya telah diusahakan dan dibantu dari

segi kewangan oleh sektor swasta melalui beratus-ratus persatuan dan kelab sukan di seluruh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun persatuan serta kelab sukan swasta telah dengan sedaya upaya mereka cuba untuk mempromosikan dan memperbaiki mutu sukan di negara kita, usaha mereka tidak begitu efektif disebabkan oleh kekurangan kewangan, profesionalisme serta kemudahan-kemudahan. Tambahan pula, sumbangan mereka di dalam mempromosikan sukan-sukan di negara kita tidak begitu dihargai, diperakui dan dibantu dengan sepenuhnya oleh kerajaan seperti:-

- (a) derma-derma kepada persatuan-persatuan dan kelab-kelab sukan tidak dikecualikan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri;
- (b) anugerah-anugerah negeri dan Persekutuan kepada ketua-ketua persatuan dan kelab-kelab sukan swasta tidak mencukupi;
- (c) kedua-dua kerajaan negeri dan Persekutuan tidak memberi bantuan kewangan kepada persatuan-persatuan dan kelab-kelab sukan swasta bagi mereka menganjur pelbagai pertandingan dan latihan-latihannya;
- (d) kerajaan tidak membina kemudahan-kemudahan sukan yang mencukupi bagi persatuan-persatuan dan kelab-kelab sukan untuk menganjur pertandingan-pertandingan dan latihan-latihan;
- (e) kedua-dua sekolah menengah dan rendah kekurangan peruntukan dan kemudahan untuk menganjur sukan-sukan;
- (f) begitu juga di universiti-universiti, penekanan terhadap pendidikan fizikal adalah tidak mencukupi;
- (g) ahli-ahli sukan kebangsaan yang memperolehi kecemerlangan tidak dianugerahkan dengan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan segala kelemahan ini ada berserta dengan satu objektif utama iaitu saya harap Akta Pembangunan Sukan 1997 apabila diluluskan oleh Dewan yang mulia ini akan memperbetulkan kelemahan-kelemahan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ikhlas mencadangkan bahawa kedua-dua Majlis Sukan

Kebangsaan, Majlis Olimpik Malaysia dan Panel Penasihat Sukan harus mempunyai wakil yang mencukupi daripada persatuan dan kelab sukan swasta dan tidak harus over dominated, dengan izin, oleh pegawai-pegawai kerajaan kerana:-

- (a) ketua-ketua di dalam persatuan-persatuan dan kelab-kelab sukan swasta adalah bekerja sukarela, ia mempunyai keinginan yang berkobar-kobar untuk mempengerusikan sukan demi minat mereka terhadap sukan;
- (b) pegawai-pegawai kerajaan mungkin keberatan untuk mempromosikan sukan-sukan kerana tugas dan tanggungjawab mereka terhadap kerajaan walaupun kebanyakan daripada mereka telah menjalankan kerja dengan baik sekali di dalam mempromosikan sukan-sukan di negeri kita; dan
- (c) persatuan dan kelab sukan sukarelawan disebabkan oleh pengalaman mereka untuk mengadakan peruntukan kewangan bagi menganjur aktiviti-aktiviti sukan, mereka akan lebih berhati-hati serta ekonomikal dan cekap di dalam membelanjakan wang.

Tuan Yang di-Pertua, maka amatlah penting untuk mempunyai wakil-wakil yang significant di dalam badan-badan sukan agar dapat mencapai kecekapan dan hasil yang maksimum.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan kita harus memperkenalkan professional career sepenuh masa di dalam sukan-sukan agar jaminan kewangan ahli sukan negara dan negarawan dapat diadakan. Saya banyak mendengar cerita yang menyedihkan iaitu ramai daripada bekas ahli sukan dan sukanita kita menganggur setelah mereka bersara daripada arena sukan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan harus mempunyai skim yang komprehensif bagi memastikan bahawa nafkah hidup ahli sukan dan sukanita negara dan negeri kita terjaga agar mereka dapat menumpukan sepenuh perhatian mereka di dalam latihan dan mengambil sukan sebagai karier sepanjang hayat mereka dan bukannya sebagai kerja sampingan.

Tuan Yang di-Pertua, syarikat swasta harus diberi insentif yang lebih banyak lagi agar mereka dapat mempromosikan sukan-sukan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita sememangnya kagum terhadap juara-juara antarabangsa yang

menggondol pingat emas pada peringkat umur yang muda. Saya fikir masanya sudah sampai bagi Malaysia untuk membina kolej ataupun universiti sukan bagi mengadakan program-program latihan bagi badan-badan sukan yang berpotensi pada peringkat umur yang masih muda lagi, terutama sekali di dalam bidang sukan gimnasium, menyelam dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap Akta Pembangunan Sukan 1997 tidak digunakan untuk menyekat dengan sewenang-wenangnya. Persatuan dan kelab sukan swasta hendaklah mengatur aktiviti-aktiviti sukan, seharusnya Akta ini mencuba mencipta persekitaran yang conducive bagi persatuan-persatuan dan kelab-kelab sukan swasta untuk mempunyai kebebasan sepenuhnya dan imaginasi untuk menjalankan aktiviti sukan mereka demi untuk membenarkan ratusan 'bunga' berkembang bersama.

Akhir kata, Tuan Yang di-Pertua saya berharap Akta Pembangunan Sukan 1997 akan memupuk budaya sukan kebangsaan, sukan untuk semua, semua untuk sukan.

Saya yakin Tuan Yang di-Pertua, Malaysia akan mencapai kecemerlangan di dalam sukan jika semua rakyat Malaysia bekerjasama berserta dengan wawasan untuk mencapai kecemerlangan di dalam bidang sukan untuk negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tuan.

6.19 ptg.

Tuan Yunof Edward Marinking [Tuaran]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangkit untuk membahaskan Rang undang-undang Pembangunan Sukan 1997. Pada dasarnya undang-undang ini mempunyai tujuan yang baik iaitu untuk mengawal pembangunan sukan dan sudah tentu pembentangan rang undang-undang ini timbul dari kesedaran bahawa pengawalan dan pengawasan kegiatan sukan bukan dari segi perkembangan sukan itu sendiri perlu dikawal, tetapi memandangkan pihak kerajaan memperuntukkan sebilangan besar jumlah wang rakyat untuk membangunkan sukan. Dari segi itu saya rasa pembentangan rang undang-undang ini adalah tepat dan kena pada masanya. Namun di dalam masa yang sama ada beberapa perkara yang harus diingati di dalam pelaksanaan akta ini kelak.

Kita harus mempunyai falsafah di dalam pembangunan sukan negara iaitu:

- (i) ialah untuk menggalakkan kesihatan fizikal dan mental rakyat di seluruh negara;
- (ii) untuk memupuk dan mengeratkan perhubungan persaudaraan bukan sahaja di kalangan rakyat, tetapi di antara negara-negara di seluruh dunia terutama di rantau Asia; dan
- (iii) haruslah sukan dijadikan satu aspek perindustrian negara yang boleh menyumbang ke arah pembangunan ekonomi negara.

Itulah yang saya rasa falsafah pembangunan sukan yang perlu kita kaji di dalam pelaksanaan Akta Pembangunan Sukan ini.

Tuan Yang di-Pertua, semua fakta yang saya katakan tadi itu ialah penting untuk mencapai pembangunan negara dari segala aspek di masa hadapan kelak. Justeru itu saya harap pihak kementerian akan mengambil kira pandangan yang saya kemukakan tadi itu.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam membangunkan sukan, penyertaan semua lapisan masyarakat amatlah penting, tetapi bila sesuatu kegiatan itu terlalu rumit dijalankan, oleh kerana adanya undang-undang ketat, maka perkembangan sukan itu mungkin akan terbantut dan tujuan kita untuk membangunkan sukan tidak akan tercapai. Maksud saya di dalam konteks ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah di dalam akta yang kita bahaskan pada petang ini dalam Dewan yang mulia ini terlalu banyak kawalan yang dikenakan. Justeru itu saya berharap pihak kementerian di dalam menjalankan fungsi-fungsinya nanti haruslah liberal.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan beberapa perkara di dalam Rang Undang-undang ini iaitu bagi kegiatan kelab sukan di sekolah-sekolah dan institusi-institusi pendidikan juga kelab-kelab sukan yang dibentuk oleh kakitangan kerajaan dan juga kakitangan syarikat-syarikat di mana tujuan sukan itu bukanlah untuk menjadi profesional ataupun semata-mata untuk kegiatan sukan sahaja, tetapi adalah hanya kegiatan sampingan haruslah dikecualikan secara automatik daripada kehendak ataupun peruntukan undang-undang ini. Ini perlu Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kalaulah pihak sekolah yang sudah pun menghadapi berbagai bebanan di dalam menjalankan tugas sebagai pendidik dan dihadapi pula kemungkinan dikenakan tindakan jenayah kalau menyalahi peruntukan undang-undang ini, maka kegiatan sukan di sekolah akan terbantut

dan pelajar-pelajar yang mengikuti sukan secara extra kurikulum akan tidak menjadi lebih giat di dalam sukan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang telah saya bangkitkan awal tadi ialah mengenai peruntukan 43 undang-undang ini, iaitu di mana menteri diberi kuasa muktamad untuk membuat pengubahsuaian atau pemindahan akta ini. Di dalam pengalaman saya sebagai seorang peguam, tidak ada undang-undang yang diperuntukkan sedemikian oleh kerana kuasa untuk membuat undang-undang adalah diletakkan kepada Parlimen dan segala peruntukan yang dibuat haruslah dibentang dan dibahas sebelum dilaksanakan agar tidak akan mengakibatkan sesuatu yang mungkin merosakkan imej kerajaan ataupun sukan itu sendiri. Saya sangat hairan kenapa ada peruntukan yang sedemikian di dalam undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya menteri hanya diberi kuasa untuk menggubal peraturan-peraturan, tetapi bukan untuk mengubah peruntukan dalam undang-undang ini. Saya khawatir kalau menteri diberi kuasa untuk berbuat demikian walaupun di peringkat awal, ia lebih rumitkan dan mungkin akan timbul pergeseran bukan sahaja di antara menteri dengan ahli-ahli kesatuan sukan, tetapi juga mungkin ahli-ahli atlet sendiri. Justeru itu saya fikir peruntukan 43 ini perlu diubahsuai dan dipertimbangkan implikasinya semasak-masaknya sebelum undang-undang ini diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang kita perlu ingat di sini seperti yang saya telah katakan awal-awal tadi di dalam falsafah sukan yang saya cadangkan tadi ialah kita mengiktiraf peranan pihak syarikat-syarikat untuk memajukan sukan. Kalau pihak syarikat-syarikat itu ataupun ahli-ahli korporat terlalu dikongkong untuk bersukan, sudah tentu mereka tidak akan memberi sumbangan positif di dalam pembangunan sukan. Dalam konteks ini Tuan Yang di-Pertua, kita harus ingat bahawa hampir segala aspek kegiatan kerajaan ataupun aktiviti-aktiviti pembangunan kerajaan kita swastakan, tetapi sukan pula kita mahu rangkum segala-galanya kuasa. Ini merupakan satu percanggahan dasar. Saya fikir kalau ini dilakukan, pembangunan sukan kita tidak akan ke mana. Justeru itu di dalam hal yang demikian, satu lagi saya ingin cadangkan iaitu di mana kegiatan sukan itu adalah kegiatan profesional, janganlah kementerian campurtangan di dalam pengurusan, mungkin dari segi regulations untuk mengawal imej

negara boleh, tetapi kalau untuk mengawal segala-gala kewangan dan juga pentadbiran, saya rasa ini akan rumitkan badan-badan suka yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ambil contoh misalnya golf course. Perbelanjaan untuk membina golf course bukannya kecil, kerajaan sendiri pun mungkin tidak sanggup untuk membina golf course. Tetapi kalau pihak kementerian campur tangan bagaimana hendak mengurus ataupun pihak persuruhjaya akan campur tangan bagaimana hendak mengurus, bukankah ini akan membantutkan tujuan asal membangunkan golf course.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa banyak perkara yang perlu dipertimbangkan di dalam undang-undang ini dan saya percaya perkara yang saya timbulkan tadi itu belum diperhatikan di dalam penggubalan undang-undang ini.

Satu lagi perkara, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai peranan badan-badan sukan, misalnya sekarang kelab-kelab sukan main bola atau bola sepak, masing-masing kerajaan negeri mempunyai kelab masing-masing dan ditadbir menurut pentadbiran yang diurus oleh kelab masing-masing. Saya rasa bila undang-undang ini dilaksanakan banyak pergeseran akan timbul dan memang tujuannya ialah untuk mengawal supaya pergeseran ataupun menguruskan kelab-kelab sukan itu sendiri akan terkawal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat masa untuk kali ini sudah cukup, boleh sambung esok.

Tuan Yunof Edward Maringking: Terima kasih.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

6.30 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

Dasar Pembentukan Pihak Berkuasa Tempatan

6.31 ptg.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, ada tiga peringkat kerajaan dalam negara kita ini, iaitu Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Tempatan. Bagi kebanyakan kawasan yang mengalami proses perbandaran, kerajaan yang terdekat dengan rakyat adalah Kerajaan Tempatan, iaitu sama ada pihak berkuasa tempatan itu dalam konteks Majlis Daerah ataupun Majlis Perbandaran ataupun City Council ataupun Bandaraya.

Hakikat ini memanglah lebih ketara di kawasan yang mengalami perbandaran daripada kawasan yang masih belum mengalami perbandaran. Perancangan, kelulusan pembangunan dan sebagainya adalah terletak kepada pihak berkuasa kerajaan tempatan. Undang-undang yang kita luluskan di Dewan Rakyat ini, di Parlimen merangkumi semua, tetapi ia tidak mengena kepada dan tidak dirasai sangat oleh rakyat dalam hidup hariannya berbanding dengan peraturan-peraturan dan juga undang-undang yang diluluskan di pihak kerajaan tempatan.

Jadi, saya ingin bertanya memandangkan hakikat ini semakin lama semakin ketara, kita berasa pelek juga sebab proses accountability pihak berkuasa kerajaan tempatan jika dibandingkan dengan kerajaan-kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan adalah berbeza kerana daripada Yang di-Pertua Majlis-majlis Kerajaan Tempatan dan Dewan Bandaraya ataupun ahli-ahli majlisnya adalah bukan daripada mereka yang dilantik oleh rakyat, ia tidak accountable kepada rakyat secara terus berbanding dengan Kerajaan Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri. Jadi, kita ingin bertanya apakah ada satu perancangan yang akan meningkatkan accountability pihak-pihak berkuasa kerajaan tempatan kepada rakyat yang mereka tadbirkan.

Saya juga ingin bertanya tentang apakah dia asas-asas yang digunakan oleh kerajaan kerana Akta Kerajaan Tempatan adalah satu rang undang-

undang yang diluluskan di Parlimen, Federal Legislation, apakah dia kriteria yang digunakan oleh kementerian sebagai asas panduan untuk membentuk sesuatu kerajaan tempatan, sama ada kerajaan tempatan itu majlis daerah ataupun majlis perbandaran atau sebagainya. Apakah kriteria-kriteria yang digunakan untuk menaik taraf, misalnya dari satu majlis daerah kepada majlis perbandaran ke bandar raya dan sebagainya. Dalam tempoh yang akan datang ini, misalnya dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh ini berapakah pihak berkuasa kerajaan tempatan yang telah dibenarkan untuk ditubuhkan, dan apakah perhubungan dalam kita mengguna pakai peruntukan-peruntukan dalam Akta Kerajaan Tempatan ini dari segi kementerian dengan kerajaan-kerajaan negeri untuk mewujudkan pihak-pihak berkuasa kerajaan tempatan ini?

Saya menimbulkan soalan ini kerana saya juga mempunyai kepentingan untuk mengetahui tentang ini kerana misalnya di Pulau Pinang di sebelah pulau, di seluruh negeri Pulau Pinang cuma ada dua pihak berkuasa tempatan, iaitu Majlis Perbandaran Pulau Pinang yang merangkumi keseluruhan pulau Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Prai yang merangkumi bahagian negeri Pulau Pinang di sebelah Tanah Besar. Jadi, kita ingin bertanya apakah rasional, kenapa kita masih kekalkan pembahagian kerajaan tempatan di negeri Pulau Pinang kepada dua sahaja walaupun penduduknya di dalam kedua-dua negeri itu, di sebelah pulau pun hampir 600,000 lebih dan di sebelah Seberang Prai lebih daripada angka yang tersebut.

Kerana saya merasakan bahawa kawasan Parlimen saya yang merupakan kawasan daerah barat daya di atas pulau mempunyai kemampuan dari segi kewangannya, dari segi 'revenue base'nya, 'tax base'nya, dari segi kemampuan pentadbiran dan sebagainya. Tetapi yang penting sekali kita mempunyai kemampuan untuk mengutip hasil sama ada dari segi assessment residential ataupun assessment industrial mahupun assessment untuk komersial yang boleh digunakan untuk kita mentadbirkan satu kerajaan tempatan yang sendiri di dalam kawasan daerah barat daya di pulau Pulau Pinang. Saya juga ingin mengetahui apakah kriteria-kriteria yang masih belum dipenuhi oleh daerah ini yang menghalang ia daripada membolehkan pecah sempadan kerajaan tempatan ini dilakukan di sebelah pulau Pulau Pinang khususnya di antara kawasan timur laut, kawasan Bandaraya Georgetown dengan kawasan barat

daya yang selebihnya di atas pulau, iaitu dalam kawasan Parlimen Balik Pulau. Jadi, kita ingin mengetahui dengan lebih jelas kriteria-kriteria ini, proses-proses yang terpaksa dilalui daripada kementerian dan juga kerajaan-kerajaan negeri untuk mewujudkan pihak-pihak berkuasa tempatan khususnya apakah kedudukannya mengenai proses pecah sempadan di kawasan daerah barat daya pulau Pulau Pinang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Timbalan Menteri sila jawab.

6.36 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat dari kawasan Balik Pulau yang mengatakan bahawa pihak berkuasa tempatan (PBT) selaku kerajaan di peringkat ketiga lebih mempengaruhi kehidupan rakyat seharian. Oleh itu, ia amat penting. Tetapi, walau bagaimanapun, saya tidak bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat bahawa accountability pihak berkuasa tempatan atau ahli-ahli majlisnya semestinya ditingkatkan jika ahli-ahli PBT itu dipilih oleh rakyat.

Sesungguhnya dalam sistem di mana ahli-ahli majlis PBT dilantik oleh kerajaan-kerajaan negeri sepertimana yang dilaksanakan sekarang ini, PBT juga bertanggungjawab kepada rakyat terhadap apa yang dilaksanakannya. Ahli-ahli majlis PBT berkenaan yang dilantik oleh kerajaan-kerajaan negeri adalah terdiri daripada orang-orang politik dan pemimpin-pemimpin masyarakat yang berpengaruh di peringkat tempatan, dan mereka ini berkemampuan mewakili kepentingan rakyat tempatan juga. Perlantikan mereka boleh dibatalkan oleh kerajaan-kerajaan negeri jika pada pandangan kerajaan-kerajaan negeri berkenaan mereka tidak berupaya menjalankan tugas-tugas mereka dengan memuaskan.

Sejak tahun 1965 apabila pilihan raya kerajaan tempatan ditangguhkan sehingga ke hari ini, sistem lantikan ahli-ahli majlis PBT ini telah berjalan dengan baik dan telah banyak membantu negara kita membangun. Malah sistem ini telah berjaya mengurangkan politicking di peringkat tempatan, dan justeru itu menyumbangkan kepada usaha pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan asas membentuk sesuatu kawasan kerajaan tempatan itu, inginlah saya memaklumkan bahawa ianya terletak pada budibicara kerajaan-kerajaan negeri. Sekiranya kerajaan negeri berpendapat bahawa wajar diwujudkan sebuah PBT untuk mentadbirkan sesuatu kawasan di dalam negeri itu, pihak berkenaan boleh mengambil tindakan-tindakan berasaskan Seksyen 3, Akta Kerajaan Tempatan 1976 untuk mewujudkannya. Apa yang perlu, perkara tersebut hendaklah dirundingkan dengan Suruhanjaya Pilihanraya dan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan terlebih dahulu. Pada kebiasaannya, cadangan-cadangan kerajaan-kerajaan negeri akan dibawa untuk pertimbangan dan persetujuan Jemaah Menteri terlebih dahulu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan tempatan Semenanjung Malaysia telah mengalami proses penyusunan semula pada tahun 1976 dahulu. Melalui proses penyusunan semula tersebut jumlah PBT di Semenanjung Malaysia pada masa itu berjumlah lebih kurang 374 buah dapat dikurangkan menjadi 96 sahaja pada masa sekarang. Proses penyusunan semula PBT di Pulau Pinang pada tahun 1976 dahulu memperlihatkan percantuman 5 buah PBT yang ada di negeri tersebut menjadi 2 buah Majlis Perbandaran. Ini adalah hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada masa itu. Sekiranya sekarang ini rakyat negeri Pulau Pinang memerlukan suatu keadaan lain yang sebaliknya, itu terpulanglah kepada kerajaan negeri berkenaan untuk menimbang dan memutuskannya terlebih dahulu sebelum dibawa untuk pertimbangan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan kerajaan tempatan.

Berhubung dengan kriteria menaikkan taraf majlis daerah kepada majlis perbandaran itu, sukacitalah saya memaklumkan bahawa berdasarkan kepada garis panduan yang diluluskan oleh Jemaah Menteri yang masih dipakai sehingga sekarang ini, sesebuah majlis daerah boleh dinaikkan taraf kepada majlis perbandaran apabila memenuhi kriteria-kriteria seperti berikut:

- (i) penduduknya telah melebihi 100,000 orang;
- (ii) hasil tahunannya telah melebihi RM5 juta;
- (iii) telah sedia wujud jentera pentadbiran yang lengkap dan tersusun; dan
- (iv) keperluan penduduk lebih tertumpu

kepada perkhidmatan bandaran yang baik dan berkualiti daripada infrastruktur asas.

Tuan Yang di-Pertua, itulah pandangan-pandangan daripada pihak kementerian untuk ucapan balas kepada Ucapan Penangguhan tadi.

Pergantungan Kepada Penswastaaan dan Pengkorporatan

6.48 ptg.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Persyarikatan Malaysia mendorong kalau boleh semua kemudahan dan perkhidmatan di negara ini diswastakan dan dikorporatkan. Seni politik bermakna kecenderungan dan kepintaran mengambil, mentadbir dan memulangkan kepada rakyat. Tetapi keghairahan pihak kerajaan membataskan peranan hanya kepada dua daripada elemen di atas.

Penswastaaan dan pengkorporatan (PSPK) - dari segi servis yang diberi, dahulu jenis penswastaaan ini merupakan tanggungjawab negara. Tetapi sekarang menjadi kepentingan golongan elit semata-mata. Tidak dapat dinafikan terdapat unsur-unsur penindasan. Contohnya, bil air, api, keperluan harian makin naik. Tidak ada yang turun. Dengan itu, beban dan keperluan harian semakin naik. Ini beban yang ditanggung oleh rakyat meningkat akibat peningkatan kos yang sangat drastik.

Badan-badan yang diswastakan atau dikorporatkan seperti TNB, IWK dan sebagainya mengaut keuntungan beratus kali ganda. Ini jelas daripada laporan kewangan mereka. Dari segi konsensi selama 20 sehingga 30 tahun, PSPK jelas mengaut keuntungan berterusan paling lumayan di atas keringat dan banting tulang rakyat. Kerajaan kelihatan seolah-olah memindahkan tanggungjawab asasinya kepada suatu bentuk raksasa yang bergelar pengurusan profesional, tetapi tenaga, nadi dan saraf raksasa itu disedut daripada keringat dan darah rakyat.

Adalah jelas bahawa nilai kebajikan dan obligasi sosial pihak kerajaan semakin terhakis kerana dasar atau polisi PSPK adalah untuk memaksimumkan keuntungan sebagai balasan profesionalisme yang disumbangkan, yang mungkin juga termasuk kos 'make-up' sebagai membalas budi di atas konsesi yang dihadiahkan.

Dengan itu, sudah pasti kos keseluruhan semakin meningkat kerana kenaikan harga yang paling berkait di dalam mengisi pelbagai keperluan hidup harian masyarakat. Dengan itu juga, jurang miskin kaya semakin meluas kerana kenaikan kos tidak dapat ditampung oleh keupayaan kuasa beli golongan bawah yang semakin lemah.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan ini sering diperjuangkan oleh gerakan pengguna dan aktivitis masyarakat, namun demikian kesimpulan untuk ruangan yang terbatas ini, saya ingin menyeru pihak kerajaan supaya memikirkan secara serius dan mendalam persoalan tersebut di atas dan kesan akibat yang amat membebankan rakyat. Bahawa PSPK perlu dilihat dari sudut perlunya kemudahan dan perkhidmatan yang melibatkan hak asasi rakyat, tetapi menjadi tanggungjawab kerajaan.

Walaupun negara memang memerlukan sumbangan sektor swasta dalam pembangunan, namun dasar membuat keuntungan yang berlipat ganda harus dikawal dan sumbangan profesionalisme benar-benar dapat mempertingkatkan kualiti dan kesempurnaan perkhidmatan, tegasnya 'service oriented' dan bukannya matlamat keuntungan semata-mata. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta menjawab.

6.47 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu yang dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat, bahawa penswastaaan telah menyebabkan tanggungjawab kerajaan diambil alih oleh golongan elit dan jurang perbezaan ekonomi miskin kaya semakin meluas. Sukacita dijelaskan bahawa dakwaan ini adalah tidak benar. Di sini tidak timbul isu bahawa tanggungjawab kerajaan berpindah kepada golongan elit kerana adalah lebih bermanfaat bagi negara sekiranya aktiviti yang berbentuk komersial diambil alih oleh pihak swasta yang akan dapat memberi perkhidmatan yang lebih cekap, manakala kerajaan pula menumpukan kepada usaha-usaha mengawalselia yang bertujuan untuk melindungi kepentingan pengguna-pengguna.

Di samping itu, banyak pihak telah mendapat faedah daripada program penswastaaan kerajaan termasuklah kakitangan agensi yang diswastakan

dan orang awam yang menikmatinya melalui tawaran saham syarikat penswastaan yang disenaraikan di Buras Saham Kuala Lumpur.

Program penswastaan telah membuka peluang kepada semua golongan termasuk golongan berpendapatan rendah serta bumiputera untuk menceburi bidang komersial yang berdaya maju yang dapat meningkatkan pendapatan mereka. Malah peluang-peluang pemilikan saham oleh agensi-agensi amanah seperti PNB, Lembaga Tabung Haji, Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Koperasi Polis DiRaja, amanah-amanah saham negeri dan lain-lain melalui projek-projek penswastaan yang disenaraikan di BSKL telah meningkatkan tahap ekonomi golongan yang berpendapatan rendah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menjamin kejayaan pelaksanaan program penswastaan, kerajaan perlu memastikan syarikat-syarikat yang terlibat mempunyai keupayaan dari segi teknikal dan kewangan untuk terlibat dalam projek-projek penswastaan. Namun begitu, program penswastaan juga merupakan salah satu mekanisme bagi mewujudkan lebih banyak golongan pertengahan bumiputera. Ini adalah kerana program penswastaan telah dapat memberi peluang kepada syarikat bersaiz kecil milik penuh bumiputera untuk mengambil bahagian di dalam program penswastaan kerajaan, sama ada dengan melibatkan diri secara langsung dalam projek penswastaan ataupun secara usahasama dengan syarikat-syarikat besar.

Dalam hubungan ini, selaras dengan usaha untuk membangunkan industri kecil dan sederhana, syarikat-syarikat yang terlibat dalam projek penswastaan telah disyaratkan supaya mengadakan program pembangunan vendor dan konsep payung, seperti contohnya Telekom Malaysia telah melaksanakan sebanyak 6 program vendor, manakala Proton sebanyak 18. Program vendor ini adalah untuk memberi peluang kepada syarikat-syarikat kecil dan sederhana turut sama terlibat dengan aktif dalam program penswastaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penswastaan telah menghasilkan banyak penjimatan dari segi perbelanjaan modal dan mengurus. Sehingga kini, penjimatan dari segi perbelanjaan modal adalah sebanyak RM96.2 bilion, manakala penjimatan ke atas belanja mengurus tahunan adalah sebanyak RM7 bilion.

Sementara itu, jumlah pendapatan daripada penjualan aset dan ekuiti adalah sebanyak RM22

bilion. Penjimatan ini telah membolehkan kerajaan memberi tumpuan kepada projek-projek yang lebih penting termasuk projek-projek untuk membasmi kemiskinan dan projek-projek berbentuk sosial terutamanya di kawasan luar bandar.

Di samping itu, kerajaan juga dapat mengurangkan beban pinjaman dari luar negara bagi membiayai projek-projek sekiranya projek-projek tersebut tidak diswastakan. Ini bermakna bahawa penswastaan telah juga dapat membantu ke arah belanjawan berimbang dan dengan itu mengukuhkan kewangan sektor awam.

Dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa kebanyakan projek penswastaan mempunyai unsur penindasan atas alasan caj yang dikenakan telah meningkat adalah mengelirukan. Dalam hubungan ini, semua pihak wajar faham bahawa kadar caj yang dikenakan sebelum sesuatu projek diswastakan adalah tidak berasaskan kepada dengan izin, full costing. Kos ini sebenarnya ditanggung oleh semua pembayar cukai yang sebahagiannya tidak menggunakan perkhidmatan berkenaan.

Malah kadar caj yang rendah sebelum penswastaan adalah kerana subsidi yang tinggi yang disediakan oleh kerajaan. Kadar caj yang dikenakan selepas penswastaan perlu mengambil kira kesemua kos tersebut yang menyebabkan ianya lebih tinggi sedikit daripada caj asal.

Walau bagaimanapun, kerajaan akan memastikan bahawa kadar caj yang dikenakan khususnya kadar caj bagi industri yang bersifat monopoli semula jadi seperti perkhidmatan telekomunikasi dan elektrik kekal kepada paras berpatutan dan tidak membebankan pengguna.

Dalam hubungan ini, jika dibandingkan dengan negara jiran, kadar caj yang dikenakan di negara ini secara relatifnya adalah lebih rendah daripada caj yang dikenakan di negara-negara tersebut. Ini adalah bertujuan untuk membolehkan negara dapat bersaing dengan secara berkesan dalam konteks globalisasi serta menarik pelabur asing untuk melabur di negara ini. Oleh itu, kerajaan akan mengawasi dari masa ke semasa bagi menentukan supaya kedudukan persaingan negara dapat dikekalkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak penswastaan Tenaga Nasional Berhad, kerajaan telah dapat mengekalkan kadar caj kepada paras yang rendah dan hanya meluluskan kenaikan

yang berpatutan memandangkan tenaga merupakan satu input yang penting dalam proses pembangunan negara.

Di samping itu, kerajaan juga telah menetapkan bahawa sebarang kenaikan kadar caj perlu tertakluk kepada keputusan kerajaan. Ini bermakna bahawa pihak syarikat tidak boleh menaikkan kadar tarif atau caj sewenang-wenangnya bagi memastikan kepentingan pengguna-pengguna dapat dilindungi dengan berkesan.

Dasar penswastaan tidak bermakna sesetengah golongan dapat mengaut keuntungan semata-mata. Sebaliknya dasar ini dilaksanakan dengan tujuan supaya perkhidmatan yang diswastakan tersebut dapat disediakan secara lebih cekap, inovatif setanding dengan perkhidmatan yang disediakan di negara-negara maju.

Adalah juga menjadi harapan kerajaan supaya penswastaan akan dapat menghasilkan syarikat-syarikat besar yang dapat bersaing dengan berkesan di peringkat antarabangsa dan seterusnya membantu meningkat pendapatan tukaran wang asing negara. Dalam melaksanakan projek-projek penswastaan, kerajaan juga menyedari bahawa entiti tersebut perlu memperolehi keuntungan yang munasabah bagi membiayai pelaburan yang besar, yang disediakan di samping ianya memberi insentif kepada pihak swasta yang berkenaan bagi meningkatkan kecekapan dan mutu perkhidmatan yang diberikan.

Mengenai tempoh konsesi yang panjang, di mana syarikat mengaut keuntungan yang berterusan seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, sukacita dimaklumkan bahawa pihak syarikat terpaksa membelanjakan wang yang banyak bagi melaksanakan sesuatu projek penswastaan. Pelaburan tersebut perlulah mendapat pulangan yang munasabah, tempoh konsesi yang panjang tersebut diberikan bagi membolehkan pihak syarikat mendapat pulangan ke atas pelaburan modal yang dikeluarkan bagi melaksanakan projek penswastaan itu. Kerana sekiranya tempoh konsesi yang lebih pendek diberikan, projek berkenaan mungkin tidak menjadi viable.

Contohnya, bagi sesetengah projek penswastaan, seperti pembinaan jalan raya dan kemudahan infrastruktur, pelaburan modal ke atas projek-projek tersebut adalah besar sekiranya tempoh konsesi projek-projek tersebut adalah pendek, projek-projek tersebut sudah pasti tidak

akan berdaya maju dan tidak boleh dilaksanakan secara penswastaan.

Oleh itu, kerajaan mungkin terpaksa menyediakan subsidi yang besar bagi memastikan projek tersebut dapat dijalankan dengan jayanya. Oleh itu, adalah tidak munasabah tempoh konsesi yang pendek diberikan untuk projek penswastaan yang besar.

Pelaksanaan program penswastaan tidak bermakna kerajaan memindahkan tanggungjawab asasnya dalam memberi perkhidmatan kepada rakyat bagi aktiviti dan perkhidmatan kerajaan yang diswastakan tersebut. Sebaliknya, tanggungjawab kerajaan bagi menjaga kepentingan rakyat akan kekal walaupun sesuatu projek diswastakan, malah kerajaan dapat menumpukan kepada usaha-usaha penguatkuasaan dengan lebih berkesan terhadap perkhidmatan yang diswastakan setelah aktiviti yang bercorak komersial diambil alih oleh pihak swasta.

Dalam hubungan ini, kerajaan mempunyai mekanisme khusus mengenai perkara ini termasuklah pengwujudkan badan kawalselia dan sebagainya bagi mengawalselia perkhidmatan yang diswastakan khususnya dalam menentukan supaya kepentingan rakyat terpelihara.

Malah pihak swasta yang mengendalikan sesuatu perkhidmatan yang diswastakan masih tertakluk kepada syarat-syarat dan terma-terma yang ditetapkan oleh kerajaan bagi menjaga kepentingan rakyat dan negara dari masa ke semasa.

Dalam keadaan tertentu, kerajaan akan terus mengekalkan pegangan ekuiti selepas penswastaan seperti dalam kes Tenaga Nasional Berhad dan Telekom Malaysia Berhad ataupun memegang 'golden share' di mana kerajaan akan mempunyai kuasa pemutus terhadap keputusan-keputusan dasar yang akan dilaksanakan oleh syarikat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan adalah prihatin bahawa nilai kebajikan dan tanggungjawab sosial merupakan inti pati penting di dalam mana-mana projek penswastaan. Dalam hubungan ini, kerajaan telah menetapkan bahawa agensi-agensi yang diswastakan perlu juga memikul tanggungjawab sosial yang berkaitan termasuk mengadakan program latihan, pemindahan teknologi dan memperuntukkan sebahagian kontrak kerja kepada kontraktor bumiputera serta mengadakan perkhidmatan yang berdaya maju.

Tanggungjawab sosial yang perlu dilaksanakan adalah terkandung dengan jelas dalam perjanjian penswastaaan dan lesen yang dikeluarkan kepada agensi yang diswastakan. Sebagai contoh, Tenaga Nasional Berhad dan Independent Power Producers (IPP) telah dipertanggungjawabkan untuk menyediakan kemudahan bekalan elektrik di kawasan luar bandar walaupun perkhidmatan tersebut adalah tidak berdaya maju.

Begitu juga dengan Telekom Malaysia Berhad yang perlu menyediakan perkhidmatan telekomunikasi ke kawasan-kawasan luar bandar. Perlulah dijelaskan di sini sekali lagi bahawa walaupun sesuatu perkhidmatan tersebut diswastakan atau diambil alih oleh pihak swasta

yang rata-rata bermotifkan keuntungan tetapi dalam konteks pelaksanaan Dasar Penswastaaan di Malaysia, kerajaan masih lagi bertanggungjawab menentukan supaya perkhidmatan yang diswastakan tersebut dilaksanakan dengan lebih cekap, di samping kepentingan rakyat terpelihara melalui mekanisme kawalselia yang diwujudkan oleh kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.